

DN.8.5.2001

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
Selasa, 8 Mei 2001**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMILIHAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

Timbalan Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Yang Berhormat Haji Ghapar bin Gurrohu dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan mengikut Peraturan Mesyuarat 5, Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Negara, saya telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Pandikar Amin Haji Mulia]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana seorang sahaja ahli yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan disokong, maka mengikut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 5(2) saya dengan ini mengisytiharkan bahawa Yang Berhormat Haji Gapar bin Gurrohu dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. *[Tepuk]*

[Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gorruho mengangkat sumpah dan mengambil tempat duduk di dalam Dewan]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PEMILIHAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu yang baru sebentar tadi dipilih dan mengangkat sumpah sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Saya berharap Ahli Yang Berhormat sebagai Timbalan Yang di-Pertua dapat memberi sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan

kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 19 Mac 2001, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam *Penyata Rasmi*.

[Teks Titah Ucapan Diraja adalah seperti di lampiran]

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (2000) (No. 2) 2000;
2. Akta Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 2000;
3. Akta Pekerja-pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan)(Pembubaran) 2000;
4. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2000;
5. Akta Kewangan (No. 2) 2000;
6. Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2000;
7. Akta Perbekalan 2001;
8. Akta Kanak-Kanak 2001;
9. Akta Perbadanan Labuan 2001;
10. Akta Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan) 2001;
11. Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001;
12. Akta Pengangkutan (Pindaan) 2001;

13. Akta Akauntan (Pindaan) 2001;
14. Akta Suruhanjaya Tenaga 2001;
15. Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“19 April 2001

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2000 dan 2001) 2001;
2. Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2000;
3. Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2000; dan
4. Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia
(Pemerbadanan)(Pindaan) 2000;

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Pandikar Amin Haji Mulia]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Khoo Lay Hin** minta Perdana Menteri menyatakan tindakan yang telah diambil kerajaan yang menjadikan Malaysia lebih liberal dan demokratik dalam 19 tahun yang lepas.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan no. 22.

Pelaksanaan sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini memberi hak dan kebebasan yang terjamin mengikut undang-undang yang telah ditetapkan. Bagaimanapun sistem demokrasi ini telah diambil kesempatan dan digunakan dengan meluas oleh parti-parti pembangkang bagi menyebarkan fitnah, memutabelitkan tujuan sebenar sesuatu program pembangunan yang dirancang oleh kerajaan, menerbitkan majalah dan akhbar, mengadakan ceramah dan menyebarkan melalui Internet apa yang boleh dikatakan kesemuanya berunsur menghasut dan menyampaikan maklumat dengan secara tidak bertanggungjawab.

Mereka telah menggunakan kebebasan yang ditetapkan dalam sistem demokrasi sebenarnya menyalahgunakannya dan pada masa yang sama menuduh kerajaan sebagai tidak demokratik. Sekiranya kerajaan tidak demokratik sudah tentulah mereka tidak akan dapat mempunyai parti politik atau mengadakan dan menyebarkan segala macam fitnah dan hasutan untuk memburuk-burukkan kerajaan.

Mereka menikmati segala macam kemudahan dan pembangunan tetapi pada masa yang sama mengkritik pembangunan yang dilaksanakan kerajaan. Mereka mahu kerajaan sentiasa mematuhi dan mengikut peraturan dan undang-undang tetapi pada masa yang sama mengkritik pelaksanaan peraturan dan undang-undang tersebut sekiranya tindakan yang diambil adalah terhadap pemimpin atau penyokong mereka.

Penyokong parti-parti berkenaan kononnya mengagungkan demokrasi tetapi pada masa yang sama menggalakkan demonstrasi jalanan untuk menjatuhkan kerajaan yang dipilih secara sah mengikut peraturan dan undang-undang yang ditetapkan di bawah sistem demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang mereka inginkan melalui sistem demokrasi ialah kebebasan untuk menganjurkan rusuhan jalanan, setelah kecewa dengan

keputusan pilihan raya untuk mengambil alih kuasa. Mereka bertekad untuk menjatuhkan kerajaan yang dipilih secara sah dengan cara tidak demokratik dan bekerjasama dengan anasir-anasir luar untuk merosakkan ekonomi dan keamanan negara.

Bagi mereka, apa yang mereka lakukan, walaupun menjejaskan keamanan dan ditentang oleh majoriti rakyat, adalah hak mereka dalam demokrasi akan tetapi pada hakikatnya merekalah yang tidak demokratik kerana menafikan hak majoriti rakyat yang tidak inginkan keganasan dan mahu supaya kerajaan yang dipilih secara sah terus kekal memerintah.

Bagaimana pun pembangkang tidak akan henti-henti mengkritik apa sahaja yang dilakukan kerajaan walaupun ia memberikan manfaat kepada rakyat dan seluruh negara. Kritikan-kritikan mereka yang keterlaluan dan tidak berasas telah menyebabkan banyak rancangan pembangunan rakyat tidak dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan. Walaupun ada segelintir rakyat yang telah terpengaruh tetapi kerajaan akan terus berusaha menerangkan keadaan sebenar dan alhamdulillah ramai telah mula sedar dan menyokong semula kerajaan yang telah dipilih secara sah mengikut sistem demokratik yang kita amalkan. Sekian.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya sebelum itu ingin mengucapkan tahniah kepada pihak polis kerana awal-awal lagi dapat menentukan "black 14" di mana demonstrasi besar-besaran yang sepatutnya diadakan pada 14 April 2001 ini tidak dapat dijalankan kerana pihak polis mengambil tindakan yang begitu cepat di bawah seksyen 73(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri dan seterusnya di bawah seksyen 8.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan, setakat ini berapa banyakkah makalah-makalah, surat-surat khabar yang telah pun diambil tindakan kerana memutarbelitkan isu-isu yang sebenarnya berlaku di negara kita ini kerana di bawah Akta Percetakan memang pihak kerajaan boleh mengambil tindakan dan negara jiran pun pernah mengambil tindakan dan baru-baru ini kita dapati, pihak kerajaan mengambil tindakan kepada majalah *Time* di mana isu 16 April 2001, muka surat 40, gambar, mohon izin, Nabi kita s.a.w. ditunjukkan dalam berupa kartun dan pihak kerajaan amat tegas menahan pengeluaran ini diedarkan tetapi walau bagaimanapun banyak terdapat majalah ini di merata tempat.

Jadi, soalnya sekarang apakah pemantauan yang dibuat bagi menentukan makalah-makalah yang bercanggah ini dapat disekat dari segi pengedarannya dan setakat ini berapa banyak yang telah pun diambil tindakan.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz. Soalan yang telah diberi kepada kerajaan ini atau kepada saya ada yang relevan kepada saya dan ada yang relevan untuk Kementerian Dalam Negeri. Yang relevan bagi Jabatan Perdana Menteri saya akan jawab. Bagi masalah Kementerian Dalam Negeri saya mohon Yang Berhormat bertanya bila tiba masanya.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, kita memang selalunya melihat dan mengkaji apa yang telah ditulis oleh puak-puak yang tidak bertanggungjawab, khususnya puak-puak pembangkang yang memang sengaja mengadu-domba supaya negara ini tidak menjadi stabil dan supaya mereka capai apa yang mereka igaukan atau impikan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita sedia akan mengambil tindakan seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat, untuk mengelakkan masalah demonstrasi jalanan besar-besaran, kita telah menjalankan satu operasi di mana "bla ck 14" itu telah dapat dipatahkan kerana tindakan kerajaan yang bijak dan insya-Allah kita akan sentiasa mengambil tindakan terhadap perkara-perkara yang akan dibangkitkan oleh puak-puak yang tidak bertanggungjawab ini demi untuk kesejahteraan rakyat dan negara. Sekian.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, di antara tindakan-tindakan yang dialu-alukan oleh segolongan rakyat yang ditafsirkan sebagai liberal ialah mengkaji semula atau pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Adakah kerajaan bercadang berbuat demikian sebagai menambah satu lagi aspek liberalisasi yang telah dijawab itu. Terima kasih.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Di dalam pandangan kerajaan, ISA masih lagi perlu diguna pakai dan ISA kita tidak menggunakan dengan sewenang-wenang. Ia adalah untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman rakyat. Kalau Yang Berhormat buat kajian, kita tidak pakai ISA lebih daripada 15 tahun khususnya bagi penangkapan-penangkapan yang kononnya dikata digunakan terhadap parti-parti pembangkang atau parti-parti yang bertentangan dengan Barisan Nasional.

Jadi, kita tetap akan mengekalkan ISA ini kerana pada pandangan kerajaan, ia masih mesti diguna pakai jika diperlukan. Terima kasih.

2. Toh Puan Wan Seri Asiah binti Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah tindakan yang telah diambil terhadap pentadbiran PUNB yang telah cuba melarikan wang melalui bon yang bernilai berbilion ringgit.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat To' Puan Wan Asiah binti Ahmad bersama-sama dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail yang dijadualkan pada 9 Mei 2001 kerana kedua-dua soalan ini adalah mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan daripada terdedahnya kes penerbitan bon bernilai ASD5 bilion secara tidak sah oleh pegawai-pegawai PUNB yang tertentu, Lembaga Pengarah PUNB telah menggantung perkhidmatan pegawai-pegawai yang terlibat. Di samping itu, perkara ini adalah di dalam siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR). Oleh yang demikian, tindakan selanjutnya akan dapat ditentukan selepas pihak BPR selesai menjalankan siasatannya. Terima kasih.

3. Tuan Zainal bin Rampak minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, adakah Kementerian Sumber Manusia bercadang untuk menambah bilangan kakitangan di Jabatan Perhubungan Perusahaan bagi mengendalikan kes-kes pembuangan kerja dan kebuntuan perjanjian di bawah Akta Perhubungan Perusahaan yang tertunda begitu banyak di jabatan tersebut.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia telah berusaha untuk mengatasi segala kes-kes pembuangan kerja dan kebuntuan perjanjian di bawah Akta Perhubungan Perusahaan yang tertunda di Jabatan Perhubungan Perusahaan. Di antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:-

- (i) menempatkan beberapa orang pegawai perhubungan perusahaan dari Jabatan Buruh Semenanjung Malaysia ke Jabatan Perhubungan Perusahaan mulai 1 Ogos 2000;
- (ii) menambahkan sepuluh lagi jawatan secara kontrak bagi Pegawai Perhubungan Perusahaan dan empat lagi jawatan pembantu tadbir rendah;

Pegawai yang menjalankan tugas berkenaan dengan kes-kes pembuangan kerja telah diminta meningkatkan lagi produktiviti mereka menyelesaikan kes-kes berkaitan dengan kadar yang segera.

Tindakan-tindakan ini telah mewujudkan hasil yang positif tentang kes-kes yang telah tertunggak.

Tuan Zainal bin Rampak: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, saya ingin mengetahui daripada pihak kementerian, setakat ini berapakah jumlah pekerja yang telah ditamatkan kerjanya dan berapakah jumlah di antara kes-kes yang telah dirujuk, yang telah diselesaikan oleh kementerian.

Dato' Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan pertama ialah berapa bilangan pekerja yang telah dibuang kerja. Mengikut rekod yang telah diterima oleh Kementerian Sumber Manusia dalam tempoh enam bulan kebelakangan ini iaitu sejak bulan Oktober 2000 hingga akhir bulan Mac tahun ini, lebih kurang 14,000 orang pekerja telah diberhentikan kerja oleh majikan-majikan tertentu. Namun demikian, daripada *feedback* atau maklumat yang telah dikumpulkan oleh Kementerian Sumber Manusia, kebanyakan mereka telah dapat kerja baru dan Kementerian Sumber Manusia akan terus membantu mereka daripada segi ini.

Tentang kes-kes yang telah dirujuk kepada Kementerian Sumber Manusia, mengikut rekod, memang kebanyakan kes yang telah dirujuk kepada Jabatan Buruh telah diselesaikan untuk tahun ini, tiga bulan dari Januari hingga Mac 2001, kebanyakan kes telah diselesaikan dan hanya 650 kes yang masih menunggu untuk satu persetujuan di antara pihak majikan dan pihak pekerja.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya ialah benarkah dakwaan yang mengatakan bahawa kes-kes yang telah dibawa kepada Mahkamah Perusahaan agak lambat diputuskan oleh kerana kekurangan mungkin pengerusi ataupun seperti yang dinamakan hakim kepada Mahkamah Perusahaan ini tidak mencukupi sehingga ada kes-kes yang memakan masa lima, enam kadang-kadang sampai sepuluh tahun. Apakah ini benar dan kalau ianya benar, apakah sebenarnya masalah-masalah yang dihadapi oleh mahkamah di bawah kementerian berkenaan. Terima kasih.

Dato' Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya amalan Mahkamah Perusahaan ialah untuk menyelesaikan segala kes dalam satu masa yang singkat iaitu kurang dari satu tahun selepas diterima kes itu. Namun demikian,

oleh kerana kes-kes tersebut melibatkan dua, tiga pihak yang lain iaitu pihak pekerja, pihak majikan dan juga melibatkan *lawyer* tertentu yang bolehlah menggunakan cara-cara tertentu untuk melewati kes seperti buat rayuan dan sebagainya dan memang tidak boleh dinafikan ada kes-kes tertentu yang mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan akhirnya.

Jadi, dalam konteks ini, Kementerian Sumber Manusia sedang mengkaji pindaan kepada Akta Perhubungan Perusahaan untuk memendekkan kes-kes rayuan dan sebagainya supaya kes-kes yang tertentu ini boleh diselesaikan dalam satu masa yang singkat. Dan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pengerusi atau hakim Mahkamah Perusahaan, Kementerian Sumber Manusia telah menambah bilangan pengerusinya. Dahulunya hanya sembilan orang, sekarang telah diisi dengan lima orang yang ditambah dan juga ada satu kekosongan lagi yang akan diisi dalam satu masa yang singkat.

Baru-baru ini Kementerian Sumber Manusia telah mendapat perse tujuan untuk menambah tiga lagi jawatan pengerusi Mahkamah Perusahaan dan saya jamin bahawa kekosongan ini akan diisi dengan satu cara yang segera supaya akhirnya kita dapat cukup pengerusi untuk menyelesaikan semua kes yang dirujuk.

4. Puan Hajah Safinah binti Jusoh minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apakah prosedur yang harus dipatuhi dan setakat manakah kebebasan yang diberikan kepada SUHAKAM dalam mengumpulkan maklumat yang diperlukan untuk siasatan ke atas satu-satu kes.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, prosedur yang harus dipatuhi oleh SUHAKAM dalam mengumpulkan maklumat untuk menyelesaikan sesuatu kes adalah seperti terkandung dalam Bahagian 111 Seksyen 12 sehingga 14 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 atau Akta 597. Prosedur yang terkandung di dalam akta ini memberikan kebebasan yang luas kepada SUHAKAM menjalankan siasatannya.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. soalan tambahan saya adakah pihak SUHAKAM mempunyai kebebasan yang asli untuk bebas beroperasi dengan mandat yang diberi oleh pihak kerajaan?

Dato' Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa mengikut akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen kita, SUHAKAM adalah bebas untuk menyiasat apa aduan atau

kehendaknya sendiri atau atas aduan kumpulan orang yang terkilan yang bertindak bagi pihak orang atau sekumpulan orang yang terkilan. Mereka ini dapat menyiasat pengatahan mengenai pelanggaran hak asasi manusia, orang atau kumpulan tanpa persoalan kebebasan diberi oleh kerajaan. Ini kerana SUHAKAM adalah sebuah badan yang bebas dan bukan di bawah mana-mana kementerian tetapi di bawah Akta Parlimen.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan adakah pihak SUHAKAM sendiri terlajak melebihi hak tanggungjawab seperti yang diperuntukkan oleh akta yang diluluskan oleh Parlimen itu dan kalau ianya terlajak, maknanya saya perhatikan kemungkinan wujud fungsi-fungsi eksekutif daripada segi perjalanan SUHAKAM dan kalau ianya terlajak, adakah pihak kerajaan boleh menasihatkan sahabat kita Tan Sri Musa Hitam selaku pengerusi dan ahli-ahlinya supaya ianya menjalankan tugas-tugas dan menjalankan kuasa seperti yang diwujudkan di dalam akta itu sendiri.

Dato' Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soal syor atau apa-apa yang telah disebut oleh ahli-ahli Suruhanjaya Hak Asasi Manusia itu adalah mengikutkan respons mereka kepada segala tuntutan mengenai aduan dan pelbagaiannya, tetapi yang penting di sini saya ingin menegaskan bahawa SUHAKAM ini adalah sebuah badan untuk menyelidik seterusnya akan menyiasat dan memberi pandangan atau syor-syor kepada pihak yang berkuasa iaitu pihak kerajaan.

5. Dato' Dr. T. Marimuthu minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan, apakah rancangan yang sedang dan akan dijalankan untuk mengatasi kadar peningkatan bunuh diri (*suicide rate*) di kalangan masyarakat India.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat tidak mempunyai program spesifik bagi mengatasi kes bunuh diri untuk kumpulan tertentu seperti kaum India. Kajian yang dijalankan oleh institusi-institusi pengajian tinggi telah mengenal pasti beberapa sebab kenapa insiden bunuh diri berlaku antaranya ialah depresi yang melampau, tekanan perasaan yang tidak terkawal seperti perasaan putus asa. Kementerian Perpaduan Negara dan

Pembangunan Masyarakat menerusi sistem PINTAS iaitu Sistem Pengurusan Gejala Sosial Negara telah melatih pembimbing-pembimbing dalam cara-cara mencegah, mengesan dan membuat intervensi kepada individu-individu yang berpotensi tinggi untuk membunuh diri.

Pada masa yang sama, Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa bersedia untuk membantu sesiapa sahaja yang memerlukan pertolongan dalam apa sahaja kes termasuk menangani kes-kes yang mungkin akan membawa kepada bunuh diri.

Pelbagai aktiviti penggalakan cara hidup yang sihat seperti kaedah-kaedah mengurus, ketegangan kaedah penyelesaian masalah dan kaedah-kaedah membuat keputusan yang sukar juga telah dianjurkan. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui sistem PINTAS telah menubuhkan satu pusat santai sebagai projek perintis bagi menangani masalah-masalah tekanan jiwa di kalangan masyarakat yang kadangkala boleh membawa kepada gejala membunuh diri.

Melalui pusat santai ini, kes tekanan jiwa diharap dapat diurus secara lebih profesional, sistematik dan berkesan. Terima kasih.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, satu faktor yang utama daripada beberapa faktor mengenai masalah bunuh diri ialah faktor sosio ekonomi dan tekanan sosial dan apakah rancangan kerajaan untuk mengatasi masalah ini iaitu masalah sosio ekonomi yang dialami oleh golongan tersekat sosio ekonomi dalam masyarakat India.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa membantu orang-orang yang menghadapi masalah kewangan untuk memberi pendidikan kepada anak-anak mereka ataupun jika mereka menghadapi masalah menguruskan diri sendiri seperti warga tua. Jika seorang warga tua iaitu 60 tahun ke atas, tidak ada sesiapa untuk membantu dan beliau mengalami masalah ekonomi, beliau boleh memohon bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan setiap warga tua diberi sebanyak RM100 sebulan supaya mereka dapat tinggal dengan sahabat-sahabat mereka dan juga disediakan rumah-rumah orang-orang tua dan rumah-rumah kebajikan lain demi kepentingan penduduk-penduduk wargatua negara.

Dalam OPP3 dan juga RMK-8 diambil kira supaya kita dapat mengatasi masalah-masalah sosio ekonomi dengan memberi kerja-kerja yang menunjukkan penduduk-penduduk negara ini mengikut peratus kaum dan juga kita memberi lebih

banyak kerja kepada yang perlu dan meningkatkan ekonomi bagi penduduk-penduduk dengan kadar kemiskinan ditentukan sebanyak RM1,200 sebagai pendapatan keluarga. Kalau RM510 dan ke atas, jumlahnya dianggap sebagai mencukupi tetapi sekarang dikira sebanyak RM1,200 dan ke bawah kita anggap tidak mencukupi dan boleh mendapat bantuan daripada beberapa agensi kerajaan.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah pihak kerajaan sedar masih ada mangsa rogol dan penderaan yang memerlukan perlindungan, apakah kerajaan betul-betul prihatin dalam soal ini. Terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan itu keluar daripada soalan asal, memang kerajaan prihatin tentang masalah penderaan dan lain-lain masalah sosial dan jika penderaan berlaku, saya minta supaya orang ramai yang dapat tahu tentang penderaan, melaporkan kepada pihak polis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama pihak polis akan mengambil tindakan untuk mengatasinya.

Berkaitan dengan kes-kes rogol dan lain-lain, ini adalah satu masalah sosial di mana kita memberi bimbingan kepada anak-anak kita supaya mereka menjadi warga negara yang berguna kepada negara dan masyarakat. Jadi, dalam hal ini setiap seorang warga negara perlu memainkan peranan yang penting untuk memberi pendidikan yang baik dan pengajaran moral yang baik supaya perkara-perkara seperti ini dapat dikurangkan.

6. Puan Jaya Partiban minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, apakah kementerianya merancang untuk melonggarkan atau mengubahsuaikan syarat-syaratnya bagi Projek Amanah Ikhtiar Malaysia supaya lebih ramai wanita India yang memerlukan bantuan diberi peluang memandangkan bilangan kaum India yang mendapat bantuan di bawah skim ini amat mengecewakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) adalah sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang didaftarkan sebagai *private trust*, dengan izin, di bawah Akta Pemegang Amanah Perbadanan tahun 1952 pada tahun 1986.

AIM bergerak cergas dalam usaha pengurangan kemiskinan melalui penyediaan pinjaman secara kecil-kecilan atau *micro credit* kepada golongan miskin dan termiskin semua kaum yang berminat untuk menjalankan kegiatan-kegiatan

yang boleh menjanakan pendapatan kepada mereka. *Modus operandi micro credit* AIM yang pada dasarnya diambil daripada program Bank Gramin di Bangladesh telah diuji dan telah dapat disesuaikan mengikut situasi kemiskinan di Malaysia.

Dalam mengurus pinjaman, AIM mempunyai kaedah dan syarat-syarat tersendiri yang didapati berkesan untuk membantu golongan miskin dan termiskin menjalankan kegiatan-kegiatan yang dapat menjanakan pendapatan.

Kerajaan mengiktiraf pendekatan mikro kredit yang dilaksanakan oleh AIM sebagai salah satu daripada pendekatan pengurangan kemiskinan negara dan ianya harus disokong. Dari segi operasinya tumpuan sasaran AIM adalah kepada keluarga termiskin yang bersedia untuk mengikuti kursus galakan, mempunyai keupayaan untuk terlibat secara aktif dalam kegiatan ekonomi, berkeupayaan untuk mewujudkan kumpulan atau dengan izin, *peer group* dan memastikan projek berjaya serta berupaya membayar balik pinjaman seperti yang ditetapkan. Peraturan dan syarat-syarat ini adalah prosedur asas dan harus diterapkan bagi mewujudkan sikap bertanggungjawab peminjam ke atas pinjaman, projek dan juga kumpulan.

Walau bagaimanapun, AIM telah banyak membuat pengubahsuaian dari segi mekanisme pelaksanaan seperti jumlah bilangan ahli dalam kumpulan, jenis projek dan juga jumlah saiz pinjaman. Peluang kepada kemudahan pinjaman ini terbuka kepada mereka yang layak dan tidak kira kaum. Oleh itu, tiada keperluan untuk melonggarkan atau mengubahsuaikan syarat-syarat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, AIM telah menjalankan usaha-usaha penggalakan iaitu mencari sahabat atau peserta, mengenal pasti sahabat dan menerangkan mengenai program mikro kredit AIM bagi wanita kaum India bermula dari tahun 1997. Sehingga kini, sejumlah 473 orang wanita India telah terlibat di dalam usaha-usaha penggalakan ini dan sejumlah 93 orang telah mendapat pinjaman AIM yang berjumlah RM182,200.

Salah satu punca mengapa penyertaan wanita kaum India di dalam AIM agak mengecewakan adalah kesulitan bekerjasama dalam kumpulan atau *peer group* yang mana merupakan keperluan asas di dalam skim mikro kredit AIM. Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas penerangan yang diberikan oleh pihak kerajaan tadi. Cuma apa yang saya terdengar dalam jawapan itu mengatakan tidak kira kaum, saya ingin tahu dan soalan tambahan saya, apakah diambil kira mengenai parti?

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi saya telah menerangkan dan eloklah saya baca di sini objektif penubuhan AIM iaitu AIM ditubuhkan untuk mengurangkan kemiskinan di Malaysia melalui pembiayaan Ikhtiar kepada isi rumah miskin luar bandar bagi menjalankan pelbagai kegiatan meningkatkan pendapatan mereka tanpa mengira bangsa, agama, jantina dan kefahaman politik. Terima kasih.

7. **Datuk Ghazi bin Haji Ramli** minta Menteri Pembangunan Wanita Dan Keluarga menyatakan secara terperinci kaedah dan pendekatan lain yang boleh dilakukan untuk mengelakkan sebarang bentuk gangguan seksual terhadap wanita yang dihadapinya walaupun telah ada undang-undang yang diwujudkan.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Mengenai Keganasan Terhadap Wanita yang dianggotai oleh pelbagai wakil kerajaan, badan bukan kerajaan dan juga pihak swasta. Jawatankuasa ini sedang di peringkat akhir penyediaan pelan induk yang mengandungi strategi bagi menangani keganasan terhadap wanita termasuk gangguan seksual.

Program ini yang akan dilancarkan tidak lama lagi akan mengandungi pelbagai kaedah dan pendekatan untuk mengurangkan gangguan seksual terhadap wanita. Antara kaedah ini termasuk meningkatkan kesedaran umum terhadap semua jenis keganasan serta menjadikan pihak berkuasa lebih mesra wanita dalam menerima dan menyusuli laporan kes-kes keganasan terhadap wanita.

Pada masa yang sama, kementerian sedang memantau keberkesanan kod amalan untuk menangani gangguan seksual yang diperkenalkan oleh Kementerian Sumber Manusia. Daripada maklum balas yang diterima, kod amalan ini perlu diperaku dan dihayati oleh lebih ramai majikan dan pekerja-pekerja.

Jika insiden gangguan seksual ini didapati berleluasa dan membimbangkan, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga tidak akan teragak-agak untuk mencadangkan kepada Kementerian Sumber Manusia supaya mungkin masanya sudah tiba untuk diwujudkan undang-undang khusus untuk gangguan seksual bagi melindungi wanita dan lelaki daripada gangguan peribadi ini.

Tuan Zainal bin Rampak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyangkakan bahawa apa yang telah dicadangkan oleh Menteri tadi, saya ingin mohon supaya undang-undang ini diperkenalkan secepat mungkin. *Sexual*

harassment di tempat kerja bukan sahaja berlaku pada wanita tetapi juga kepada pekerja lelaki, *both sex*, dengan izin, jadi saya mohon supaya undang-undang dipercepatkan. Kalau cepat lagi baik, terima kasih.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian mengambil maklum tentang saranan Ahli Yang Berhormat itu. Dan, saya sendiri percaya bahawa masanya sudah tiba untuk kerajaan mengambil secara serius khususnya Kementerian Sumber Manusia bahawa mungkin masanya sudah tiba untuk Kementerian memberi perhatian yang serius sekali tentang perwujudan akta ini. Kerana seperti mana yang Yang Berhormat kata, gangguan ini, memanglah wanita yang menjadi mangsa utama tetapi adalah sedikit sebanyak kes gangguan ini terhadap kaum bapa. Tetapi saya ingin nyatakan di Dewan yang mulia ini, bahawa setakat ini mengikut maklum balas yang diterima memang wanita yang menjadi mangsa utama gangguan ini.

Puan Safinah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, setakat manakah pendedahan Kod Amalan Gangguan Seksual ini disampaikan di tempat-tempat kerja sama ada di pihak kerajaan ataupun swasta?

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kod amalan ini adalah satu kod amalan yang diwujudkan di bawah naungan Kementerian Sumber Manusia. Saya difahamkan oleh Menteri Sumber Manusia, ada di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi di dalam perbincangan di antara Menteri tersebut dan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga di dapati bahawa amalan kod ini tidak begitu meluas dan perlu adanya lebih pendedahan dan mungkin pendidikan secara yang ilmiah kepada semua yang terlibat.

Namun begitu, saya rasa bahawa sebelum diwujudkan akta ini ada ruang lagi untuk majikan-majikan dan pekerja-pekerja untuk mengambil berat ataupun mengambil tahu sedikit sebanyak tentang kaedah-kaedah kod amalan ini.

8. **Tuan Jang Chow Thye** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan:-

- (a) adakah beliau sedar bahawa pada waktu sesak (*peak period*) pengguna telefon bimbit Celcom 019 tidak dapat membuat panggilan oleh kerana gangguan kepada talian dan anehnya mereka dikenakan caj di atas panggilan tersebut itu. Adakah Celcom berhak mengenakan caj panggilan yang tidak dapat dibuat itu; dan

- (b) bil bulanan Celcom masih menunjukkan pembayaran yang telah dibuat pada bulan sebelumnya di dalam bil bulanan berikut. Sila jelaskan mengapa berlaku perkara begini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

[Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan Celcom secara amnya adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, terdapat juga masalah penyambungan antara Celcom dengan pembekal-pembekal yang lain di sebabkan oleh kekurangan kapasiti sambungan. Untuk mengatasi masalah tersebut, Celcom sedang mendapatkan kerjasama dengan pembekal-pembekal.

Panggilan yang tidak dapat dibuat tidak akan dikenakan caj. Celcom adalah dalam proses untuk menukarkan sistem pembayaran kepada sistem baru iaitu sistem ARBOR, dengan izin. Sistem ARBOR membolehkan para pelanggan Celcom menerima berita-berita mengenai produk dan perkhidmatan Celcom yang terbaru di dalam satu bil sahaja.

Walaupun bagaimanapun, semasa tempoh pengalihan daripada sistem lama ke sistem baru, terdapat masalah dari segi kelewatan penghantaran bil kepada pelanggan. Pihak Celcom sedang berusaha untuk mengatasi masalah ini dan pihak pelanggan juga boleh menghubungi talian bebas tol yang diwujudkan khas untuk pelanggan, bertanya mengenai baki pembayaran bil mereka. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan masalah Celcom melibatkan juga pembekal-pembekal perkhidmatan telefon bimbit yang lain, adakah kerajaan bercadang supaya membuat pemantauan bahawa syarikat-syarikat ini tidak membuat iklan-iklan perkhidmatan yang mereka tidak boleh gunakan. Ini terutama sekali di Sabah di mana khasnya pembekal-pembekal perkhidmatan seperti Celcom, DiGi, membuat iklan tetapi perkhidmatan yang diberikan sangat-sangat tidak memuaskan. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa mutu perkhidmatan yang sedia ada, ada aduan bahawa tidak memuaskan tetapi kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah mengadakan satu badan bebas melalui satu syarikat konsultan menjalankan kajian mengenai mutu perkhidmatan.

Dan ini adalah mendapati maklumat-maklumat bukan sahaja daripada syarikat telekomunikasi dan juga daripada pengguna-pengguna yang berkenaan.

Dan, melalui kajian yang bebas ini, kita berharap bahawa satu analisis yang lebih baik dapat diperolehi dan dapat memberi satu tekanan kepada syarikat-syarikat gergasi untuk memberi satu perkhidmatan yang lebih baik. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang, oleh kerana mungkin satu antara sebabnya mengapa servis tidak memuaskan kerana dia lebih berikan servis itu. Adakah kerajaan bercadang mengkaji bilangan syarikat yang ada supaya memastikan servis yang diberikan itu adalah lebih baik dan lebih memuaskan. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, dalam pengliberalisasi perkhidmatan telekom atau industri telekom melalui Akta Komunikasi dan Multimedia, bentuk monopoli tidak akan dibenarkan. Jadi, kita berharap melalui beberapa syarikat atau lebih daripada satu syarikat ini persaingan yang hebat dapat diadakan supaya perkhidmatan yang lebih baik dapat diberi.

Walau bagaimanapun, dalam rejim yang baru, mendahului 3-G atau *third generation*, kemungkinan konsortium atau lain-lain cara mungkin dikaji dan berharap bahawa kapasiti yang ada sekarang atau yang akan datang akan memuaskan untuk perkhidmatan. Sekian, terima kasih.

9. **Dato' Lee Pit Chern** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian Dalam Negeri menetapkan syarat-syarat tertentu bagi permohonan senjata api oleh kalangan individu negara ini untuk tujuan persendirian.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan senjata api persendirian akan diproses oleh Kementerian Dalam Negeri sebagai kes-kes rayuan sahaja. Terdapat satu garis panduan yang diguna pakai oleh pihak kementerian ini untuk memberi pertimbangan dari segi jenis permohonan, tujuan dan juga latar belakang pemohon itu sendiri. Sekian.

10. **Tuan Haji Abdillah bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah penuntut-penuntut asing yang belajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta mengikut pecahan negeri-negeri dalam Malaysia.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelajar dari luar negara yang melanjutkan pengajian di Institusi

Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pada sesi akademik 2000/2001 adalah seramai 3,809. Daripada jumlah tersebut seramai 2,483 pelajar mengikuti pengajian di peringkat pasca siswazah dan 1,326 pelajaran pra-siswazah.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia mencatatkan bilangan pelajar asing yang paling ramai iaitu 1,411 pelajar. Universiti Malaya – 690 pelajar; Universiti Putra Malaysia – 636 pelajar; Universiti Kebangsaan Malaysia – 405 pelajar; Universiti Sains Malaysia – 323 pelajar dan selebihnya IPTA yang lain.

Di institusi pengajian tinggi swasta pula, terdapat seramai 5,709 orang pelajar luar negara menuntut di 202 buah IPTS. Negeri yang paling ramai pelajar asing di IPTS ialah di Selangor – 2,911 pelajar; Wilayah Persekutuan – 1,150 pelajar; Pulau Pinang – 743 pelajar; Sarawak 575 pelajar; dari Perak 172 pelajar. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya dengan pihak kementerian, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menentukan pelajar-pelajar asing ini tidak terlibat dalam kegiatan tidak sihat. Sekian, terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, memang pelajar daripada negara asing datang ke negara kita ini adalah atas kebenaran untuk belajar atau permit untuk belajar. Oleh kerana itu pihak universiti swasta atau IPTA adalah bertanggungjawab bersama untuk memastikan bahawa pelajar yang telah menuntut di universiti, di institusi-institusi pengajian tinggi masing-masing adalah ikut apa yang telah diaturkan oleh mereka.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian bercadang untuk meninggikan bilangan pelajar-pelajar dari luar negeri dan jika ia apakah insentif-insentif atau galakan yang diberikan kepada bukan sahaja kepada IPTA tetapi juga kepada IPTS.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, memang hasrat kerajaan untuk menjadikan negara kita ini sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, oleh kerana itu usaha untuk menarik lebih ramai para pelajar daripada negara asing memang telah dijadikan satu usaha. Walau bagaimanapun, satu perkara harus diberi pertimbangan ialah untuk melihat dari segi kemudahan yang sedia ada dan kemampuan negara kita yang sedia ada untuk menampung bilangan yang bertambah daripada pelajar luar.

11. **Tuan Hassan bin Haji Shukri** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah persiapan yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk menghadapi kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan kesan yang telah ditanggung oleh sektor perindustrian dan perdagangan antarabangsa negara ini akibat gejala tersebut sehingga hari ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2001 ini, pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat diramal akan mengalami pertumbuhan yang lebih rendah dari tahun sebelumnya iaitu pada paras antara 1.4% hingga 1.7%. Kesan dari kelembapan ekonomi tersebut secara langsung atau tidak langsung sedikit sebanyak memberi kesan kepada negara-negara di mana pasaran utama mereka bergantung kepada eksport ke Amerika Syarikat.

Malaysia juga tidak terkecuali daripada keadaan ini kerana Amerika Syarikat adalah rakan dagangan dan pasaran utama barangan perkilangan negara. Pada tahun 2000, pasaran Amerika Syarikat menyerap kira-kira 20.5% daripada eksport negara bernilai RM76.6 bilion. Antara sektor perkilangan yang menerima kesan daripada kelembapan ekonomi Amerika Syarikat ialah sektor elektronik dan elektrik, pakaian dan lain-lain barangan pengguna seperti perabot kayu.

Kesan daripada kelembapan ekonomi ini perangkaan yang diperolehi untuk tempoh tahun 2001 sehingga bulan April tahun ini sejumlah 20 buah syarikat pengilang berlesen di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah ditutup melibatkan pemberhentian pekerja seramai 7,110 orang. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah *preventive* dengan izin, untuk menangani *impact* kelembapan ekonomi Amerika Syarikat di samping untuk membolehkan momentum pertumbuhan ekonomi negara terus dikekalkan. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah meningkatkan pakej rangsangan fiskal sebanyak RM3 bilion sebagai tambahan kepada RM28.8 bilion yang telah diluluskan di bawah Belanjawan Tahun 2001, menggalakkan daripada perbelanjaan domestik, mengurangkan *property overhanged* dengan izin, meneruskan dasar kewangan dan *accommoditive*, meningkatkan akses pembiayaan industri kecil dan sederhana, meningkatkan pertumbuhan sektor perkhidmatan dan mengekalkan penetapan nilai Ringgit.

Pada 3 Mei 2001, baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan penghapusan langkah kawalan modal yang terakhir dengan menarik balik cukai keluar atau levi sebanyak 10% yang dikenakan ke atas keuntungan yang dibawa keluar melalui

pelaburan pembelian saham di Malaysia berkuat kuasa serta-merta. Kini kerajaan juga telah memberi kebenaran kepada rakyat asing untuk membeli semua jenis unit kediaman rumah kedai, ruang pejabat dan ruang perniagaan berharga RM250,000 ke atas tanpa perlu menubuhkan sebuah syarikat dengan penyertaan ekuiti tempatan. Sehubungan dengan ini pihak asing yang menjalankan aktiviti pengilangan yang dikecualikan daripada mendapatkan lesen pengilang dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kini dibenarkan memperolehi lot industri atau kilang untuk tujuan perkilangan tanpa mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC).

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus mengadakan konsultasi dengan pihak industri dalam melaksanakan langkah-langkah yang lebih berkesan untuk menghadapi kelembapan tersebut antaranya termasuklah langkah-langkah mengurangkan kos membuat perniagaan atau *cost of doing business* dengan izin, seperti mengawal harga bahan mentah dengan memberi pengecualian cukai import, mengawal peningkatan kos utiliti termasuk tarif air dan elektrik, menggalakkan syarikat menambah jenis barangan eksport dan menerokai pasaran-pasaran baru dan berpotensi, menggalakkan syarikat-syarikat tempatan mengambil peluang membekalkan komponen dan barangan siap kepada syarikat-syarikat Amerika yang kehilangan daya saing akibat dari kelembapan ekonomi mereka melalui aktiviti *outsourcing* dan menganjurkan lebih banyak misi-misi perdagangan dan pameran-pameran perdagangan antarabangsa di Malaysia dan di luar negeri. Sekian, terima kasih.

12. **Dato' Dr. Chin Fook Weng [Di bawah P.M. 23(2)]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah dan tindakan Kementerian mengenai laporan media yang mendedahkan beberapa kepincangan urusan Tabung Haji terutama membabitkan pelaburan yang dikatakan tidak berdaya maju dan merugikan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Senator Dato' Haji Ahmad bin Ismail, saya ingin memaklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini, bahawa tidak ada timbul masalah kepincangan pengurusan dalam aspek pelaburan atau mana-mana aspek aktiviti Tabung Haji. Malah struktur Tabung Haji adalah memadai untuk menjalankan pemantauan sepanjang perjalanan Tabung Haji.

Sukacita dimaklumkan, pihak pengurusan Tabung Haji telah pun mengambil beberapa langkah dan tindakan untuk menjelaskan kepada masyarakat dan seluruh umat Islam supaya mendapat gambaran yang jelas dan tepat mengenai kedudukan Tabung Haji. Di antara langkah-langkah penyaluran maklumat tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Mengeluarkan kenyataan-kenyataan akhbar media masa mengenai faktor-faktor yang menyebabkan Tabung Haji membayar kadar bonus 5.5% berbanding kadar 8% bagi tahun sebelumnya. Kenyataan akhbar ini dibuat oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan juga Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji.
- (ii) Kenyataan-kenyataan liputan mengenai ulasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri bagi menjawab soalan-soalan di Dewan Rakyat mengenai pelaburan Tabung Haji;
- (iii) Kenyataan-kenyataan akhbar dari masa ke semasa yang dibuat oleh Pengerusi Tabung Haji mengenai isu yang dibangkitkan di akhbar tempatan;
- (iv) Memberi maklumat-maklumat mengenai Tabung Haji kepada media cetak bagi membolehkan liputan yang lebih positif terhadap Tabung Haji;
- (v) Membuat dan menyiarkan berita mengenai faktor-faktor yang menyebabkan penurunan bonus ini di Buletin Rasmi Tabung Haji iaitu, 'Berita Tabung Haji' untuk diberi kepada pendeposit yang berurusan di kaunter-kaunter Tabung Haji;
- (vi) Memberi taklimat khas kepada pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan Malaysia bagi membolehkan mereka menerangkan kepada masyarakat di peringkat negeri dan daerah;
- (vii) Memberi taklimat kepada Ahli-ahli Parlimen Kelab Penyokong Kerajaan yang membuat lawatan ke Tabung Haji;
- (viii) Mengedarkan maklumat yang seragam mengenai faktor-faktor pengeluaran bonus kepada semua pejabat cawangan Tabung Haji.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar dakwaan bahawa baru-baru ini Tabung Haji telah membeli sebuah bangunan yang telah diusahakan oleh Maju Holding yang berharga RM200 juta lebih kurang. Apakah kepentingan Tabung Haji membeli bangunan itu? Terima kasih.

Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Senator Tuan Hassan bin Haji Shukri, memanglah Tabung Haji membeli bangunan yang disebutkan itu.

13. **Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan usaha dan perkembangan yang telah dicapai bagi memberi amaran kepada wakil-wakil diplomat asing supaya tidak mencampuri hal-ehwal dalam negara kita.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjaga keharmonian dan hubungan baik antara negara perbuatan ini boleh dianggap mencampuri hal-ehwal dalam negeri sesebuah negara tuan rumah haruslah dihindari. Secara umum norma ini sememangnya dihormati oleh semua negara termasuk Malaysia. Walau bagaimanapun, sejak beberapa tahun lalu kita telah mengesan dua peristiwa yang telah dianggap sebagai percubaan kedutaan asing untuk mencampuri hal-ehwal dalam negeri Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya semasa Pilihanraya Umum Malaysia pada tahun 1999, di mana wakil-wakil kedutaan asing dilihat begitu ghairah menghadiri ceramah-ceramah kempen pilihan raya parti lawan. Ini kita lihat sebagai satu percubaan mereka untuk menyatakan secara diam kepada umum sokongan mereka kepada parti lawan itu. Secara langsung ia merupakan percubaan untuk mempengaruhi pengundi dan ini kita anggap sebagai perbuatan yang mencampuri hal-ehwal dalam negeri Malaysia.

Kementerian Luar Negeri telah mengambil langkah memperingatkan kedutaan-kedutaan asing dengan menghantar nota-nota bantahan kepada semua perwakilan asing terlibat dan memperingatkan mereka supaya tidak mencampuri hal-ehwal dalam negara Malaysia.

Baru-baru ini kita juga mengesan kehadiran wakil-wakil kedutaan tertentu di taklimat tertutup sebuah parti pembangkang pada 29 Mac 2001 lalu. Peristiwa itu juga dianggap sebagai percubaan untuk campurtangan dalam hal-ehwal dalam negeri Malaysia kerana ini adalah satu percubaan tertutup yang memperjuangkan agenda pihak-pihak tertentu. Akibat dari itu, Kementerian Luar Negeri telah

bertindak untuk memanggil ketua-ketua perwakilan terlibat untuk menyampaikan kekusaran kita mengenai tindakan mereka itu dan memperingatkan mereka supaya tidak mengulangi perbuatan seperti itu lagi. Kementerian Luar Negeri akan terus memantau kegiatan-kegiatan kedutaan asing supaya tindakan mereka tidak memudaratkan hubungan baik dalam Malaysia dengan negara-negara yang diwakili mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Adakah kejadian itu berlaku oleh kerana kerajaan sendiri kurang mengawasi perkara ini kerana kebelakangan ini saya nampak apabila kerajaan mengaturkan satu taklimat kepada wakil-wakil daripada kedutaan asing itu telah memberi satu gambaran yang jelas kes itu tentang rawatan kepada Dato' Seri Anwar. Adakah kalau kerajaan kerap kali berbuat demikian dengan memberi gambaran yang jelas maka perkara seperti yang disebutkan itu tidak akan timbul dan satu salah faham di antara mereka dengan apa yang sebenarnya wujud di dalam negara itu tidak juga berlaku? Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan Yang Berhormat Senator itu tadi. Perkara ini kita memang jelas bahawa pihak wakil-wakil kedutaan asing di negara kita patut sudah mengetahui bahawa isu yang telah dipanggil untuk secara tertutup itu adalah satu isu politik. Jadi, dalam perkara ini, kalau mereka memang menggunakan peraturan-peraturan tertentu, mereka ini adalah mewakili negara masing-masing dan juga menjadi duta kepada kerajaan negara Malaysia ini, bukan badan bukan kerajaan.

Yang keduanya, ini bukan kita kurang mengawasi tetapi cara tindak-tanduk mereka ini memanggil duta-duta ini dibuat secara tidak jujur dan menggunakan penipuan supaya mereka dapat memberi gambaran bahawa mereka ini mendapat sokongan dalam penjelasan perkara ini dan telah dipolitikkan untuk agenda mereka sendiri.

14. **Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta Perdana Menteri menyatakan projek-projek yang telah dijalankan bagi setiap jajahan di negeri Kelantan melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP).

Setiausaha Parlimen Di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Omar]: Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, Kerajaan

Persekutuan telah meluluskan sebanyak 608 projek yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2.217 bilion bagi seluruh negeri Kelantan. Pecahan bilangan projek dan peruntukan yang diluluskan mengikut jajahan adalah seperti berikut:

Jajahan	Bil. Projek	Peruntukan (RM)
Bachok	29	51,608,000
Kota Bharu	105	432,878,000
Machang	21	57,411,000
Pasir Mas	102	199,812,000
Pasir Putih	45	65,812,000
Tanah Merah	20	49,705,000
Tumpat	39	45,754,000
Gua Musang	32	151,945,000
Kuala Krai	40	84,648,000
Jeli	54	112,193,000
Pelbagai	121	995,934,000

Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih di atas penjelasan daripada pihak kerajaan. Jadi, saya ingin tahu adakah kerajaan sedar hasil daripada pengagihan projek melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) ini yang tidak disalurkan terus melalui kerajaan negeri telah menimbulkan kesan negatif kepada penyokong-penyokong di UMNO khususnya. Contohnya kalau kita lihat dalam pemilihan UMNO bahagian perebutan jawatan begitu ketara berlaku di negeri Kelantan di mana dipercayai berpunca dari perebutan pengagihan projek. Jadi, adakah ini benar?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, kalau tidak silap Yang Berhormat daripada PAS, janganlah dengar khabar-khabar angin. Inilah masalah parti pembangkang ini, dengar khabar-khabar angin dijadikan isu. Jadi, sebenarnya peruntukan yang kita salur itu telah pun melalui saluran-saluran yang tertentu, Yang Berhormat. Tinggal lagi masalah dengan pembangkang ini – apabila mereka tidak dapat, mereka kata tidak adil. Apabila mereka dapat, baru mereka kata adil.

Walau siapa juga yang dapat, pokoknya ialah rakyat Kelantan telah pun menikmati pembangunan-pembangunan yang diberi [*Tepuk*] Jadi, kalau tuduhan

mengatakan Kerajaan Persekutuan tidak adil, menyalahgunakan kuasa dan tidak menyalurkan kepada pihak-pihak tertentu adalah tidak benar kerana bagi kita, yang penting ialah rakyat Kelantan tetapi kalau PAS punya tafsiran, kalau orang UMNO dapat, dia kata itu bukan rakyat Kelantan, itu memang susah kita hendak buat penerangan tetapi kalau PAS boleh terima siapa juga rakyat, tidak kira PAS kah, tidak kira UMNO, asalkan projek ini sampai kepada rakyat, ianya memberi faedah kepada rakyat, maka saya percaya masalah isu ketidakadilan tidak akan ditimbulkan oleh PAS. Terima kasih.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya berkenaan dengan negeri Kelantan ini. Adakah projek-projek seperti membangunkan kuil-kuil orang Thailand, orang Siam ini, yang saya lihat di Kelantan begitu ketara – besar, di sana sini. Yang ada itu patung tidur, patung berdiri tinggi macam pokok kelapa di negeri Kelantan ini – ini siapakah membiayai projek ini, sedangkan kita tahu Kelantan mengatakan Kelantan adalah sebuah negeri serambi Mekah tetapi banyak pula patung-patung didirikan di Kelantan.

Saya ingin tahu daripada pihak kementerian, projek ini adalah dibiayai oleh siapa? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Ini mengenai agama bukan Islam ini, saya tidak boleh jawab dalam Parlimen ini kerana ini mungkin urusan-urusan mereka tetapi yang kita lihat, sokongan-sokongan politik begitu kuat. Saya difahamkan juga bahawa Menteri Besar Kelantan juga pergi sama-sama merasmikan tokong-tokong ini.

Walaupun tidak salah tetapi soalnya hari ini, kita menerima hakikat bahawa dalam negara kita yang berbilang kaum, kita harus menerima hakikat bahawa kita kena menghormati agama-agama lain dan juga konsep berkongsi kuasa ini tidak boleh kita nafikan. Terima kasih. *[Tepuk]*

15. Dato' Long bin Jidin minta Menteri Penerangan menyatakan, oleh kerana pengaruh media elektronik terhadap penonton amat mendalam, apakah terdapat siaran-siaran RTM yang menjurus ke arah perpaduan. Kalau ada, sila nyatakan secara terperinci.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, saya uzur sedikit. Rancangan-rancangan RTM yang menjurus ke arah perpaduan adalah seperti berikut:

TV1	TV2	RTM1
1. Jendela Pagi	1. Moving on	1. Seri Setia
2. Siapa Punya Kereta	2. Two	2. Panggung Drama
3. Boleh Boleh	2. Global	3. Cucu Pak Awang
4. Perdana Ria	3. Prima	4. Mentika, Nota dan Pena
5. Sihat Ria	4. Layar Emas	5. Salam Mesra
6. Juara Minda		6. Remaja Alaf Baru
7. Regu		7. Bersama Adik-Adik
8. Kelas Malam		
9. TV KK		
10. Timang Tinggi-Tinggi		

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi jawab lisan sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 26 adalah dijilid dalam buku berasingan]

USUL-USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

11.18 pagi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat

hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut ini.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah satu Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri seperti yang telah dibacakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

PERLANTIKAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA PEMILIH

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua,

“Bahawa mengikut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1), Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Ketiga, Parlimen Kesepuluh.

1. Yang Berhormat Senator Dato' Michael Chen Wing Sum
2. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Gapar bin Gurrohu
3. Yang Berhormat Senator Charlie Chau-Lap Chang
4. Yang Berhormat Senator Puan Jaya Partiban.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah satu Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri seperti yang telah dibacakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

11.22 pagi.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kepercayaan, melantik saya sebagai pencadang kepada Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja pada Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Kesepuluh ini.

Dengan ini, saya Abdul Aziz bin Abdul Rahmaan sebagai Ahli Dewan Negara memohon untuk mencadangkan:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang berbunyi,

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat, mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Kesepuluh pada 19 Mac 2001.”

Tuan Yang di-Pertua, titah ucapan 11 muka merangkumi 32 perenggan itu amatlah komprehensif sebagai satu kerangka pemikiran membuka lembaran alaf baru dengan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) dan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8). *Framework* perancangan ini dicetuskan oleh pemimpin dan pemikir, dahulunya Kerajaan Perikatan dan kini Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Perdana Menteri keempat, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Perancangan yang rapi ini hanya boleh dibuat dengan wujudnya satu *political commitment*, mohon izin, yang berupa jangka panjang dan bersandarkan kepada prasarana sosial politik dan ekonomi yang stabil. Saya tidak dapat membayangkan bagaimana Parti Pembangkang yang sungguhpun secara demokrasi diberi mandat untuk menerajui kerajaan di negeri Kelantan dan kini di Terengganu, dapat mengolah, jauh sekali melaksanakan perancangan seperti ini.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya dan kita semua turut bersedih dengan kadar kemiskinan yang masih tinggi di negeri Kelantan. Kita juga turut bersedih dengan pembekalan air yang bermasalah diakibatkan cara penswastan yang kurang rapi di Kelantan dan mereka ini, Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan dengan penuh ikhlas menjemput untuk bermuzakarah membincangkan perancangan sosio ekonomi cucu-cicit kita menerusi Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua

(MAPEN2) yang digunakan sebagai salah satu asas pertimbangan RRJP3 dan RMK-8.

Malangnya, mereka menolak jemputan yang ikhlas itu dan hari ini kita diberi [*Mengangkat satu buku laporan*] Laporan setebal entah berapa ribu muka ini, Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (MAPEN2). Inilah asas untuk kita kaji sebagai salah satu asas kepada RMK-8 dan juga RRJP3 di mana dalam senarai keahliannya, tidak nampak Ahli-ahli Parti Pembangkang – PAS, KeAdilan, DAP untuk menyertai bagi membincangkan isu-isu yang penting bagi negara, bangsa dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kerajaan di muka bumi ini yang begitu bermurah hati menjemput parti lawan untuk membincangkan satu perancangan negara. Hanya Kerajaan Barisan Nasional sahaja yang begitu bermurah hati ingin berkongsi pendapat dalam bidang perancangan masa depan bangsa dan negara.

Kalaulah mereka menyertai MAPEN2, tentu sahaja mereka lebih memahami semangat perancangan wawasan RRJP3 dan RMK-8. Sementelahan itu pula, boleh menggunakan pengalaman MAPEN2 untuk merancang pembangunan negeri yang mereka terajui.

Tuan Yang di-Pertua, satu-satu perancangan ini berpremiskan kepada konteks sosial dan politik yang aman dan stabil. Di dalam hal ini, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini iaitu pada satu persidangan lampau, pernah saya menyeru pihak kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap apa yang dikenal sebagai Amanat Haji Hadi yang antara lain menghalalkan darah orang Melayu yang beragama Islam kerana menyertai parti politik UMNO dan yang paling menyedihkan lagi seruan Haji Hadi ini telah pun diputuskan sebagai bercanggah dengan Islam oleh Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 1986 tetapi polemik ini masih berterusan.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai tokoh yang disegani di dalam organisasi parti politik PAS pun menyuarakan perlunya dihapuskan pulau-memulau terhadap orang Islam di dalam pertubuhan parti politik UMNO. Seruan ini sekali gus menafikan kesahihan Amanat Haji Hadi tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, kalaulah benar Amanat Haji Hadi ini merupakan pencetus yang memecahbelahkan masyarakat, kenapa pihak kerajaan tidak meminta dengan rasminya Haji Hadi menarik balik amanat itu dan kalaulah Haji Hadi enggan berbuat demikian, maka tindakan sewajarnya mestilah diambil, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *once saint for all, let us end this polemic.*

Tuan Yang di-Pertua, kesan amanat ini amatlah buruk dan masih dirasai. Seminggu lepas dilaporkan pemulauan mandi dan sembahyang mayat berlaku di Kedah dan sehingga kini, kita ingin mengetahui daripada pihak kerajaan – berapa ramaikah mereka yang terpaksa diijabkabulkan pada kali yang kedua kerana mereka mengatakan kalau kahwin mengikut ala UMNO ini, tidak sah.

Saya hendak tahu adakah pihak kerajaan mengumpulkan data-data – di negeri mana, berapa ramai mereka yang terpaksa diijabkabulkan dua kali dan saya ingin tahu sejak amanat ini diumumkan oleh Haji Hadi pada tahun 1981, berapa ramaikah mereka yang terpaksa bersembahyang dua imam kerana semuanya ini adalah cetusan daripada Amanat Haji Hadi dan terpaksa kita kumpulkan data kerana hendak mengetahui impak amanat ini yang memecahbelahkan masyarakat sehingga ke hari ini dan kalau Majlis Fatwa Kebangsaan Islam telah memutuskan bahawa ianya bercanggah dengan agama, kenapa perkara ini masih dipolemikkan?

Saya tidak pernah faham tentang bagaimana Haji Hadi menjadi hero atas satu amanat yang bercanggah dengan Islam. Kesan amanat ini memanglah buruk, yang amat menyedihkan dalam kita menuju ke dunia penuh persaingan, berkejar mencari ilmu dunia dan akhirat untuk memperkuatkan jati diri sebagai benteng....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Hassan minta laluan

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: ...ledakan liberalisasi dan globalisasi, kita menghabiskan masa berpolimik sahaja.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon laluan kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz kerana membangkitkan semula Amanat Haji Abdul Hadi Awang. Yang pertama saya hendak sebutkan bahawa perkataan "Amanat" itu sendiri tidak dicipta reka oleh Haji Abdul Hadi. Ianya dibuat oleh orang-orang lain dikatakan amanat, satu.

Yang keduanya, saya juga ingin memohon penjelasan adakah benar Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan suatu fatwa tentang amanat Tuan Haji Hadi itu. Sepanjang pengetahuan saya, apa yang dibuat itu bukanlah fatwa, itu hanya sekadar muzakarah di antara mufti-mufti, bukan fatwa.

Kemudian, yang ketiga yang saya ingin memohon penjelasan, baru-baru ini Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan ada memohon, menulis surat kepada Tuan Haji Abdul Hadi supaya beliau bersedia untuk hadir dalam suatu majlis muzakarah yang akan dianjurkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan surat itu telahpun dijawab. Saya

sangat hairan dengan tiba-tiba sahaja majlis muzakarah itu dibatalkan oleh Pengerusi Majlis Fatwa itu. Apakah sebab-sebabnya pembatalan yang tersebut, sedangkan ianya sudah dijawab oleh Tuan Haji Abdul Hadi bahawa dia bersedia dan menyerahkan kepada Majlis Fatwa di mana sahaja muzakarah itu diadakan, sama ada di Kuala Lumpur dan bila-bila masa sahaja, itu diserahkan waktunya kepada Majlis Fatwa. Kenapa hal ini telah dibatalkan. Saya ingat dahulu satu kali waktu saya sebagai Setiausaha Agung PAS, waktu itu hendak diadakan perdebatan hebat di antara UMNO dengan PAS.

Saya juga telah memberikan jawapan, PAS bersedia di mana sahaja perdebatan itu diadakan dan telah diputuskan bahawa perdebatan itu akan disiarkan secara langsung melalui radio dan TV tetapi akhirnya juga setelah kita mengadakan beberapa kali perundingan, saya sendiri dengan Dato' bekas Menteri Besar Kedah, Yang Berhormat Dato' Sanusi Junid. Beliau telah bersetuju dan saya telah memberikan persetujuan siapa sahaja boleh menjadi pengerusi. Mereka telah memilih pada waktu itu Yang Berbahagia Dato' Lokman Musa untuk menjadi pengerusi. Saya kata tidak apa, kita jawab, semuanya kita bersetuju tetapi akhirnya saya pun tidak tahu kenapa Penyimpan Mohor Raja-raja Melayu yang membatalkan debat yang tersebut. Ini adalah satu perkara yang sangat mendukacitakan.

Jadi kita berharap supaya muzakarah ini, kerana belum tentu lagi ini. Jangan ada tuduhan yang berat dikatakan kepada Tuan Haji Abdul Hadi. Saya lihat dalam Amanat yang terlalu ringkas, daripada ucapan yang begitu panjang yang beliau buat satu jam lebih, diambil hanya lebih kurang lima enam baris sahaja, dia tidak mempunyai hujah-hujah yang cukup kuat sebagai alasan untuk menyalahkan beliau. Jadi, saya harap supaya perkara ini kalau boleh tidak ditimbulkan semula, saya pun tidak faham kenapa ianya ditimbulkan semula.

Mengenai pulau memulau, saya rasa pulau memulau ini kalau kita rajin turun ke bawah, saya setuju dengan Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir, pemimpin-pemimpin UMNO mesti kena turun ke bawah. Pulau-memulau ini bukan sahaja di antara PAS dan UMNO, kalau ada berlaku terlalu sedikit tetapi di antara UMNO dengan UMNO pun ada pulau memulau. Sekian, terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hairanlah bagaimana isu dan polemik yang begitu menguasai pemikiran pemimpin termasuk pemimpin PAS sehinggakan Dato' Nik Abdul Aziz sendiri mengatakan dan menyeru

Ahli-ahli PAS supaya jangan pulau memulau, ini daripada Dato' Nik Aziz sendiri. Ini maknanya wujudlah pulau memulau, supaya mereka ini menghentikan pulau memulau. Tetapi Dato' Nik Aziz juga seorang ahli politik, dia kalau sekiranya kita ada anugerah pelakon sandiwara terbaik 2001, anugerah itu patut kita berikan kepada Dato' Nik Aziz kerana bersandiwara sebagai seorang Menteri Besar, sebagai ulama yang menyatakan dengan penuh ikhlasnya, saya ingat dengan penuh ikhlas supaya ahli-ahli PAS jangan memulau, selepas itu dia berkata pula itu saya hendak tengok sahaja, keadaan bagaimana reaksi orang-orang UMNO supaya mereka tidak memulau akan kita. Apa percakapan semacam ini? Kalau pada satu ketika dia benar-benar ikhlas mengatakan dan menjemput supaya ahli-ahli PAS jangan pulau memulau, selepas itu ada bisikan mungkin daripada Presiden Parti PAS, Dato' Fadzil Noor mengatakan tidak wujud perkara seperti itu. Selepas itu Dato' Nik Aziz akur, oh! saya hanya hendak memberitahu kot-kot orang UMNO pula jangan memulau kita.

Ini secara berbelit-belit macam ini adalah belit yang hanya mementingkan kuasa dan politik dan ideologi, yang tidak mementingkan tuntutan agama suci yang memerlukan kita untuk bersatu padu, yang memerlukan umat Islam supaya bermusyawarah sentiasa, tidak pulau memulau. Kalau sekiranya wujud apa yang dinyatakan oleh surat khabar di mana pemulauan mandi dan sembahyang mayat berlaku di negeri Kedah dua minggu yang lepas, saya rasa ini amatlah menyedihkan. Ini betul-betul menunjukkan tidak payah sebut Amanat Haji Hadi, ucapan Haji Hadi itu sendiri telahpun mencetuskan sehingga ke hari ini perkara pecah-memecah antara kaum, antara agama.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mintalah Ahli-ahli Dewan Negara pada hari ini kalau sekiranya Dato' Nik Abdul Aziz bin Nikmat benar-benar tidak ikhlas dengan kenyataan pertamanya yang mengatakan jangan pulau-memulau, menjemput ahli-ahli UMNO selepas itu menyatakan itu bukan maksudnya yang dia hendak buat, malahan pula ia hendakkan orang-orang UMNO jangan pulau-memulau dengan orang PAS. Saya kata dari Ahli Dewan Negara hari ini kita hadiahkan anugerah terbesar kepada Dato' Nik Aziz kerana selalu sangat bersandiwara semacam itu di kalangan orang-orang Melayu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menentukan bagaimana pula dalam surat-surat khabar kita pernah dengar bahawasanya Majlis Fatwa Kebangsaan telahpun mengatakan apa yang diucapkan oleh Tuan Haji Hadi itu telahpun bercanggah, sekarang ini masih disangsikan oleh sahabat saya tadi. Saya

hendak pihak kerajaan dalam Dewan yang mulia ini mengesahkan secara muktamad, benar atau tidak Majlis Fatwa Kebangsaan Islam telahpun menyatakan bahawa apa yang diucapkan oleh Tuan Haji Hadi pada tahun 1981 itu bercanggah dengan agama Islam. Saya tidak tahu siapa mewakili kerajaan, saudara saya Yang Berhormat Tuan Hasan ada di sini, mesti sampaikan kepada pihak kerajaan kerana mereka terpaksa membuat kenyataan yang muktamad pada Dewan yang bersidang pada hari ini dan hari esok, berkenaan dengan apa yang dinyatakan oleh Majlis Fatwa kebangsaan.

Kalau sekiranya ia sudah diwujudkan sebegitu rupa, memang tidak perlu lagi muzakarah. Sekarang ini kita hendak tengok supaya Tuan Haji Hadi meneliti ucapan itu sendiri kerana daripada situlah wujudnya pulau-memulau, wujudnya sembahyang dua imam, wujudnya mengijabkabulkan kali yang kedua. Perkara ini berlaku dan saya minta pihak kerajaan mengumpulkan data-data ini, mengikut negeri, berapa insiden-insiden ini berlaku di Kelantan? Berapa insiden-insiden ini berlaku di Terengganu? Di Kedah? Di Perlis malahan di negeri saya di Pahang. Berapa ramaikah mereka terpaksa berkahwin, diijabkabulkan pada kali kedua? Berapa ramaikah mereka terpaksa sembahyang berasingan dua imam? Berapa ramaikah kenduri kendara tidak dapat dijemput bersama-sama untuk menghadiri kerana mereka terpaksa memulaukan kepada mereka yang tidak mengikut ajaran-ajaran yang dituntut oleh PAS. Kumpulkan data-data ini sebagai bukti bahawasanya wujud perpecahan yang menular daripada ucapan Tuan Haji Hadi pada tahun 1981.

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Aziz ada..

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya minta maaf, saya banyak lagi hendak bercakap. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bagi menentukan ancaman dalaman tidak menghuru-harakan kestabilan sosial, politik dan ekonomi yang telah dibaik pulih daripada insiden negeri Mei 1969, janganlah ada pihak-pihak yang ingin menjadi jaguh dan petualang untuk menghakis dan meruntuhkan kerangka prasarana perundangan negara, dasar-dasar *affirmative action* seperti yang termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru kerana merasakan diri mereka begitu canggih keintelektualannya dan *fashionable* mengikut dan menganuti nilai dan norma seperti Hak Asasi Manusia, globalisasi, liberalisasi, masyarakat sivil dan liberal demokrasi. Ingatlah, nilai-nilai itu menular daripada ekonomi yang dibangunkan di atas kerahan

hamba abdi dan perahan eksploitasi khazanah kekayaan tanah air dan titik peluh native yang dijajah.

Orang yang mengeluarkan nilai-nilai kononnya sejagat universal itu adalah orang-orang yang pernah pada satu ketika dahulu menangkap orang-orang daripada Afrika menjadi hamba abdi untuk membangunkan ekonomi, ini Amerika Syarikatlah. Sekarang dia mengeluarkan fatwa kononnya dari segi dia, undang-undang, nilai-nilai untuk semua orang terima, orang Melayukah, orang Cinakah, orang India di tanah air kita, orang di Indonesia, orang di Filipina bahawasanya inilah package nilai-nilai murni sejagat daripada mereka yang berasaskan kepada demokrasi mutlak, yang berasaskan kepada liberalisasi masyarakat sivil, hak-hak asasi manusia.

Saya amat terkejut seperti juga saudara-saudara yang lain apabila Amerika Syarikat terkeluar, tidak terpilih menganggotai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dapat 29 undi sebagai daripada blok Barat kita tengok France menang, Austria menang dan juga lagi satu itu saya sudah lupa, Sweden menang. Kalah Amerika, setelah menganggotai Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia sejak 1947. Dua minggu lepas dia kalah. Kenapa dia kalah, kerana apa yang diterajui oleh Amerika Syarikat nilai-nilai yang hendak dieksport tidak diikuti dan tidak dipraktikkan. Ini cakap tidak serupa bikin. Dia hendakkan kita mengikuti asas-asas yang mereka percayai benar tetapi di negara Amerika itu sendiri kita tengok seorang Profesor Wu yang berasal usul daripada negeri Cina, daripada Taiwan saya sudah lupa, dipenjarakan 9 bulan tanpa dibicarakan kerana ianya bangsa Cina dan dianggap membocorkan rahsia kepada negara China.

This is, mohon izin, *racial profiling*, maknanya kerana dia Cina, dia bekerja di tempat yang sulit, maklumat-maklumat mungkin dapat olehnya dan dia dituduh untuk menyampaikan maklumat itu ke negara China. Sembilan bulan di dalam penjara tanpa bicara. Selepas itu dikeluarkan sahaja daripada penjara kerana tidak ada lagi asas untuk hendak lagi menahan orang ini. Ini dibuat oleh Amerika, tidak kiralah bagaimana orang-orang hitam dibelasah dan ditangkap. Kita duduk di sini memuja-muja pemberontakan demonstrasi jalanan di negara kita, memuja-muja. Sebab itu Al-Gore berani dalam suatu upacara mengatakan percaya dengan demonstrasi jalanan negara kita ini (reformasi).

Ini adalah kerana orang kita sendiri memuja-muja mereka, orang itu juga pergi ke Filipina, memuja-muja Estrada, pergi ke Indonesia pada suatu ketika memuja-muja Habibie sebelum Gus Dur. Kononnya di sinilah letaknya modul

perjuangan bangsa. Nah! tengok apa yang terjadi sekarang ini di negara kita, di rantau negara kita, di rantau Asia Asian, apa yang telah terjadi di Indonesia, negara jiran kira sekarang. Sampai sekarang ini masih lagi mencari jalan penyelesaian untuk menyelesaikan masalah yang dahulunya diakibatkan oleh krisis ekonomi 1997 tetapi kini menjadi krisis politik dan sebagainya.

Kita bersyukur kepada Allah s.a.w. sebab itulah ancaman dari dalam ini amat berbahaya, ancaman yang menular daripada kenyataan Tuan Haji Hadi merbahaya. Ini bukan cakap-cakap yang terpaksa kita berhenti di sini. Kita mesti secara muktamad menyelesaikan masalah ini supaya tidak ada keraguan antara pengikut-pengikut PAS untuk pulau memulau di seluruh pelosok negara.

Sebab itu Haji Hadi sendiri mengakui dan mengatakan jangan pulau memulau, tidak wujud kenyataan Dato' Nik Aziz kalau sekiranya tidak wujud pulau memulau. Kerana ianya sendiri pada satu ketikanya menginsafi bahawasanya kalau hendakkan maju, hendakkan membangun orang-orang Islam tidak wujud pulau-memulau. Tetapi terpaksa dia perbetulkan kenyataannya kerana Dato' Fadzil Noor tidak bersetuju, Haji Hadi tidak bersetuju dan orang ini ialah Presiden dan Timbalan Presiden. Maka ia mengubah selera, mengubah cara, mengubah cakap, ini yang saya katakan sandiwara.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulunya kita merupakan *the white man's burden*...

Puan Jamilah binti Ibrahim: [Bangun]

Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman: Minta maaf ya. Kalau dulunya kita merupakan *the white man's burden*, maknanya kita ini sebagai satu bebanan Orang Putih. Selepas merdeka, kita masih dianggap sedemikian rupa, *still a white man's burden* dan kali ini dengan cara-cara menerusi globalisasi, liberalisasi dengan mengeksport nilai-nilai hak asasi manusia. Sebab itu kita wujudkan SUHAKAM, sebab itu kita wujudkan ini dan itu tetapi kita mesti ingat kononnya negara yang telah merdeka selama 43 tahun ini, begitu padu, begitu matang, begitu mantap untuk menikmati ciri-ciri dan nilai-nilai yang kononnya universal, sejagat dan lebih mulia daripada nilai-nilai Asia atau agama kita yang dimartabatkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir sendiri. Kerangka prasarana perundangan seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Rahsia Rasmi masih lagi diperlukan dalam konteks perpaduan yang masih rapuh ini.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita menginsafi hakikat sebenarnya. Ekonomi kita, talian sosial kita, politik kita ini masih rapuh, masih lagi *fragmented*, mohon izin atau *fragile* sebab itulah hampir 100% daripada anak-anak bumiputera, Cina dan India tidak bergaul di institusi-institusi pengajian tinggi malahan perpaduan kini telah pun merosot sungguhpun kita mempunyai sebuah kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk membela perpaduan malangnya *notion* dan idea perpaduan itu masih pudar dan menemui satu krisis, di mana silapnya? Kementerian-kementerian yang bersabit sepatutnya membentangkan pelan tindakan dan strategi masing-masing dan pendekatan bersepadu, satu strategik *alliance* kerana aset yang paling penting bagi negara ini ialah perpaduan bangsa Malaysia. Ianya merupakan sosial *capital*, dana sosial yang menjadi asas fundamental kepada Malaysia sebagai negara bangsa ataupun *nation state*. Dana sosial ini lebih penting daripada dana ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya berkenaan dengan proses pengkajian maklumat untuk dijadikan sebagai asas pembentukan dasar. Sebagai contoh, di Dewan yang mulia ini, memang setiap ahli tanpa jemu-jemu memberi pandangan. Kalau selepas Mesyuarat Kabinet, diikuti serta merta dengan Mesyuarat Pos Kabinet, saya ingin bertanya adakah pihak kementerian mengadakan Mesyuarat Pos sesi Dewan untuk mengkaji setiap pandangan dan teguran yang membina yang ditimbulkan dengan penuh keikhlasan dan kajian tanpa bantuan pegawai penyelidik.

Kadang kala saya sendiri merasakan teguran dan pandangan yang dikemukakan tidak diambil kira dengan bersungguh-sungguh sehinggakan satu-satu isu yang sama terus menular tanpa tindakan. Saya memohon jasa baik Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri untuk memformulizekan 'Mesyuarat Pos Sidang Dewan' oleh setiap kementerian kerana hanya dengan secara demikian Tuan Yang di-Pertua, pandangan-pandangan daripada sahabat saya Datuk Ghazi, daripada Tuan Haji Hassan dan sahabat-sahabat yang lain disenaraikan selepas habis sidang Dewan, lepas itu dia buat mesyuarat, dia mengkaji satu persatu. Kerana sebenarnya Tuan Yang di-Pertua kalau kita kaji dari segi *Hansard* yang kita cetak dengan secepat mungkin ini kita dapati kadang kala isu yang sama timbul tahun demi tahun, tidak ada kesimpulan. Lepas itu kita dengar dalam surat khabar, pemimpin-pemimpin menyuarakan isu yang sama baru diambil tindakan. Jadi seolah-olah apa yang kita buat di sini tidak diambil kira dalam menentukan kementerian itu dapat berjalan dengan lancar, mengambil pandangan-pandangan

yang positif, teguran-teguran ikhlas daripada ahli-ahli Dewan Negara, daripada ahli-ahli Dewan Rakyat dijadikan, dibukukan dan diteliti untuk menentukan sesuatu Kementerian itu dapat berusaha ke arah lebih mesra rakyat kerana inilah suara-suara rakyat yang disuarakan oleh ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau ini dibuat saya yakin isu-isu yang sama tidak akan timbul pada masa-masa akan datang. Entah beberapa kali saya menyarankan di Dewan yang mulia ini supaya misalnya Kementerian Pendidikan mewujudkan satu laporan pendidikan khas untuk mengkaji sistem pendidikan selaku agen perpaduan dari segi fizikal dan *spiritual* untuk melahirkan bangsa Malaysia yang padu dan patriotik. Kalau Jepun boleh mengolah teks sejarahnya, kita di Malaysia perlu mengkaji semula sejarah negara yang kini dibuat daripada sudut orientalis, kita patut jadikan ianya merupakan pandangan, kajian ala bangsa Malaysia. Kalau dulunya Datuk Maharaja Lela di Perak dihukum mati kerana membunuh JWW Birch, kini Datuk Maharaja Lela sebenarnya seorang pahlawan dan wira bangsa yang berani menentang penjajah. Kajian semula ke arah baru perlu dibuat secara menyeluruh dan sistematik semata-mata dengan tujuan untuk mencari tafsiran yang benar lagi patriotik.

Tuan Yang di-Pertua, kita amat bersyukur kepada Allah S.W.T kerana pihak keselamatan dapat mencantas bibit-bibit dan punca kehuru-haraan yang mungkin menular daripada demonstrasi jalanan. Syabas kepada pihak polis, dengan izin Allah jua apa yang berlaku secara ngeri di negara-negara jiran yang menjadi tempat rujukan, tempat bermanja khususnya oleh parti KeADILan dapat dielakkan. Black 14 untuk pengetahuan, pematihan rusuhan besar Black 14 ataupun 14 Hitam yang sepatutnya berlaku pada 14 April merupakan inisiatif yang dibanggakan oleh pihak polis. Tindakan di bawah Seksyen 73(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 untuk menahan mereka yang terlibat di bawah Seksyen 8 iaitu memudaratkan keselamatan negara patutlah disanjung dan dipuji oleh semua lapisan masyarakat kerana dengan kejayaan itu kita dapat mengurangkan kos melibatkan penjagaan keamanan.

Setiap rusuhan Tuan Yang di-Pertua, memang banyak kos yang terpaksa ditanggung. Kos keselamatan, polis kena pergi jaga, kos pucuk pimpinan, kena memikirkan cara menyelesaikan masalah, kos penjaja-penjaja yang dihuru-harakan dan nampaknya Tuan Yang di-Pertua demonstrasi jalanan ini berleluasa sekali. Kalau kita tengok dahulu bagaimana orang-orang di Barat pun yang tidak bersetuju

dengan globalisasi, ini saya sebutkan tadi, globalisasi. Sungguhpun ianya diimport oleh Barat, orang Barat sendiri buat demonstrasi. Kita tengok apabila wujudnya satu persidangan besar di Seattle iaitu Persidangan Badan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) demonstrasi besar-besaran berlaku sehinggakan keputusan tidak dapat dibuat menerusi mesyuarat itu, terpaksa digantung kerana demonstrasi begitu hebat. Selepas Seattle, mereka berpindah ke Washington apabila adanya Mesyuarat IMF dengan Bank Dunia untuk membentangkan dari segi laporan mereka pun ada demonstrasi. Apabila wujudnya satu forum dunia di Davos pun ada demonstrasi. Ini bukan orang Malaysia, ini demonstrasi yang dilakukan oleh orang-orang daripada Barat yang mengetahui liberalisasi, globalisasi tidak menguntungkan negara-negara yang membangun. Di Melbourne pun wujud demonstrasi yang besar-besar dan pada 1 Mei 2001 baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, demonstrasi di merata-rata tempat di London, di Oxford Street, mereka cuba menahan, mereka pergi untuk mengunjungi bursa saham-bursa saham di London, di Sydney, Germany, America demonstrasi kerana mereka inilah *anti-capitalism*, mereka ini ialah mereka yang percaya globalisasi, liberalisasi tidak menguntungkan negara-negara yang membangun dan baru hendak maju. Inilah yang dilaungkan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Perdana Menteri kita.

Kita kena berwaspada, jangan ikut *style, fashionable, ke'intelectualan* kononnya kita sudah intelektual, keluar daripada Oxford, daripada Cambridge bukan main hebat lagi bersetuju dengan apa sahaja nilai-nilai Barat yang hendak dieksport untuk kita dan marah kepada negara kita yang cuba menyekat pengeksporan nilai-nilai ini walhal dia tahu negara ini ada Melayu, ada Cina, ada India, ada semua kaum di Sabah dan Sarawak. Kalau kita ikut nilai-nilai Barat ini yang tidak mempunyai dari segi agamanya yang berbilang-bilang agama, berbilang-bilang kaum secara besar-besaran, hancur negara kita. Daripada waktu itu, yang menang bukan kita, yang menang mereka yang dapat menguasai kali ini ekonomi negara kalau tidak politik negara. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan anak-anak muda kita yang berkelulusan antarabangsa ini jangan cuba memikirkan bahawa intelek mereka itu sudah mencukupi untuk bermaharajalela di atas nilai-nilai sejagat seperti yang dieksport oleh Barat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, di dalam konteks ini, saya juga ingin merayu kepada kebijaksanaan SUHAKAM supaya memainkan peranan memantau dan selaku badan rujukan bukannya seolah-olah badan yang mempunyai fungsi

eksekutif. Saya yakin penuh dengan kebijaksanaan dan kepimpinan Yang Berbahagia Tan Sri Musa Hitam selaku bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, SUHAKAM akan berperanan dengan impaknya yang tersendiri. Di dalam konteks ini juga kita dapati peranan media cetak dan elektronik asing begitu gigih memutarbelitkan fakta dan keadaan. Sekiranya pendekatan dan laporan sebegini rupa dilakukan di sesetengah negara jiran, tentu sekali tindakan yang drastik telah pun diambil tanpa mendapat bantahan yang melulu. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan berapakah jumlah insiden seperti ini dilakukan dan oleh siapa dan apa pula tindakan yang diambil. Saya ingin menyarankan pada masa yang sama negara kita selain daripada tugas-tugas Kementerian Luar dan Kementerian Penerangan menggunakan pelobi-pelobi dan firma-firma Perhubungan Awam Antarabangsa untuk membantu kita.

Di dalam hal ini, kita mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru-baru ini dalam perjumpaan dengan duta-duta besar kita di luar negara memberitahu kepada mereka supaya mengambil kira dalam kerja-kerja diplomasi pun kita mengambil kira dari segi pelajar-pelajar kita di luar negara kerana pelajar-pelajar kita zaman saya dahulu Tuan Yang di-Pertua, kita merupakan duta kepada negara sungguhpun tidak ada gaji. Kita merupakan duta negara tetapi kalau pelajar-pelajar menerima maklumat-maklumat Internet yang sengaja memburuk-burukkan negara, memburuk-burukkan kerajaan selepas itu mereka percaya, mereka menyebarkan maklumat yang sama kepada kawan-kawan kita di England, di Amerika dan Australia. Mereka sebenarnya mensabotaj negara kita sendiri.

Jadi perkara seperti ini Tuan Yang di-Pertua, ICT seperti yang diheboh-hebohkan oleh sahabat saya Datuk Ghazi memang ada baiknya tetapi ada juga buruknya. Buruknya kerana ia begitu cepat menghantar maklumat-maklumat yang boleh dipalsukan oleh pihak ketiga. Apa yang berlaku misalnya di Kampung Medan baru-baru ini. Pihak polis terlewat untuk memberikan maklumat yang sebenarnya kerana ia kena siasat dan sebagainya. CNN sudah tunggu, banyak lagi pemberita-pemberita asing menunggu berita-berita tertentu untuk hendak menentukan dari segi angle dia, sudutnya dia hendak tengok Malaysia ini huru-hara. Tetapi apabila lewat pihak yang berwajib mengeluarkan maklumat yang tepat dan cepat, mereka dicelah oleh pihak ketiga menghantar maklumat-maklumat yang palsu dan memudaratkan kedudukan dan keamanan kita. Jadi ini terpaksa kita awasi. Ini merupakan satu

jenayah siber iaitu *cyber crime*. Jenayah siber ini berleluasa di merata-rata tempat. Rumah Putih pun telah dicerobohi, The White House di Washington, Pentagon pun dicerobohi yang begitu ketat, *sophisticated* dari segi pagar memagar dengan *fire wall* dan sebagainya. Saya pun tidak berapa faham – pun dicerobohi. Inikan pula kita yang baru sahaja hendak muncul di dunia ICT lagipun kurang dari segi kemahiran tentu sahaja senang di cerobohi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa amat baik sekali duta-duta besar kita ini menukar peranannya dari segi peranan tradisi untuk menghubungkan antara dua negara dari segi diplomasi, mengambil kira duta-duta yang kecil-kecil itu, pelajar-pelajar kita yang seluruh England misal kata dia ada di Oxford, di Manchester, ada di Ireland - rata-rata. Duta kita hanya di London. Jadi kita terpaksa mendekati mereka, memberi faham atas kedudukan dan kenyataan-kenyataan sebenar. Sebab itulah saya dahulu menyatakan, gunakanlah penerbangan MAS untuk menghantar surat-surat khabar kita kepada kedutaan-kedutaan, bukan sehelai dua, bukan satu dua, banyak-banyak supaya surat khabar itu dapat kita edarkan kepada pusat-pusat pelajar di negara-negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah impak dan kesan sabotaj dan perbuatan keji oleh pengkhianat bangsa dan negara yang sering berlaku di luar negara, di Amerika Syarikat, di Eropah dan di Australia. Siapakah mereka ini dan daripada manakah punca kewangannya? Jabatan mana yang bertanggungjawab memantau kegiatan mereka ini dan apakah tindakan perundangan yang boleh diambil? Ini kerana kita tahu Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak insiden-insiden di mana warganegara Malaysia sendiri yang mensabotaj negara kita.

Dahulu kita dengar mereka menggunakan pelobi-pelobi antarabangsa di luar Amerika Syarikat, pergi melobi Ahli-ahli Kongres untuk membawa usul-usul tertentu yang memudaratkan negara kita sendiri dan kita lihat di Australia pun ada, sudah lari ke Australia pun ada. Saya diberitahu ada seorang, sekarang ini bermastautin di Australia dan menjalankan kegiatan-kegiatan mensabotaj negara. Orang ini dahulu Tuan Yang di-Pertua, pernah berkejar dari Jakarta, Kuala Lumpur, Manila dan Bangkok pada suatu ketika dahulu, meraih dan merayu kepada pemimpin-pemimpin serantau ini untuk membantu mereka dalam perjuangan mereka di negara kita.

Jadi, mereka ini kita kena tahu. Kalau Amerika mempunyai CIAnya, kalau Rusia dengan KGBnya, kalau United Kingdom dengan MI6, MI5nya, Australia dengan *Australian Service ASIO, Research or Intelligent Organization*, jabatan mana

yang dekat-dekat menyerupai jabatan-jabatan ini, di negara-negara itu? Adakah kita mempunyai CIA sendiri, KGB sendiri ASIO sendiri, MI5 sendiri bagi menentukan dan mengesan mereka di luar negara ini tidak dapat menjalankan kegiatan-kegiatan yang mensabotaj ekonomi, politik dan keselamatan negara. Saya ingin tahu dan siapakah mereka ini? Pernah di Dewan yang mulia ini dan di forum lain, saya kategorikan mereka ini telah pun melakukan dengan izin, *an act of treason* sebagai satu, ini serius iaitu pengkhianat bangsa, *threatens* yang sudah tentu tidak layak memegang pasport Malaysia. Berapa banyakkah pasport dibatalkan atas sebab-sebab seperti ini?

Kalau kita tahu mereka, Tuan Yang di-Pertua, telah pun menjalankan kegiatan-kegiatan yang saya kategorikan sebagai *treason* ini, sebagai *threaten*, sebagai pengkhianat bangsa dan negara, takkanlah kerajaan tidak boleh ambil tindakan untuk pegang pasport dia kerana ini bukan cara orang Malaysia. Salah satu ciri orang Malaysia yang memegang pasport Malaysia ialah mempunyai patriotisme kepada negaranya sendiri, cinta kepada negaranya sendiri. Kalau mereka menghasut syarikat-syarikat besar supaya jangan datang ke Malaysia melabur, ini bukan patriotisme, ini pengkhianat negara dan pasport mereka terpaksa kita pegang, kita melucutkan daripada mereka, kerana mereka tidak perlu menggunakan pasport itu semata-mata menjalankan kegiatan-kegiatan negatif yang menghancurkan keadaan di negara kita ini.

Jadi, kita sendiri pergi. Perdana Menteri sendiri pergi ke luar negara dengan misi-misi pelaburan, MITI sendiri pergi ke luar negara mencari pelaburan. Satu ketika dahulu, di dalam fail-fail, *folder-folder* perjumpaan Dato' Seri Rafidah Aziz dengan pelabur-pelabur, masuknya kegiatan-kegiatan perihal Dato' Seri Anwar Ibrahim di dalamnya. Macam mana perkara ini boleh berlaku? Ini berlaku di Amerika Syarikat. Jadi, saya ingin mengetahui adakah kita mempunyai *intelligent*, perisik kita sendiri bagi menentukan perkara semacam ini tidak berlaku sewenang-wenang di negara-negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana begitu peka dengan keperluan ICT untuk negara iaitu, *information, communication and technology* tetapi, pada masa yang sama, kecanggihan sistem maklumat yang cepat diperolehi ini pun merbahaya.

Ini kerana pihak-pihak tertentu boleh menyebarkan maklumat palsu semata-mata untuk menghakis kepercayaan orang ramai terhadap kerajaan. Kita me ngalu-

alukan pertubuhan satu badan tindakan untuk menangkis kepalsuan ini. Wujudkan satu jawatankuasa khas, Kementerian Penerangan, Kementerian Luar Negeri bagi menangkis maklumat-maklumat yang disebar dengan meluas oleh mereka yang berkepentingan jahat ini tetapi, yang lebih penting ialah, apa yang saya panggil definisi - ICT kedua, *the second ICT* iaitu *information* atau informasi cepat dan tepat. ICT ini bererti informasi cepat dan tepat (ICT).

Pihak polis, pihak penerangan dan mana-mana pihak yang terlibat sekalipun, mesti cepat dan tepat dengan fakta rasmi negara. Kalau tidak, saluran Internet akan digunakan atau dipintas oleh pihak ketiga untuk menyalurkan tohmahan dan pembohongan, fitnah sehinggakan ianya ditafsirkan lebih sahih daripada fakta rasmi kerajaan yang kadang-kala lebih lewat dikeluarkan.

Pendekatan bersepatu pengeluaran kenyataan kerajaan menerusi satu sumber patut diwujudkan dengan segera kerana barah kepalsuan maklumat dan khabar angin lebih cepat dikeluarkan sehingga boleh menghakis kredibiliti kerajaan. Di dalam kita menguruskan sistem ICT ini, ciri-ciri keselamatan mestilah dipertingkatkan dan diawasi pada setiap masa. Sistem website seperti yang saya katakan tadi, di Pentagon, di Rumah Putih Washington pun dicerobohi. Laman web kerajaan termasuk laman web Parlimen telah pun dicerobohi dan setakat ini, 49 kali insiden-insiden pencerobohan berlaku di antara 1 Februari, 1999 sehingga 3 April, 2001. Untuk menangkis ancaman keselamatan siber ini, kita cadangkan penubuhan pasukan audit keselamatan ICT supaya program-program pengawasan yang canggih dapat dijalankan oleh pertubuhan ini.

Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, pencerobohan siber ini akan berleluasa dan ini juga terutama sekali daripada segi data peribadi, akan dicerobohi oleh mereka ini dan menghakis kredibiliti, kepercayaan orang ramai kepada penggunaan Internet. Ini pun satu sabotaj yang tidak sepatutnya kita ketepikan. Antara tujuan falsafah *prosper thy neighbor*, mengayakan jiran yang dipraktikkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, Perdana Menteri kita, ialah untuk membendung pelimpahan masalah sosial, ekonomi dan tentunya politik di rantau ini. Mengayakan jiran, bererti melahirkan *empowerment*, keupayaan positif yang seiringan.

Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, kita dapati kenapa Malaysia ini begitu menarik untuk migrasi, pencerobohan manusia daripada negara-negara sempadan termasuk bukan sempadan, Bangladesh pun datang menerusi sempadan Malaysia, Thailand, menerusi kawasan perairan Selat Melaka, menerusi kawasan perairan

Sabah, Filipina. Semua tempat ini terpaksa kita jaga sebagai benteng kerana Malaysia ini, dengan keadaan ekonominya yang kini sedang baik pulih, menjadikan satu tarikan untuk mereka berhijrah mencari peluang, mencari makan, mencari rezeki. Sepatutnya kita menyedari hakikat ini bahawasanya Malaysia, negara tercinta ini merupakan negara yang maju, yang boleh menarik penghijrahan orang daripada luar negara. Kalau kita hendak menentukan pembendungan trafik manusia ini, kita terpaksa mempunyai kelengkapan-kelengkapan yang sewajarnya.

Daripada segi itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan ura-ura untuk mendapatkan pesawat pejuang FA 18E /F *super hornet* daripada Boeing menjadi satu realiti. Tetapi, lebih penting aset ketahanan negara ialah kesejahteraan dan maruah serta martabat anggota tentera itu terpelihara semasa dan selepas bertugas untuk agama, bangsa dan negara. Di sini, saya mengucapkan syabas kerana masih belum terlewat di atas penubuhan Jabatan Hal-Ehwal Veteran Tentera. Kita difahamkan keunikan sistem prasarana angkatan tentera bagi anggota lain-lain pangkat persaraan, angkatan tentera bagi lain-lain pangkat adalah begitu muda dan pesara kini berjumlah antara 120,000 hingga ke 150,000. Saya ingin mengetahui apakah perancangan kreatif Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dalam mengambil kira untuk menggunakan sumber tenaga yang masih kuat dan berdisiplin ini. Berapa peratuskah kakitangan-kakitangan kumpulan LTAT yang terdiri daripada bekas perajurit? Apakah matlamat LTAT, jangka panjang dan jangka pendek mengikut peratusan pengambilan bekas perajurit dari dalam segala bidang ini?

Kepakaran dan pengalaman yang wujud di kalangan bekas prajurit adalah begitu luas dan menyentuh segala bidang perekonomian. LTAT dan PERHEBAT boleh memainkan peranan yang lebih pro-aktif seperti penglibatan dalam bidang penswastan sistem pengangkutan dan sektor perkhidmatan ketenteraan yang lain.

Sekali lagi, saya ingin menyarankan supaya bekas perajurit ini diserap ke institusi-institusi pendidikan peringkat tadika, peringkat sekolah rendah, peringkat sekolah menengah, institusi pengajian tinggi awam dan swasta sebagai satu agenda pendisiplin dan patriotisme negara. Sudah sampai masa untuk sebuah yayasan patriot ditubuhkan bagi melahirkan satu bangsa Malaysia yang berjati diri, bahkan mereka bersama-sama pelapis dan askar wataniah sepatutnya dijadikan benteng pertahanan negara yang kedua.

Saya juga menyarankan supaya pasukan keselamatan negara, anggota polis dan tentera mencerminkan komposisi kaum dan saya menyeru sahabat-sahabat

saya di Dewan yang mulia ini supaya buat kempen sedikit, supaya anggota polis, tentera ada orang Cina, ada orang India, ada orang Melayu dan pelbagai kaum, mencerminkan komposisi kaum negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang sengaja memberi fokus dan penekanan kepada prasarana modal sosial atau *social capital* dan keamanan sebagai kerangka mutlak pencapaian perancangan pembangunan negara, kerana tanpa keamanan dan kestabilan, tidak wujud ruang penyelamat warisan bangsa di hari muka.

Tuan Yang di-Pertua, penekanan kerajaan terhadap *continuum* pembangunan dan draf pembangunan Malaya pada tahun 50-an, kepada RRJP3 dan Rancangan Malaysia Kelapan di bawah panji-panji kerajaan yang sama, daripada Perikatan kepada Barisan Nasional, merupakan satu pemberian Allah S.W.T. yang hanya menuntut kesyukuran dan peningkatan keimanan dan ketakwaan. Lebih-lebih lagi, pengolahan dasar Wawasan Negara, terus berpaksi kepada keperluan membanteras kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Di dalam hal ini, kewajaran Dasar Sosial Negara, dan usaha merapat jurang dikotomi ekonomi bandar dan luar bandar, menyertakan masyarakat setinggian dengan ekonomi *informal* nya, menyertakan kumpulan minoriti yang kurang upaya, dengan izin *disadvantage group* ke dalam ekonomi pembangunan perdana, amat tepat untuk disegerakan kerana sesungguhnya pembangunan ialah pembebasan dan pengupayaan, *empowerment*, penterjemah maruah dan *self-esteem*

Jurang perbezaan pendapatan sektor luar bandar, kalau pada tahun 1991, pendapatan luar bandar katakanlah RM1.00, pendapatan bandar RM1.54 sen tetapi, pada tahun 1957, sebelum krisis ekonomi, nisbahnya ialah setiap RM1.00 yang didapati oleh orang-orang luar bandar, orang bandar dapat RM2.04 sen, dua kali ganda. Antara puncanya ialah, 62% daripada mereka di luar bandar hanya memilik usahakan tiga hektar sekeluarga walhal tahap minimum sepatutnya enam ke lapan hektar tetapi, selain daripada pendapatan indeks pengukuran kualiti hidup, seperti *access* kepada prasarana moden seperti pendidikan, kesihatan masih jauh berbeza.

Ini tidak termasuk daripada segi pemisahan digital, *digital divide*. Seperti yang saya sebut di dalam Dewan yang mulia ini, 70% penggunaan Internet, 70% di negara kita adalah di Lembah Klang sahaja. Jadi, orang-orang, macam orang kampung saya di Temerloh, orang kampung Tuan Yang di-Pertua yang dekat Kluang, tidak dapat menerima benda macam ini, mungkin 20%, dan 30%. Jadi,

perbezaan apabila wujudnya infrastruktur atau prasarana Internet ini, perbezaan antara mereka di bandar dan di luar bandar semakin jauh dan semakin luas.

Perbezaan ini bukan hanya di negara bahkan di dunia sekalipun antara negara-negara yang baru maju dengan negara-negara maju. Jadi bagaimana globalisasi, liberalisasi dapat membanteras jurang yang makin membesar antara negara maju dengan negara yang kurang maju. Dan kalau kita tengok dari segi penekanan kerajaan Tuan Yang di-Pertua, ke arah K-ekonomi, ekonomi yang berpaksi kepada pengetahuan. Bayangkanlah bagaimana orang-orang luar bandar dapat menyertai k-ekonomi kalau sekiranya dari segi digital divide kita sudah tengok jauh berbeza.

Sekolah-sekolah ia masih tidak ada elektrik. Kalau tidak ada elektrik bagaimana internet hendak masuk. Ini pun satu perkara yang besar kerana pada satu ketika 3000 sekolah di luar bandar tidak ada elektrik. Bererti mereka disampingkan, dipinggirkan untuk mewujudkan sistem internet ini. Jadi kewibawaan mereka, kepercayaan diri kalau mereka ini katakan dapat masuk ke sekolah menengah di bandar-bandar, sekolah rendah di kampung yang tidak ada elektrik yang tidak ada internet. Saya tidak dapat membayangkan bagaimana mereka dapat bersaing dengan sahabat-sahabat, rakan-rakan dalam bandar. Jadi perbezaan ukuran dari segi pendapatan kita nampak jelas. Tetapi ukuran dari segi akses pendekatan dari segi kesempaian kepada pendidikan yang sama, kesihatan yang sama masih lagi berkurangan. Inilah yang akan menentukan kejauhan ketinggalan mereka.

Begitulah juga dimensi pemodenan yang melahirkan kumpulan miskin baru - dulu kita ada orang kaya baru, sekarang ini orang miskin baru, orang miskin baru sebagai koronari kepada kaya baru di tengah-tengah kota yang menunjukkan ciri-ciri kekayaan kini mendapat perhatian serius. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mempengerusikan jawatankuasa penyelesaian masalah setinggalan kumpulan 400,000 yang menjana pembangunan ekonomi menerusi sektor ekonomi informal sebagai penjaja, sebagai sumber perkhidmatan sebenarnya telah menyumbangkan RM5 bilion kepada ekonomi negara. Tetapi kerana kesetinggan aset mereka seperti rumah tidak boleh dijadikan sebagai *collateral*, sebagai sandaran kepada pinjaman.

Mengikut hakim Raja Azlan Shah, kini Sultan, setinggalan tidak punya apa-apa hak di sisi undang-undang mahupun di sisi ekuiti. Jadi setinggalan ini, Tuan Yang di-

Pertua, merupakan satu kumpulan yang menjejaskan keamanan. Kalau kita tidak beri penekanan dan saya harapkan rancangan kerajaan Rancangan Malaysia Kelapan untuk menzahirkan 230,000 rumah kos rendah ini akan dipastikan supaya mereka ini dapat. Hanya kerajaan Barisan Nasional sahajalah, hanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahajalah yang boleh mempositifkan hukuman kepada mereka, membebaskan mereka kepada belunggu cengkaman ketidakupayaan *powerlessness*, Tuan Yang di-Pertua. Berikan *empowerment* mereka jati diri, maruah dan martabat sebagai penghuni rumah-rumah yang lebih selesa dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Dan semua kawasan setinggan yang dikosongkan terpaksa dikawal selia bagi menjamin tidak wujud badai setinggan kedua yang tentunya akan melipatgandakan masalah yang sama termasuklah menghasilkan banjir kilat yang melumpurkan Kuala Lumpur.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Kuala Lumpur dulu sebenarnya namanya Kuala Lumpur adalah kerana Sungai Klang dan Sungai Gombak, pertemuan sungai. Pada waktu itu tidak banyaklah setinggan. Hanya Yap Ah Loy dan kawan-kawan yang lain buat rumah cari bijih. Tetapi sekarang ini rumah mencakar langit hebat. Kita ada bangunan tertinggi di dunia tetapi sebelah bangunan tertinggi di dunia ialah Kampung Baru yang tidak baru lagi. Jadi saya minta pihak kerajaan mesti serius dalam perkara ini. Masalah Kampung Baru yang begitu lama belum selesai lagi ini mesti diselesaikan secepat mungkin. Kalau tidak ianya merupakan satu keadaan yang orang-orang Melayu yang mempunyai kawasan tanah Malay Reserve ini, Tanah Rizab Melayu.

Saya ingat masih lagi Rizab Melayu, tanah Kampung Baru mesti cari jalan penyelesaian secepat mungkin. Takkan dia hendak sampai RM1000 setiap kaki persegi. Kita bangunkan bangunan-bangunan pencakar langit seperti juga KLCC. Ini dia Kampung Baru yang berwajah baru. Dan letakkan makcik-makcik di tingkat atas sekali supaya dapat naik lif yang cepat pergi ke atas dan tengok bagaimana hidupnya yang kini lebih selesa daripada sekarang.

Jadi, saya minta Jabatan Perdana Menteri di mana DBKL bertanggungjawab di bawahnya menyelesaikan masalah... sekarang ini Kampung Baru Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah merupakan kawasan setinggan lagi. Kerana cara pelan-pelan perumahan, aturan jalan masuk kiri, masuk kanan seolah-olah tidak teratur dan tepinya bangunan-bangunan yang canggih. Sebab itulah di waktu ada wayang gambar dari Hollywood datang, ... saya sudah lupa cerita dia yang pergi mencuri.

Apa nama cerita? Dia ambil gambar KLCC pergi mencuri barang. Ha, 'Entrapment' nama wayang itu. Saya sudah tengok wayang itu, *Entrapment*. Dia ambil angle bangunan KLCC yang tinggi melangit itu daripada sudut Kampung Baru. Jadi sebelum kita nampak bangunan tinggi itu kita nampak juga rumah-rumah atap zink yang warnanya coklat. Maknanya zink sudah lama, sudah berkarat, angle itu dia ambil dan kita marah. Kita marah, pasal tujuan dia mungkin hendak menunjukkan di Malaysia sungguhpun wujud bangunan-bangunan pencakar langit tetapi sebaliknya wujud juga Kampung Baru orang Melayu yang punya dan serupa kampung setinggan, ini hendak menunjukkan. Saya pun rasa elok sangat.

Apa yang Perdana Menteri sebut tadi selesaikan masalah Kampung Baru dan berunding dengan penghuni-penghuni Kampung Baru kali ini lagi susah kerana saya pun ada saudara di sana. Saya difahamkan sebidang tanah kerana sudah turun-temurun dari segi hukum faraid berbahagi-bahagi sehinggakan ada dapat 6 inci seorang, 6 kaki persegi pasal terlalu ramai. Macam mana dia hendak dapat saham kalau dapat 6 kaki persegi daripada tanah yang begitu luas. Kerana ramai sangat yang menuntut tanah itu. Jadi saya bimbang lagi lama kita tunggu lagi incinya lebih lagi kurang. Kalau sekarang ini 6, 7 inci kaki persegi mungkin esok sudah tidak ada langsung, tepi sahaja setapak kaki pun tidak ada.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, penting sangat Kampung Baru ini diselamatkan bagi menentukan orang-orang di Kampung Baru dapat hidup selesa kerana Tuan Yang di-Pertua, kalau wujud perbezaan bukan pendapatan, bukan Ringgit, perbezaan dari segi prasarana antara yang canggih dan kurang canggih ini akan menularkan satu perasaan marah. Sebelum perasaan marah dan pemberontakan timbul, kita mesti sekat dan menyelesaikan masalah ini. Inilah sebenarnya apa yang berlaku di kampung-kampung setinggan kalau kita tengok begitu selekeh keadaannya dan kawalan pun saya rasa cuai kerana ianya bertambah.

Jadi, sekarang hari esok saya minta kita buat bancian kampung-kampung setinggan berapa ramai orang duduk dan kita pagar supaya tidak ada lagi pertambahan rumah-rumah penghuni-penghuni di kawasan ini. Selepas itu mereka ini yang patut diberi dari segi peluang untuk memiliki rumah kos rendah pada masa akan datang. Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, kawasan ini akan melebar dan meluas dan padahnya ialah kepada Sungai Klang dan Sungai Gombak. Bagaimana cantiknya sistem perparitan kalau kawasan reserve sungai dipenuhi dengan rumah-rumah setinggan tanpa plan yang rapi segala sampah sarap terus dicurahkan ke situ.

Dan kita tidak boleh menyalahkan sesiapa, kita salahkan mereka yang bertugas bagi menentukan kawasan setingan ini stop begitu, pagar tidak ada lagi. Dan bila mereka pindah pagar itu terus berada di situ dan tidak ada lagi orang yang boleh mengisi kekosongan. Maka barulah kita dapat selesaikan perkara ini. Kalau tidak ianya akan berpanjangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ucapan junjungan kasih kepada Ke bawah Duli Tuanku saya juga ingin menyentuh dari segi institusi-institusi kita. Baru-baru ini saya berpeluang mengunjungi lawatan bersama-sama dengan Presiden Dewan Negara ke Jepun. Saya amat tertarik dengan cara orang-orang Jepun, ahli-ahli Senator Jepun memberi peluang bagi kita menemui bukan sahaja Presiden dia, Speaker Dewan Rakyat dia tetapi menteri-menteri yang lain. Saya perhatikan semuanya mereka di sana dipilih menerusi proses pilihan raya, 200 anggota Dewan Senat. Dan di Thailand pun saya difahamkan ahli Dewan Senat pun dipilih. Dan di England pun baru-baru ini di bawah kepimpinan Tony Blair sebagai Perdana Menteri dia buat pengumuman. Sesiapa hendak menjadi ahli House of Lords dia, dewan tertinggi dia, Dewan Upper House dia, boleh memohon. 3,600 orang memohon untuk menjadi ahli dewan House of Lords di England. Dia pilih 15 orang. Semua yang dulunya turun-temurun menjadi Lord sekarang ini dikurangkan dari segi permintaan ke House Of Lords. Mereka boleh digelar sebagai Lord, tetapi tidak menganggotai House of Lords. Jadi House Of Lords sekarang ini ada yang menerusi dari segi keturunan. Yang banyaknya sekarang dari segi pilihan parti-parti komponen yang lain ialah orang-orang biasa yang diiktiraf.

Jadi sekarang ini saya perhatikan saya amat bergembira sekalilah. Dalam Dewan Senat kita, Dewan Negara kita ada 69 ahli. Setiap negeri menghantar dua wakil. Dia dipilih menerusi Dewan Negeri masing-masing sebab itulah daripada negeri Kelantan, negeri Terengganu kita mempunyai empat yang mewakili negeri-negeri di Kelantan dan Terengganu yang daripada parti PAS kerana PAS menerajui negeri Kelantan dan negeri Terengganu. Dan begitu juga negeri-negeri lain, Kerajaan Barisan Nasional menghantar wakil-wakilnya. Yang lainnya dipilih dan diberi peluang oleh Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong di mana kita sekarang ini hendak mengucapkan tahniah ke atas ucapannya memilih atas pandangan yang diberi oleh Perdana Menteri kita.

Jadi baru-baru ini saya amat gembira kerana sahabat kita yang penuh berpengalaman, Tan Sri Abdullah Ayob mewakili orang-orang pencen dilantik

sebagai Senator. Ini saya mengucapkan tahniah kepada orang pencen sudah ada wakil dan begitu juga dari segi veteran bekas perajurit pun ada wakil. Sistem di negara kita ini berbeza kerana kita mempunyai komponen-komponen masyarakat minoriti. Kita mempunyai juga persatuan-persatuan yang mewakili bekas perajurit, orang pencen mewakili pekerja semua ada di sini. Tetapi ianya sentiasa ke peringkat 69 orang sahaja, tidak boleh lebih daripada itu.

Jadi memandangkan perlunya idea-idea baru dapat kita curahkan menerusi Dewan yang mulia ini, saya merasakan Tuan Yang di-Pertua, kalau kita setiap lapan tahun mengkaji semua sempadan kawasan pilihan raya iaitu kawasan Parlimen dan kawasan Dewan Undangan Negeri yang kini bertambah kepada 193 kawasan Parlimen di mana parti-parti Barisan Nasional menduduki 145 kerusi dan 48 kerusi oleh parti-parti pembangkang saya merasakan dan menyeru pihak kerajaan mengkaji meningkatkan jumlah Ahli-ahli Dewan Negara daripada 69 pada peringkat awalnya kepada 100. Maknanya ada lagi peluang 31 orang lagi yang baru yang boleh dipilih dan dilantik untuk menganggotai Dewan yang cangguh ini.

Jadi kalau setuju tepuklah sikit. Barulah boleh masuk dalam *Hansard*. Ini tidak, senyap sahaja. Ini kalau dapat 100 Tuan Yang di-Pertua, bererti ratio dia 2:1, 2 Dewan Rakyat, 1 Dewan Negara. Maknanya berpeluanglah ramai lagi kepentingan-kepentingan specialize yang khusus ini daripada badan-badan lain, saya hendak tengok wartawan pun ada Senator Zam dan menjadi Setiausaha Parlimen, kita hendak tengok artis-artis. Kita tengok sekarang Puteri UMNO sudah ada seorang artis, Erra Fazira. Jadi kemungkinan Puteri UMNO ini wakil kita hendak tengok ini generasi, *intergeneration*, integenerasi.

Kita hendak tengokkan Dewan Negara ini bukan untuk orang tua-tua, bukan yang berpengalaman yang luas-luas sahaja, yang muda pun boleh menganggotai Dewan Negara ini untuk mendapatkan pandangan yang multi-dicipline, pandangan yang multi-generation, yang berbeza generasi. Jadi, kita adakan, puteri pun masuk, putera lain pun masuk. Sebab itu kita hendak tingkatkan daripada 69 orang kepada angka yang molek sekali 100.

Saya difahamkan Dewan Rakyat dari segi exercise yang baru hendak dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya, saya difahamkan mungkin 10 atau 11 kerusi baru akan diwujudkan di negara kita. Jadi, bererti apabila sampai masanya nanti, kemungkinan besar, Dewan Rakyat akan bertambah daripada 193 mungkin ke 210

atau 220. Jadi, kita juga turut berkembang kalau sekiranya ratio itu dapat ditubuhkan sebegitu rupa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat berterima kasih kepada pihak kerajaan, terutama sekali mengucapkan syabas kepada Tentera Laut. Tuan Yang di-Pertua, Tentera Laut ini telah pun menjalankan tugas yang begitu berat apabila negara kita meningkat dari segi kemajuan. Kawasan perairan kita sentiasa ditunggu-tunggu dicerobohi oleh human traffic, trafik manusia ini dan juga kegiatan-kegiatan lanun.

Jadi, pemodenan kelengkapan Tentera Laut dan Tentera Udara misalnya, memainkan peranan pengawasan sekitar kawasan perairan yang begitu luas. Pembelian empat buah kapal selam adalah satu-satunya idaman yang kini menjadi realiti. Tidak boleh dinafikan sistem maritim kita terutamanya di Selat Melaka dan kawasan perairan Sabah telah pun dicemari dengan pencerobohan penculikan dan kegiatan lanun.

Di sini kita hendak ucapkan tahniah kepada Tentera Laut yang telah berjaya menahan pencerobohan asing di perairan kita. Saya difahamkan mereka ini sekarang tengah di dalam penjara dan banyak negara asing yang merayu supaya melepaskan mereka dan kita merasakan kita menyokong penuh apa yang dibuat oleh Tentera Laut kita bagi menahan mereka dan memenjarakan mereka ini adalah tindakan yang sebaik-baiknya. Sungguhpun ada rayuan kita memohon pihak tentera, pihak kerajaan bertegas dengan perkara ini.

Biro Maritim Antarabangsa (International Maritime Bureau) yang berpangkalan di New York menyatakan Selat Melaka laluan kedua tersibuk di dunia telah pun mengalami 9 kes serangan dan percubaan serangan dalam tempoh tiga bulan pertama tahun 2001. 23 kes di perairan jiran tetangga daripada 68 kes serupa itu di dunia bererti 50% kes-kes macam ini berlaku di sekitar rantau ini.

Memandangkan 70% daripada perdagangan Malaysia menggunakan sistem maritim dan memandangkan trafik manusia menjadi-jadi mencerobohi sempadan, maka disarankan sistem pengawasan satelit dan elektronik lain diwujudkan di sepanjang sempadan air dan darat kerana hanya secara demikian, dapat kita menentukan kawasan kita tidak dicemari oleh mana-mana pihak yang cuba hendak menceroboh.

Kerjasama di antara pihak polis Malaysia baru-baru ini saya tengok dengan pihak Thailand amat membanggakan kerana kita tahu dari Thailand, bukan orang Thailand, daripada negara-negara jiran, Myanmar dan sebagainya mungkin akan

menggunakan cara jalan darat untuk meresapi, untuk menembusi sempadan negara kita. Jadi, kerjasama-kerjasama ini kita ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sosial dasar negara yang akan dibuat dan digariskan oleh pihak kerajaan mestilah menggunakan penyelidik-penyelidik yang banyak kita dapati di peringkat institusi-institusi pengajian tinggi. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada pihak universiti-universiti IPTA terutamanya yang kini menjuruskan pandangan untuk menjadikan institusi-institusi pengajian tinggi awam ini sebagai institusi penyelidikan iaitu pasca sarjana, post graduate.

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan penggunaan penyelidik-penyelidik di peringkat institusi pengajian tinggi ini masih berkurangan. Saya tahu Universiti Kebangsaan Malaysia, misalnya, mempunyai satu institusi yang dipanggil ATMA iaitu Akademi Tamadun Melayu dan di Universiti Malaya – saya mempengerusikan dua, tiga seminar di sana baru-baru ini mempunyai satu institusi dinamakan CEDAR iaitu Center for Economic Development and Ethnic Research, makna dia mengkaji ekonomi pembangunan yang berpaksi kepada ethnicity daripada kaum-kaum.

Saya bertanya adakah pihak kerajaan pernah meminta kajian-kajian kerana masa saya menjadi ahli MAPEN II yang kita buat setebal ini, kita susah mendapat maklumat yang tepat, yang berasaskan ethnicity. Jadi, saya minta pihak kerajaan menggunakan tenaga-tenaga mahir di dalam universiti-universiti ini untuk mereka menjalankan penyelidikan-penyelidikan terutama sekali dalam isu-isu sosial, memang banyak penyelidikan-penyelidikan kini dibuat di dalam bidang sains dan teknologi dan kita ucapkan tahniah baru-baru ini penyelidikan-penyelidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia telah pun berjaya mendapat pingat emas di Geneva kerana dengan kreativiti mereka, dengan kecanggihan penyelidikan mereka telah pun diberi pengiktirafan oleh badan dunia. Itu kita ucapkan tahniah.

Tetapi pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, pembangunan per se, development per se, mohon izin, tidak akan menguntungkan kita kalau dari segi lunas-lunas yang saya sebutkan tadi, sosio-capital, dana sosial yang perlu diperkuatkan kerana kita berdiri di atas satu keadaan, fundamental yang masih rapuh.

Justeru itu saya memerlukan kerajaan, menyarankan kepada pihak kerajaan menggunakan tenaga penyelidikan-penyelidikan Universiti Malaya, Universiti

Teknologi Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia yang berpengalaman di dalam penyelidikan sosial untuk menguatkan lagi dasar sosial negara kita.

Saya ucap tahniah di atas dasar sosial negara tetapi ianya mesti mendapat maklumat. Kita tahu sebentar tadi PINTAS digunakan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk mengkaji gejala sosial, perspektif gejala sosial pun penting tetapi yang penting mencari jalan apakah impak misalnya, apabila estet-estet dijadikan kawasan-kawasan pembangunan. Pekerja-pekerja estet melimpah ke kawasan-kawasan bandar. Apabila kita terdengar insiden Kampung Medan dan kawasan-kawasan persekitaran Jalan Klang Lama, kita dapati kebanyakan mereka keturunan India adalah daripada estet-estet yang ditukarkan daripada estet menjadi kawasan pembangunan.

Sepatutnya sudah ada satu kajian sebelum satu dasar diwujudkan, kajian impak sosial mesti dibuat bagi kerajaan mengetahui impak satu-satu dasar itu termasuklah dasar, katakanlah hendak menjadikan estet kawasan pembangunan, apa akan jadi kepada pekerja-pekerja kalau mereka berhijrah ke kawasan-kawasan bandar, tempat yang mereka tuju ialah kawasan-kawasan setinggan.

Jadi, perkara semacam ini amat perlu. Mendekatkan diri antara kerajaan dengan penyelidik-penyelidik di institusi-institusi pengajian tinggi. Saya amat terperanjat, Tuan Yang di-Pertua, penyelidik-penyelidik di Universiti Kebangsaan Malaysia banyak sekali digunakan oleh kerajaan negeri Jepun untuk mengetahui dari segi isu-isu sosial negara dan rantau ini. Saya tanya berapa banyak Kerajaan Malaysia menggunakan mereka, kurang!

Dalam seminar-seminar yang diwujudkan, yang diadakan di universiti-universiti misalnya, mereka mengundang pegawai-pegawai kerajaan seperti di EPU dan sebagainya untuk hadir sama, tidak ada orang datang. Jadi, pendekatan kita menggunakan tenaga mahir universiti mesti kita jalankan kerana mereka ini berpengalaman, dengan Ph.D dipungut di merata dunia, yang canggih-canggih.

Jadi, kalau kita tidak menggunakan mereka, mereka akan menjadi aset yang terpinggir.

Saya menyeru pihak kerajaan, apa sahaja dasar yang kita wujudkan, dasar sosial negara, dasar belia negara, apa sekali dasar, mestilah kita perkuatkan dengan pendekatan ilmiah, dengan ciri-ciri penyelidikan untuk mengkaji impak sesuatu dasar itu.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan ICT dengan keekonomi dan sebagainya akan menjadi kurang berjaya kalau kita tidak memastikan para akademik kita dapat mencanang pemikiran ke arah membantu kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat terkilan apabila pada tahun kedua kita mendengar anak-anak cemerlang yang bukan Melayu tidak diberi tempat di institusi pengajian tinggi dan saya difahamkan mereka yang dapat 10A, 5A, 9A, yang canggih-canggih ini, bukan semua yang kaya-raya. Ada di antara mereka adalah anak-anak guru-guru, yang bekerja sebagai guru, sebagai kerani tetapi anaknya bijak tetapi tidak dapat tempat dan apabila kita minta kementerian memberi penjelasan, kita diberitahu sungguhpun mereka dapat 9A tetapi ko-kurikulum kurang.

Jadi, saya tidak yakin bagaimana perkara ini boleh berlaku. Saya bimbang kalau-kalau ada satu pendekatan yang boleh menyusahkan kerajaan. Saya minta kajian mendalam dibuat kerana kita tidak mahu langsung orang yang telah mencapai, dari segi akademik yang begitu tinggi dikecewakan oleh satu sistem birokratik yang boleh mengongkong kreativiti mereka dan mereka ini Tuan Yang di-Pertua, yang cerdik pandai ini, kalau kita kongkong sebegitu rupa, kalau kita cantas peluang mereka untuk hendak mengejar peluang-peluang yang baik ini, mereka akan menjadi satu time bomb – bom jangka masa. Time bomb yang merbahaya kerana sistem sudah molek, dia sudah berjaya tetapi peluang tidak ada. Ia akan mengecewakan mereka, mengecewakan ibu bapa mereka dan ini lah kegiatan yang kurang mesra rakyat.

Kita hendakkan rakyat yang mesra rakyat. Saya dengar tahun ini 560 orang, tahun lepas 500 yang dalam kumpulan yang kebanyakannya adalah orang-orang bukan bumiputera. Seheinggakan Perdana Menteri sendiri begitu rasa gelisah, kuota-kuota bumiputera pun kalau tidak diguna ambillah, sampai begitu sekali tetapi ini tidak semestinya. Kita patut mengukur perkembangan institusi pengajian tinggi ini dengan keputusan-keputusan yang kita katakan tempat ini tidak cukup kerana dengan kriteria -kriteria yang mungkin tidak begitu munasabah.

Kita hendak minta pihak kerajaan jangan mengecewakan anak-anak yang

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya Yang Berhormat, adakah bukan kerana sebab-sebab birokratik yang mewujudkan keadaan seperti yang diterangkan tadi. Adakah kemungkinan kerana sistem yang wujud dalam negara kita yang menyebabkan satu keadaan sedemikian terus menerus

sudah dua tahun dan kalau kita kata hanya itu kerana satu keadaan birokratik mungkin itu tidak akan selesaikan perkara ini.

So, saya hendak bertanya pendapat Yang Berhormat, adakah itu bukan seolah sistem birokratik tetapi ada sebab-sebab lain yang menyebabkan keadaan sedemikian. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya pun tidak berapa faham sangat kenapa yang pandai begitu tinggi daripada segi markahnya tidak dapat menyertai, mengikut pengalaman saya semasa saya di luar negara, macam di Oxford, Cambridge ada juga perkara ini berlaku, seorang anak murid bangsa Inggeris, bukan bangsa kita, begitu tinggi pencapaiannya, tidak dapat masuk Oxford untuk bidang *medicine*, segi perubatan, lepas itu yang paling memalukan universiti di England, Harvard terima dia dan beri biasiswa kepada anak ini. Di England itu mungkin ada banyak sebab, mungkin sebab latar belakang, dia bukan anak orang-orang tertentu dan sebagainya, mungkin sebab itu.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi di Malaysia ini kalaulah sekiranya perbezaan pencapaian akademik yang begitu tinggi dan jauh berbeza dengan orang lain pun tidak diterima, saya rasa kita memerlukan satu *political commitment* untuk memberi peluang kepada mereka. *It is no more a bureaucratic commitment, it is a political commitment* kerana daripada segi politiknya, daripada segi kesan dan impak politiknya begitu besar. Cuba bayangkan mereka ini seperti yang saya sebut tadi, bukannya anak orang-orang kaya, anak-anak guru-guru, saya minta profil daripada 500 orang itu apakah pendapatan, *background* mereka, latar belakang masing-masing.

Saya minta pihak kerajaan menyediakan profil anak-anak yang mencapai 9A, 10A, 12A, 8A yang tidak dapat masuk ke institusi pengajian tinggi, kita minta profil. Kalau benar-benar mereka ini patut diberi dan tidak diberi, ini mesti ada sebab-sebab yang saya tidak yakin dapat kita terima.

Jadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat dan setakat ini pun saya tidak tahu, dan saya minta kerajaan memberikan penjelasan. Kalau dahulu 500 sekarang 560 dan berapa pula tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendakkan kecemerlangan. Rata-rata di seluruh dunia kita pamer, kita pasarkan Malaysia sebagai pusat pendidikan *par excellent* yang cemerlang, yang canggih. Ini kita hendak panggil orang-orang luar di seluruh

dunia datang ke sini untuk belajar di sini tetapi bila sudah cemerlang begitu tinggi, anak kita sendiri tidak dapat menyertai institusi pengajian tinggi. Apa ertinya ini.

Jadi, saya mintalah pihak kerajaan memberikan perhatian yang serius terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya hanya menyentuh daripada segi kerangka keamanan, sebagai *framework* untuk menentukan dasar-dasar kerajaan dapat berjalan, saya ingin juga menyentuh keadaan serantau. Baru-baru ini kita dapati ASEAN semangat ASEAN telah pun diperluas untuk mewujudkan dan merealisasikan idaman dan impian Dato' Seri Dr. Mahathir Perdana Menteri kita iaitu EAEC. Sepuluh tahun lebih dahulu, Perdana Menteri kita menyarankan supaya wujudnya EAEC..., EAEC, saya pun sudah lupa....

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Economic caucus...

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ha, Eeast Asian... East Asian Economic Caucus (EAEC), kumpulan-kumpulan ekonomi East Asia yang merangkumi ASEAN dan negara-negara seperti Jepun, Korea Selatan dan juga China, mestilah Australia marah kerana Tuan Yang di-Pertua, Australia ini sentiasa memikirkan dia sebahagian daripada Asia tetapi digunakan sebagai tali barut negara-negara Barat, saya terang-terang cakap.

Pemimpin-pemimpin New Zealand pun ada menegur, Australia jangan jadi tali barut kuasa-kuasa besar Barat untuk kawasan sekitar ini, pemimpin New Zealand sendiri bercakap begitu, kita memang sudah tahu. Jadi EAEC dengan tertubuhnya ASEAN + 3, ASEN campur tiga, ASEAN campur Korea Selatan, campur Jepun, campur China merupakan satu mimpi yang menjadi realiti untuk mengumpulkan 500 juta penduduk Asian, dengan 1.3 bilion di China dan beratus juta di South Korea dan Jepun, ini merupakan satu kumpulan rantau yang boleh menyaingi North America Free Trade Association (NAFTA) dan juga Kesatuan Eropah (European Union).

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Amerika Utara dengan negara-negara sekitarnya lebih kurang 34 buah negara yang demokratik dia kata, telah pun bermesyuarat mengadakan perjumpaan kemuncak di Kanada untuk mengatur program mewujudkan mungkin satu blok, satu entiti ekonomi dan Kesatuan Eropah. Memang sudah lama wujud dengan mata wangnya sendiri, Euro. Ia ada Euro zonnya dan kini kita mempunyai ASEAN + 3.

Saya mengharapkan tidak ada ahli-ahli ASEAN misalnya membuat perhubungan-perhubungan bilateral antara dua negara kerana ini akan mencero bohi

kredibiliti ASEAN itu sendiri. Saya tahu benar dan ini telah pun dikeluarkan dalam surat-surat khabar bagaimana salah sebuah negara di ASEAN cuba mengadakan hubungan perdagangan bebas berasaskan antara negara dengan negara dan ini telah pun dibuat oleh Singapura misalnya. Singapura akan mengadakan perjanjian perdagangan bebas antaranya dengan Jepun, Australia, New Zealand, Mexico dan tidak lama lagi dengan Amerika Syarikat.

Jadi, kalau ini dibiarkan, saya bimbang produk-produk daripada negara ini akan masuk ikut pintu belakang, pintu depan tidak kira tetapi masuk ikut Singapura untuk dipasarkan di pasaran Rantau Asia. Dan ini tentu sekali ia ada caplah, dilabelkan "*made in Singapore*" ataupun cara apa sekali pun, kemudian diterima di pasaran Asia.

Tuan Yang di-Pertua, ini sebenarnya bercanggah sedikit dengan semangat keASEANan kita. Di mana apa yang kita buat selalunya kita bermuafakat supaya mana-mana negara tidak menjejaskan kumpulan yang kita sertai.

Jadi, dalam kita memperbesarkan lagi kumpulan ASEAN, dijadikan ASEAN campur tiga (ASEAN + 3) dengan China, dengan Korea Selatan dan Jepun kita mengharapkan pasaran sekitar kawasan ini, ASEAN + 3 ini merupakan salah satu blok yang boleh menyaingi dan setanding dengan NAFTA dan juga EU dan dengan itu, saya minta tidak wujud pertelingkahan antara ASEAN, terutama sekali dalam segi perdagangan dan pada masa yang sama kita menuntut Jepun supaya di bawah kepimpinan Perdana Menteri barunya Khuzemi ini dapat meneruskan usaha-usaha yang dibuat oleh pemerintah dahulu, pemimpin terdahulu seperti inisiatif Miazawa di mana RM30 bilion diperuntukkan untuk menjadi dana permulaan Asian yang serupa dengan IMF, Asian Monetary Fund untuk membantu negara-negara yang mungkin tergendala daripada segi perancangan ekonominya.

Tuan Yang di-Pertua, maklum sahajalah kini kita baru dengar tadi, eksport kita 20% ke Amerika Syarikat. Amerika Syarikat menghadapi masalah sungguhpun mereka menurunkan tahap faedahnya sampai empat kali dah rasanya, kita ucapkan tahniah kepada rizab banknya kerana dapat dengan secara proaktif dan cepat menurunkan tahap faedahnya sehinggakan kepada *quarter* pertama Amerika Syarikat daripada segi pembangunannya meningkat. Yang kita sangka 1.5%, sekarang sudah 2% dalam *quarter* pertama, tiga bulan pertama 2001.

Jadi, ini mungkin akan meredakan kita kerana *soft landing*, daripada segi landasan yang perlahan-lahan dapat membentuk dan boleh membantu ekonomi di

sekitar Asian sungguhpun sudah ada 20 syarikat-syarikat yang mungkin berhijrah ke China daripada Malaysia dan telah pun menamatkan pekerjaan dekat 7000 orang tetapi sistem ekonomi kita dapat menentukan mereka ini tidak terabai.

Jadi, ini sebenarnya kekuatan kita, tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta pihak kerajaan mengkaji dan memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah kedudukan syarikat-syarikat bumiputera yang dahulunya mendapat banyak bantuan daripada pihak kerajaan menerusi Dasar Ekonomi Baru, menerusi penswastaan setelah kita dilanda krisis ekonomi 1997.

Saya bimbang kerapuhan bumiputera di dalam bidang-bidang sektor ekuiti dalam syarikat ini masih lagi jelas, masih lagi memerlukan perhatian kerajaan. Jadi, saya minta kepada pihak kerajaan membuatkan satu kajian berapa syarikat-syarikat bumiputera yang dahulunya begitu hebat tetapi kerana dilanda oleh kegawatan ekonomi, ianya boleh dikata ranap dan ada pula yang menjual saham-sahamnya dan penjualan ini saya lihat seperti Dato' Mokhzani misalnya atas tohmahan-tohmahan yang dilemparkan oleh berita-berita tertentu terpaksa menjual ekutinya dalam Tongkah dan Hospital Pantai dan siapa yang membelinya. Adakah tohmahan itu sendiri kini mengurangkan ekuiti bangsa kita di dalam syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Kerana inilah padahnya tohmahan yang dibuat boleh mengecewakan anak-anak muda kita sungguhpun dia anak Perdana Menteri tetapi daripada segi penglibatannya di dalam bidang-bidang korporat tidak menjejaskan hubungan antara anak dengan bapa kalau sekiranya projek-projek yang dijalankan tidak menyentuh penswastaan, tidak menyentuh apa sahaja yang dikendalikan oleh Perdana Menteri.

Saya berasa sedih kerana tohmahan itu telah pun menceraikan Dato' Mokhzani sendiri daripada syarikat-syarikat yang dipimpinnya, 12% dengan 30% lebih dalam kedua-dua syarikat itu, maknanya 50% ekuiti dalam kedua-dua syarikat terlepas, siapa membelinya dan adakah ianya mengurangkan ekuiti bumiputera yang dahulunya kalau ikut MAPEN2 kita dapati sebelum krisis, 20% lebih ekuiti Melayu, ekuiti bumiputera, sedang dalam kajian ini 19.01% ekuiti tetapi sekarang mungkin lebih turun lagi, lebih jauh kebelakangan.

Jadi, kita mintalah satu *impact study*, satu kajian dibuat oleh pihak kerajaan berlandaskan kepada apa yang berlaku di kalangan sektor korporat bumiputera diakibatkan oleh krisis ekonomi 1997 dan juga krisis tohmahan-tohmahan yang dibuat secara melulu menerusi Internet dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkanlah pihak kerajaan akan menerusi MAPEN2, menerusi OPP3 dan juga Rancangan Malaysia Kelapan dapat menangani masalah-masalah baru baik orang miskin baru dan baik juga daripada segi korporat yang menurun dan dapat pula mengawasi daripada segi penglibatan mereka dalam bidang-bidang korporat ini berasaskan kepada *due diligence*, Saya membangkitkan perkara ini kerana saya hendak tahu daripada pihak kerajaan dalam pengambilan alih saham-saham MAS misalnya daripada Tan Sri Tajuddin Ramli, adakah pihak kerajaan membuat *due diligence* mengetahui benar apa sebenarnya aset dan liabiliti syarikat MAS pada ketika pengambilalihan kerana kita tidak tahu adakah wang RM1.7 bilion lebih itu sebenarnya, sepatut dan sepadan aset yang diambil alih.

Jadi, setakat ini saya tidak mengetahui lagi adakah *due diligence* dibuat ke arah syarikat-syarikat itu. Pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan pihak kerajaan tidak secepat itu untuk menswastakan satu -satu entiti. Saya bawa contoh UDA misalnya. UDA mempunyai peranan yang amat berat, ianya ditubuhkan semasa zaman Allahyarham Tun Abdul Razak dahulu. UDA adalah satu-satunya agensi yang boleh merombak kembali struktur iaitu penyusunan semula masyarakat di bandar-bandar.

Kini UDA telah pun diswastakan, sungguhpun matlamat UDA belum dicapai. Jadi, saya tidak mahu, dan di dalam Dewan yang mulia ini, pernah kita suarakan kita tidak mahu matlamat-matlamat satu-satu agensi yang begitu murni daripada segi pendekatan untuk penyusunan semula masyarakat tiba-tiba dicampur adukkan dengan satu motif sahaja iaitu motifnya *bottom line, profit*, keuntungan. Ini bukan tujuan UDA dan kini UDA telah pun dikorporatkan. Tanah-tanah UDA mungkin ada lagi di kawasan-kawasan bandar dan bandar-bandar yang wujud di negeri-negeri kita ini masih lagi tidak mencerminkan penyusunan semula masyarakat seperti yang diidam-idamkan tetapi UDA telah pun dikorporatkan dan mungkin diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sekarang, belum habis lagi tanggungjawab, cepat-cepat dikorporatkan dan mungkin diswastakan. Jadi, saya minta pihak kerajaan, UDA ini kita kaji semula, sekarang ini masih lagi sebagai korporat belum diswastakan, untuk mengkaji balik matlamat penubuhannya supaya mereka terus menjalankan usaha penyusunan semula masyarakat di kawasan-kawasan bandar. Kita tidak mahu bandar hanya dikuasai oleh satu-satu kaum, ia sepatutnya mencerminkan komposisi kaum di negara ini.

Kalau orang Melayu 60%, bumiputera 60%, kita mungkin tidak dapat 60% tetapi sekurang-kurangnya 30%. Tetapi kini, Tuan Yang di-Pertua, di kawasan-kawasan tertentu daripada 100, mungkin lima, enam puntung sahaja, kedai-kedai yang dipunyai oleh bumiputera kerana peranan UDA telah pun jauh terpesong. Begitu juga kalau Tuan Yang di-Pertua ingat, perwujudan PERNAS adalah untuk menentukan pada satu ketika menentukan kedai-kedai runcit di kampung-kampung itu mendapati pesanan-pesanan dapat dibuat dengan syarikat-syarikat, bekalan-bekalan boleh dibuat. Kini konsep itu telah tiada. Jadi saya hendak bertanya, adakah PERNAS setelah diswastakan adakah peranannya diambil alih oleh agensi lain, terutama sekali agensi yang kini saya lihat PROSPER mungkin menjalankan kerja yang sama untuk hendak melahirkan banyak lagi pengusaha-pengusaha kecil runcit ini di luar-luar bandar ataupun di bandar.

Dahulunya PERNAS yang dipertanggungjawabkan dan saya hendak tanya sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, daripada syarikat-syarikat yang diswastakan oleh kerajaan, berapa banyak syarikat yang belum dibayar oleh mereka yang mendapat penswastakan.

Saya difahamkan banyak lagi syarikat-syarikat sungguhpun diswastakan tetapi pembayaran belum dijelaskan secara total, secara penuh dan pada masa yang sama, aset-aset syarikat ini entah apa jadi saya tidak tahu, aset-aset syarikat yang belum dibayar ini, telah banyak yang telah berpindah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato'.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, jadi saya hendak bertanya pihak kerajaan, berapa banyak syarikat-syarikat yang diswastakan tetapi masih belum dijelaskan pembayarannya, berapa banyak pula yang belum dijelaskan dan siapa dia dan bila sepatutnya mereka ini menjelaskanya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dan mohon mencadangkan Titah Ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Dato'. Oleh kerana masa telah tiba untuk kita berehat dan Dewan ini ditangguhkan sementara untuk kita sambung selepas ini.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, sudah habis?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Khoo Lay Hin menyokong dan berucap.

2.33 ptg.

Tuan Khoo Lay Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya untuk berucap sebagai menyokong untuk Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja yang kami mula membahar hari ini. Kami telah dititahkan ucapan Diraja pada pagi yang bertuah itu apabila Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merasmikan Pembukaan Penggal Ketika Majlis Parlimen Malaysia Yang Kespuluh pada 9 Mac 2001.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda yang menyentuh mengenai betapa perlunya semua rakyat bersama-sama mengeratkan perpaduan demi menjaga keselamatan tanah air kita dari ancaman musuh. Seri Paduka Baginda juga menasihatkan agar semua lapisan masyarakat mengelakkan perkara-perkara yang boleh merenggangkan hubungan antara kaum kerana ini boleh menjejaskan kemakmuran dan kestabilan politik.

Dalam konteks ini, saya berharap agar kejadian yang kelihatan sebagai satu perselisihan kaum yang berlaku di Kampung Medan, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur baru-baru ini sebagai satu kes terpenting. Semua pihak harus insaf tentang perlunya untuk mewujudkan perpaduan. Saya berasa amat risau apabila membaca akhbar bahawa mereka yang terlibat dalam kejadian itu sebahagian besar adalah anak-anak muda yang berumur di bawah 25 tahun.

Persoalannya ialah perpaduan di kalangan anak-anak muda kita sudah mula retak. Mereka mempunyai peluang belajar yang lebih, kualiti kehidupan yang jauh lebih baik daripada ibu bapa mereka pada masa dahulu. Jadi, di mana silapnya? Adakah disebabkan oleh kurangnya peluang bergaul antara kaum, kelemahan sistem pendidikan ataupun kemiskinan? Di sini saya ingin menyeru kepada semua pihak supaya elakkanlah perkara-perkara yang boleh merenggangkan antara kaum kerana ini boleh menjejaskan kemakmuran dan kestabilan politik.

Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, telah banyak melaksanakan program ke arah memupuk perpaduan di

kalangan rakyat kita yang berbilang kaum. Namun demikian, kita harus juga mengakui bahawa negara kita belum lagi mencapai satu suasana hubungan kaum yang dicita-citakan sejajar dengan Wawasan 2020, iaitu mendirikan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu. Dalam masa yang sama, kita harus sedar bahawa banyak faktor-faktor yang mempunyai kesan secara langsung terhadap hubungan kaum dan seterusnya terhadap perpaduan nasional.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini, supaya kerajaan menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji semua perkara yang boleh merenggangkan hubungan antara kaum. Jawatankuasa Kabinet ini boleh menerima semua bentuk perasaan terpendam di kalangan rakyat, khususnya mengenai perkara-perkara yang melibatkan hubungan kaum di negara ini. Jawatankuasa ini juga patut ditubuhkan di setiap negeri untuk menangani soal hubungan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa yang baru-baru ini dilaporkan di dalam surat khabar mengenai murid-murid lepasan SPM yang tidak dapat sebarang tempat di institusi pengajian tinggi awam patut diberi perhatian. Mereka ini merupakan golongan cerdik pandai yang memperolehi 11A, 10A atau 9A dalam peperiksaan SPM. Sekiranya keputusan cemerlang ini tidak menjamin mereka satu tempat di dalam universiti-universiti tempatan, keputusan macam mana yang patut diperolehi? Ada di kalangan mereka ini berasa amat kecewa dan tidak dapat menerima hakikat bahawa permohonan mereka telah ditolak.

Murid-murid ini bukanlah hanya memohon kepada satu universiti sahaja, maknanya, saya difahamkan, adalah yang memohon memasuki sehingga tiga universiti tempatan tetapi permohonan mereka masih ditolak. Sejumlah 140,145 pelajar telah memohon tetapi hanya 30,832 pelajar dapat ditawarkan tempat di universiti dan, hanya lebih kurang 5,000 pelajar lepasan SPM, mendapat tempat di IPTA. Bukanlah sahaja pelajar-pelajar kecewa, besar kemungkinan ibu bapa mereka juga turut merasa kecewa.

Bagi golongan yang berkemampuan, mereka boleh menghantar anak-anak ke kolej swasta tempatan ataupun ke universiti-universiti luar negara. Bagi golongan yang miskin, IPTA merupakan harapan tunggal bagi anak-anak mereka memasuki universiti sebagai satu jalan membantu keluarga mengatasi kemiskinan.

Sebuah surat khabar *Sin Jew Jit Poh* telah melaporkan bahawa seorang pelajar dari Sungai Petani, di mana keputusan SPM ialah 12 A1 tetapi

permohonannya untuk program Ijazah atau degree telah ditolak dan ditawarkan Program Diploma Electrical. Bapanya mengambil cuti membawa anak perempuan ke UTM di Skudai. Disebabkan kebodohan beliau, dan didapati itulah kursus yang ditawarkan, murid tersebut telah menolak tawaran *Asean Scholarship* daripada pihak kerajaan Singapura sebab dia berhasrat untuk berkhidmat untuk negara sendiri.

Saya mendapati Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi sangat menyayangi golongan pelajar yang telah mencatatkan keputusan yang begitu cemerlang di peperiksaan SPM. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah menghadiri jamuan khas untuk pelajar-pelajar tersebut apabila beliau dijemput oleh Timbalan Perdana Menteri.

Kehadiran Dato' Seri Dr. Mahathir adalah di luar dugaan pelajar-pelajar sehingga mereka berebut-rebut mendapatkan tandatangan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Perdana Menteri juga menasihatkan pelajar-pelajar supaya berkhidmat untuk negara selepas menamatkan pelajaran mereka. Selain dari kuota, saya ingin tahu apakah kriteria bagi pihak universiti untuk mengambil pelajar?

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri baru-baru ini, menyatakan pihak universiti akan mengambil senarai pelajar yang mungkin tanpa mengira kaum. Saya juga mengalu-alukan Perdana Menteri pada 6 Mei 2001, bahawa pelajar-pelajar cemerlang bukan bumiputera mungkin diberi tempat belajar di universiti-universiti tempatan sekiranya tempat pelajar dikhaskan untuk pelajar-pelajar bumiputera tidak diisi.

Saya berharap pihak Kementerian Pendidikan dan universiti-universiti tempatan memberi perhatian serius kepada masalah tersebut dan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya. Saya juga faham situasi di mana bukan semua pelajar yang memohon akan dijamin satu tempat di universiti tetapi di sini pelajar-pelajar yang telah ditolak permohonan mereka ini bukan sahaja mempunyai Gred Satu bagi SPM tetapi keputusan mereka begitu cemerlang, ada yang 11A, 10A ataupun 9A. Dan, mereka telah bertungkus-lumus, rajin belajar dan juga aktif dalam kegiatan kurikulum di sekolah.

Mereka ini bukan sahaja tahu baca buku sahaja. Ada di kalangan mereka yang merupakan pemimpin pelajar, giat dalam aktiviti sekolah, seperti St. John's Ambulance, perbahasan, sukan dan sebagainya. Ramai di antara mereka terutama dari negeri Johor dan mereka yang berhijrah ke Singapura memasuki *National*

University of Singapore. Bagi golongan yang kurang mampu, mereka ditawarkan biasiswa ataupun pinjaman dengan menandatangani kontrak dengan kerajaan Singapore. Selepas tamat pengajian mereka, terus bekerja di sana dan lama kelamaan menjadi PR Singapura.

Saya menganggap ini satu kerugian bagi negara kita kerana semua ini merupakan aset kepada negara kita yang telah dinikmati oleh negara jiran. Pihak Singapura memperolehi aset dalam corak sumber tenaga Malaysia ataupun *human resources* yang telah boleh diguna dengan segera. Mereka tidak usah tunggu bertahun-tahun untuk membiayai anak-anak muda, kerja senang dan *shortcut* bagi mereka. Cari semua sumber manusia di Malaysia sudah memadai. Keadaan sedemikian amat ketara di kalangan pelajar sekolah menengah Cina swasta dan pihak Singapura juga mengiktiraf sijil mereka yang setaraf dengan SPM. Pelajar-pelajar tersebut tidak mempunyai peluang untuk memasuki universiti tempatan melainkan mereka menduduki peperiksaan STPM. Mereka ini tetap merupakan anak-anak Malaysia pada pendapat saya. Negara kita sedang menuju ke arah baru dan era globalisasi yang menekankan kepentingan *knowledge worker* dengan izin. Pelajar-pelajar yang berhijrah ke Singapura ini merupakan *knowledge worker* yang amat diperlukan di negara kita. Jadi, bolehlah kita menyalahi mereka kerana tidak ingin bekerja di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat usaha kerajaan yang ingin menarik balik pakar-pakar daripada luar negeri sila mulakan daripada Singapura. Segolongan besar rakyat Malaysia yang bekerja di sana adalah jauh lebih senang menarik mereka yang bekerja di Singapura daripada negara di sebelah Barat, Amerika ataupun Britain. Begitu juga dengan kakitangan sektor swasta, sektor awam. Saya menyeru supaya kerajaan mengambil lebih ramai kakitangan bukan bumiputera sebagai satu usaha yang membayangkan komposisi kaum di Malaysia.

Saya rasa terharu apabila membaca dalam surat khabar mengenai seorang anggota bomba bangsa Melayu yang cuba menyelamatkan seorang wanita Cina yang ingin membunuh diri. Usahanya gagal pada saat terakhir apabila wanita tersebut melepaskan tangan daripada genggaman anggota bomba tersebut dan melompat dari tingkat 16. Kehadiran seorang lelaki Cina yang meluahkan kata-kata tertentu kepada wanita tersebut telah menyinggung perasaan beliau. Walau bagaimanapun, anggota bomba tersebut cuba sedaya upaya untuk menukarkan fikiran wanita Cina dengan kata-kata sedemikian, "saya orang Melayu, kamu orang

Cina, kita semua orang Malaysia sebab saya ingin menyelamatkan kamu". Kata-kata tersebutlah yang telah membantu wanita bertukar fikiran. Semangat sedemikian harus dipupuk di kalangan kita tentang menghulurkan bantuan kepada sesiapa sahaja tanpa mengira kaum.

Di samping itu, terdapat juga rama i kritikan yang bertanya-tanya kepada pihak bomba tidak mempunyai *safety net* dengan izin, untuk menyelamatkan seseorang. Di sini saya bertanya kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sama ada kerajaan ada sebarang rancangan untuk membuat kajian sama ada pihak bomba harus dilengkapi dengan *safety net*. Di negeri Hong Kong banyak kes bunuh diri tetapi telah diselamatkan dengan menggunakan *safety net*.

Trend membunuh diri telah menjadi satu gejala sosial di Taiwan dan Jepun di mana pelajar ataupun orang dewasa membunuh diri sebab tekanan pelajaran ataupun tekanan kehidupan. Janganlah hanya ambil tindakan apabila gejala tersebut telah berlaku di Malaysia, *prevention is better than cure* dengan izin,

Sama juga bagi masalah banjir kilat di Kuala Lumpur. Tuan Yang di-Pertua, pada 20 April 2001, banjir kilat telah melanda bandar Kuala Lumpur selepas hujan lebat turun tidak berhenti-henti selama dua jam. Kawasan-kawasan bandar seperti Lebu Ampang, Jalan Melaka, Masjid Jamek, Jalan Dang Wangi, Jalan Tun Razak dan lain-lain tempat telah ditenggelami air selama beberapa jam melibatkan banyak kenderaan, harta benda, perabot, peralatan rumah rosak ditenggelami air. Banjir kali ini menyebabkan kehilangan nyawa dua rakyat dan dianggap paling buruk selepas tahun 1971. Tahun 2000 lalu Kuala Lumpur juga dilanda banjir walaupun keadaan tidak begitu teruk. Selepas kejadian itu, apakah pengajaran pihak jabatan-jabatan terbabit perolehi daripada kejadian tersebut? Saya percaya pihak DBKL dan Jabatan Perairan dan Saliran dan agensi lain bertungkus-lumus untuk mencegah banjir dari berulang tetapi ia kerap berulang.

Sejumlah RM1.3 bilion telah diperuntukkan untuk projek tebatan banjir dan hanya 50% siap dan memerlukan masa beberapa tahun untuk siap semua. Perdana Menteri juga telah mengakui bahawa reka bentuk pembangunan bandar yang kurang baik juga merupakan salah satu struktur utama banjir kilat. Pihak DBKL berkata bahawa mereka sudah membersihkan semua longkang dan saliran parit dan meletakkan punca masalah kepada Jabatan Pengairan dan Saliran atas kelambatan mereka menyiapkan projek tebatan banjir. Sememangnya kita tidak dapat apa-apa dengan menuding jari kepada sesiapa tetapi kesalahan ini wajar dipikul oleh semua

pihak yang memandang ringan dalam soal pencegahan banjir. Kita tidak harus hanya menyalahkan bencana alam sedangkan kita tahu bahawa pembangunan yang tidak terancang dan tersusun. Penerusan perancangan projek tanpa mengambil kira aspek pemeliharaan alam sekitar akan membawa kepada kehidupan manusia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, jika kerajaan ingin bersungguh-sungguh menangani pelbagai masalah ekonomi, sosial dan politik dalam negara, kerajaan juga harus serius dalam soal pemeliharaan alam sekitar dan penjagaan banjir dalam Kuala Lumpur. Ibu kota kita harus bebas dari ancaman banjir secepat mungkin. Saya harap agar kerajaan menyemak segera sama ada projek tebatan banjir yang berjalan sekarang benar-benar mencegah banjir.

Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan adalah satu jabatan yang kecil, kurang kakitangan, kurang kepakaran dan teknologi tetapi dibebani tugas menebat banjir yang besar. Saya percaya jurutera mereka telah melakukan sesuatu yang baik tetapi disebabkan kurang penyelarasan di antara jabatan pelbagai masalah saliran, perparitan sungai tidak dapat diatasi dan ditangani dalam masa yang singkat. Apa jadi kepada kempen "Cintailah Sungai Kita". Adakah kempen ini berjaya dapat sambutan baik daripada orang ramai ataupun dipulau oleh orang ramai? Jika masalah-masalah tersebut tidak diselesaikan banjir tetap akan berlaku dengan hujan lebat selama beberapa jam.

Banjir di Kuala Lumpur telah memalukan negara di mata pelancong asing. Mereka tidak percaya banjir di Kuala Lumpur boleh berlaku. Ini akan menjejaskan promosi yang giat dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Komitmen yang serius diperlukan di kalangan kakitangan awam untuk mengatasi masalah banjir dan harus wujud satu badan penyelarasan yang dibekalkan dengan lebih kuasa untuk penguatkuasaan, peruntukan yang cukup, kakitangan yang terlatih dan cekap bekerja.

Saya juga mencadangkan bahawa kerajaan harus mengadakan tawaran untuk pembangunan di hulu sungai. Projek-projek tebatan banjir yang menyelamatkan sungai dan mendalamkan Sungai Klang, Sungai Gombak, Sungai Bunus, Sungai Kerayong hendaklah dipertingkatkan dan dipercepat. Perangkap-perangkap sampah dan batu hendaklah diperiksa dan dibersihkan dengan lebih kerap lagi.

Hukuman tegas harus dikenakan kepada mereka yang membuang sampah dan sisa-sisa kilang ke dalam sungai. Penguatkuasaan diberikan lebih banyak peruntukan dan juga mendapatkan bilangan tenaga kerja. Agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab atas penebatan banjir harus disatukan di bawah satu payung yang lebih berkesan dan cekap bagi memantau pelaksanaan dan mengatasi masalah banjir secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri ucapan saya dan saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Usul yang berbunyi:

Bahawa satu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesepuluh”,

Dikemukakan kepada Majlis sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Puan Jamilah.

2.58 ptg.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertarikh 19 Mac 2001.

Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah rabbi alamin. Wassalatu wassalamuala Rasulina, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya memulakan ucapan saya menjunjung kasih ke bawah Duli Tuanku dengan memetik firman Allah dalam Surah Al-A'raf, ayat 146. Bismillahir Rahmanir Rahim [*Membaca beberapa potong ayat Al-Quran*] Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang bermaksud, “Aku akan memalingkan orang-orang yang menyombong diri di muka bumi tanpa alasan yang benar dari tanda-tanda kekuasaan Ku. Mereka melihat ayat-ayat Ku sama ada dalam bentuk wahyu ataupun alam sejagat, mereka tidak beriman kepadanya. Dan jika mereka melihat jalan yang membawa kepada petunjuk, mereka tidak mahu menempuhnya tetapi jika mereka melihat jalan kesesatan, mereka terus melaluinya atau

mengikutinya. Yang demikian itu adalah kerana mereka mendustakan ayat-ayat Allah dan mereka selalu lalai daripadaNya.”

Tuan Yang di-Pertua, sejak awal Titah Duli Tuanku lagi, Tuanku sangat menekankan tentang masalah keselamatan negara dan menyatakan betapa negara terus berada dalam keadaan aman dan kestabilan rakyat. Juga digambarkan sebagai masyarakat yang hidup dalam keadaan aman dan makmur. Sesungguhnya benarlah Titah Ke Bawah Duli Tuanku ini.

Negara kita terus berada dalam keadaan yang harmoni dan sejahtera. Rakyat sememangnya bersatu padu dan saling tolong-menolong di antara satu sama lain tanpa mengira bangsa, budaya, warna kulit, bahkan ideologi politik. Inilah yang sebenarnya yang ditekan dan cuba digambarkan melalui wajah dan warna parti-parti politik yang bergabung di bawah Barisan Alternatif.

Parti-parti politik di bawah Barisan Alternatif juga sebenarnya merupakan parti yang lebih relevan untuk semua bangsa kerana tidak terdapat satu parti pun di bawah Barisan Alternatif yang diasaskan dan ditegakkan serta diperjuangkan berteraskan kefahaman sempit ataupun asabiah perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, dengan rendah hati saya mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat untuk merenung dan melihat sendiri betapa Parti PAS, contohnya, adalah ditegakkan atas dasar Islam sebagai ad-din, *the way of life*. Manakala Parti KeADILan Nasional pula adalah atas dasar keadilan. DAP di atas dasar nama demokrasi dan PRM atas dasar nama kerajaan atau kuasa rakyat. Semua ini jelas menampakkan kepada kita semua sebenarnya bahawa Barisan Alternatif merupakan gabungan perpaduan yang lebih jauh asli, telus dan ikhlas.

Berbeza dengan parti yang terdapat di dalam Barisan Nasional seperti contohnya, tiga parti terbesar iaitu Parti UMNO untuk orang Melayu, Parti MCA untuk orang Cina dan Parti MIC untuk orang India. Semua ini kiranya diukur mengikut piawaian psikologi yang rasional menunjukkan betapa Barisan Nasionallah yang memberikan isyarat perpecahan di kalangan rakyat Malaysia apabila menggunakan pendekatan mengasing-asingkan rakyat berdasarkan bangsa yang juga tidak keterlaluan kiranya saya menyamakan situasi ini dengan pelaksanaan dasar pecah dan perintah (*divide and rule*) yang telah dibuat dan dijalankan ke atas seluruh masyarakat di Tanah Melayu oleh Kerajaan British suatu masa dahulu ketika menjajah setiap inci tanah air kita yang tercinta.

Faktor ini jugalah yang menjadi antara punca kegagalan objektif Dasar Ekonomi Baru (DEB) melalui strategi serampang dua mata iaitu menyusun....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Puan Jamilah binti Ibrahim: ...semula masyarakat.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan. Hendak bagi laluan kah?

Puan Jamilah binti Ibrahim: Minta maaf kepada Dato' Yang Berhormat kerana saya belajar daripada abang saya, Dato' Aziz tadi

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Minta penjelasan...

Puan Jamilah binti Ibrahim: ... tidak memberi laluan ...

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: ...sahaja Yang Berhormat.

Puan Jamilah binti Ibrahim: ...kepada saya.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Penjelasan sahaja.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Ya.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Hendak sedikit penjelasan sahaja. Saya hendak tanya Yang Berhormat, tadi sebut berkenaan dengan Barisan Alternatif. Saya ingin tanya dengan Yang Berhormat kalau Yang Berhormat kata tadi Barisan Nasional bukan satu parti yang mendukung satu kesatuan ataupun satu cara yang telah diamalkan oleh tiga parti terbesar yang Yang Berhormat sebut tadi.

Saya ingin tanya, kenapa apabila pilihan raya yang lepas, parti yang telah diagung-agungkan oleh Yang Berhormat tadi, BA, BA, BA yang disebut – apabila dia bertanding dalam pilihan raya, kenapa dia pakai simbol masing-masing. Malahan, Barisan Nasional pakai simbol dacing, hanya satu simbol, kita tidak berbeza. Saya minta penjelasan.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara itu senang sahaja sebab alternatif iaitu kita bulat dan kita berpadu atas dasar asas kewujudan parti-parti kita. Simbol itu benda kecil sangat dan dengan persetujuan parti-parti alternatif itu sendiri yang diguna pakai dalam pilihan raya baru-baru ini. Terima kasih. Saya boleh teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih. DEB melalui strategi serampang dua mata iaitu menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan di kalangan rakyat.

UMNO, MCA dan MIC menyembunyikan sikap perkauman masing-masing di sebalik kelambu dan tirai Barisan Nasional. Dalam formula Al-Quran, Allah berfirman [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Memperlihatkan begitu jitu sekali tetapi hati dalaman mungkin bergolak. Itu andaian berdasarkan formula Al-Quran.

Tiba-tiba sejak akhir ini UMNO dengan suara yang agak lantang dan garang cuba bertempik dan berusaha meyakinkan rakyat bahawa kononnya perpaduan di antara rakyat semakin terancam dan pudar dek kerana peralihan sokongan rakyat secara drastik dan cukup ketara daripada BN kepada BA. Mengapa tidak sahaja dikaji dan diambil iktibar tentang punca sebenar peralihan minda rakyat ini. Adakah pihak kerajaan membuat kajian awal kepada golongan intelek, teknokrat, profesional dan seluruh rakyat dalam masyarakat supaya analisa ini dapat mengeluarkan hasil berdasarkan fakta dan kertas kerja yang lebih komprehensif untuk meyakinkan daripada satu tuduhan yang dilempar tanpa kajian yang lebih teliti itu adalah tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua, prinsip dan perjuangan PAS cukup konsisten dalam mengekalkan perpaduan bagi menjaga kemaslahatan agama dan negara sejak zaman kemerdekaan lagi. Ini dibuktikan dengan peranan yang dimainkan oleh Dr. Burhanuddin Al Helmi dan juga Profesor Zulkifli Mohamad. Komitmen mereka menyempurnakan perpaduan inilah yang telah membawa PAS ke gelanggang perhitungan besar sehingga berani untuk berhadapan dengan apa juga risiko sepanjang bersama dalam membantu kerajaan campuran pada tahun 1970-an, sehingga PAS dicampak keluar pada tahun 1977. PAS membuktikan komitmen mewujudkan perpaduan dan kerjasama antara kaum dan ideologi politik seperti contohnya PAS telah mengadakan kesefahaman dengan kaum Cina iaitu Chinese Consultative Council (CCC) dengan Semangat 46 serpihan daripada UMNO sendiri dalam Angkatan Perpaduan Ummah.

PAS juga menubuhkan Gerak yang didukung oleh tiga buah parti pembangkang bersama 14 pertubuhan bukan kerajaan NGO. Seterusnya kemuncak usaha perpaduan yang diperjuangkan oleh PAS sehingga membentuk pakatan Barisan Alternatif. BA berhak untuk mempertahankan sokongan padu rakyat kepadanya. Justeru itu, sehingga mampu menunjukkan bukti bahawa perpaduan akan terus dapat dikotakan dalam kehidupan multi-racial seluruh rakyat Malaysia dan insya-Allah, dalam kehidupan bernegara suatu hari nanti seandainya

BA dipilih melalui pemilihan demokrasi untuk menerajui pentadbiran kita akan kekalkan kemesraan bersama dengan kaum-kaum ini.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat sebenarnya telah semakin sedar akan hakikat ini. Isu perpecahan Melayu dan isu yang diadakan dalam reka cipta sebagai satu bentuk strategi yang baru oleh pihak tertentu untuk meraih kembali sokongan rakyat kepadanya. Demikian juga isu ini adalah sekadar *turning point*, dengan izin, kebangkitan rakyat dan juga kegawatan ekonomi dalam gelombang pertama dalam abad ke-21 yang melanda negara yang tercinta rantau Asia dan dunia yang diramalkan akan lebih buruk kesannya ke atas rakyat dan negara berbanding kegawatan yang berlaku pada tahun 1997. Itu satu andaian, bukan satu kepastian, selepas lewat abad ke -20.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita berbicara soal perpaduan kita tidak dapat lari daripada menyentuh nilai-nilai kemanusiaan masyarakat. Nilai-nilai kemanusiaan masyarakat yang dianjurkan oleh Islam ialah persaudaraan dan ukhuwah, maknanya manusia hidup dalam sebuah masyarakat yang penyayang iaitu mempunyai hubungan yang erat dan saling bantu membantu. Mereka dihipunkan oleh perasaan sebagai anak dan keluarga yang satu, sebagai rakyat dan warganegara bagi sesebuah negara. Yang saling menyayangi di antara satu sama lain, memberi kesedaran dan sokongan antara satu sama lain sehingga setiap orang di dalamnya merasakan kekuatan saudaranya adalah kekuatannya dan kelemahan saudaranya adalah kelemahannya.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Saya rasa sekali lagi saya minta maaf kerana saya belajar daripada abang saya Dato' Abdul Aziz. Setiap kali saya bangun hampir setengah jam tetapi tidak ada laluan, maka *gentle woman* sama dengan *gentleman*.

Tuan Yang di-Pertua: Minta laluan beri atau tidak.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Itu abang kita, ini adik [*Ketawa*]

Puan Jamilah binti Ibrahim: Minta maaf. Kita belajar dari abang. Kalau adik memberi.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Kita bersaudara.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tidak apa, minta maaf.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Ini isu bersaudara, takkan tidak beri adik hendak bercakap sedikit sahaja.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Kita tahu, orang-orang mukmin adalah saudara, hendaklah kita mencari suluh, mencari pendamaian di antara saudara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak izinkan. Saya teruskan ucapan saya.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Macam kata kakak kata tadi bantu membantu, ini saya hendak bantulah ini.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Saya ada prinsip saya.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Jadi, tidak boleh hendak membantu.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tidak, ada masanya kita boleh bantu.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Minta cakap bantu membantu, saya bangun hendak membantu, tidak boleh bersaudara, macam mana ini kakak. Tidak berikah?

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tidak beri. Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Kasihan dekat adik kakak.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Kita pun sporting, tengok orang dahulu. Kalau sporting kita sporting; kalau tidak sporting, kita pun tidak sporting.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Yang abang itu jangan beri, saya setuju jangan beri dekat dia.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Bukankah abang itu saudara.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saudara kita.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Saudara kita bersama, berilah peluang untuk saya habiskan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Semua saudara saya tidak mengatakan dia tidak saudara, semua saudara.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Ya, teruskan saudara UMNO. Tunggu dahulu, kakak dalam PAS bercakap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini bukan apa, ubat mengantuk sahaja [*Ketawa*]. Rasakan kekuatan saudaranya adalah kekuatannya dan kelemahan saudaranya adalah kelemahannya. Masing-masing akan merasa kecil apabila bersendirian dan berasa kuat apabila bersama. Demikianlah juga dalam konteks kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Pemimpin mestilah melihat orang-orang yang dipimpin dengan penuh kasih sayang, beramanah dan bertanggungjawab. Maka justeru itu rakyat yang dipimpinnya akan merasa selamat, dihargai, penting dan secara langsung rakyat akan menunjukkan rasa hormat dan setia yang tidak berbelah bagi kepada pihak yang memimpin. Hubungan inilah yang dinamakan *hablumminannas*, hubungan manusia dengan manusia ataupun

hubungan kemanusiaan. Kegagalan dalam perhubungan ini yang akan menggagalkan....

Dato' Hamzah bin Zainudin: *Hablumminannas*

Puan Jamilah binti Ibrahim: ...menggagalkan semua rancangan dan tindakan untuk masa hadapan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: *Hablumminannas*.

Puan Jamilah binti Ibrahim: *Hablumminallah* dahulu. Kalau *hablumminallah* mari bersama-sama dengan PAS, saya akan beri peluang.

Beberapa Ahli: Ha!

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya.....

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya hendak bercakap ini.

Puan Jamilah binti Ibrahim: .. kegawatan rakyat bukanlah kerana kegawatan perpaduan. Keresahan rakyat bukanlah demonstrasi-demonstrasi jalanan. Ketakutan rakyat bukanlah sebenarnya kerana wujudnya usaha menggulingkan kerajaan tanpa mengikut lunas-lunas perlembagaan.

Datuk Long bin Jidin: Yang Berhormat.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Kebencian rakyat bukanlah kerana salah laku Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Datuk Long bin Jidin: Yang Berhormat.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Long mahu minta laluan hendak beri atau tidak?

Puan Jamilah binti Ibrahim: Saya sudah membuat keputusan bahawa saya akan menghabiskan ucapan saya, sebab saya ada prinsip saya. Tetapi kegawatan, keresahan, ketakutan.....

Datuk Long bin Jidin: Yang Berhormat.

Puan Jamilah binti Ibrahim:.. dan kebencian rakyat sebenarnya adalah... ..

Datuk Long bin Jidin: Kakak Yang Berhormat.....

Puan Jamilah binti Ibrahim: kerana sikap tidak mesra rakyat yang ditunjukkan dari kepimpinan.

Datuk Long bin Jidin: Yang Berhormat, tolonglah, saya tengok Yang Berhormat bercakap fasal perpaduan, hendak suruh kita bersatu. Saya sebagai masyarakat Orang Asli saya nampak hairan kadangkala melihat kakak dengan abang bergaduh. Macam mana suruh orang lain mengeratkan perpaduan. Kalaulah abang tidak beri tadi minta laluan, kakak pun tidak beri, ini menunjukkan teladan

kepada saya suku yang minoriti. Malulah saya tengok. Apa pandangan kakak tentang kata-kata saya itu? Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih. Dari air muka menampakkan ketelusan. Sepatutnya tanyalah kepada abang yang di sebelah sana dahulu, sebelum bertanya saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, di mana siapa kuat dan siapa lemah maka berhaklah melakukan apa sahaja kepada mereka di mana siapa yang kuat berhak membantu dan berhak menolong kepada mereka yang lemah. Mereka yang lemah berada di bawahnya. Contohnya Akta ISA yang mencengkam jiwa-jiwa juang, menghambat semangat kenegaraan yang sepatutnya sebagai dijiwai di setiap diri di antara kita. Mengikat tangan dan kaki, menutup mata daripada menjadi saksi di atas segala apa jua kepincangan sistem pentadbiran yang ada, menutup mulut daripada bersuara bebas, menyatakan pandangan dan protes menurut norma kemanusiaan. Kesedaran dan keinsafan selalu rakyat yang bertanggungjawab dan beramanah kepada negara seluruhnya. Ketakutan rakyat justeru meskipun mereka warganegara yang bebas, merdeka tetapi dinafikan hak asas yang telah diperuntukkan oleh Perlembagaan Malaysia tetapi telah dikoyak rabakkan oleh yang memerintah. Di rampas dengan begitu mudah atas nama keselamatan negara. Keselamatan negara kini menjadi satu objek yang menghalalkan apa jua bentuk kekerasan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita tinggal seketika ideologi politik dan parti masing-masing.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Yang Berhormat, minta laluan sedikit. Minta penerangan sahaja. Kalau 'dok' bersyarah pun, kami tidak faham, buat apa? Kita hendak minta penerangan daripada Yang Berhormat, boleh tidak? Terima kasih kakak Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Yang Berhormat menyentuh soal perpaduan sedangkan UMNO berusaha untuk mengadakan muzakarah UMNO dengan PAS. Kenapakah sehingga hari ini muzakarah tidak dapat diadakan lagi? Apakah perlu PAS mengadakan pra syarat sebelum berunding. Apa salahnya PAS bawa perkara yang hendak berunding di dalam perjumpaan dengan UMNO. Apa juga yang hendak dirunding, bawa dalam perbincangan. Tidakkah prasyarat itu satu muslihat PAS untuk tidak mahu mengadakan muzakarah sebenarnya. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih. Memang saya tunggu-tunggu soalan ini. Ya, kenapa pihak Kerajaan Barisan Nasional mendiskriminasikan hak rakyat Terengganu setelah sebulat suara rakyat memberi keyakinan, memberi kepercayaan melalui demokrasi yang subur, maka 27 tahun royalti yang diberi melalui kerajaan Barisan Nasional dahulu dirampas balik. Apakah itu tidak menyakitkan perasaan kami kerana manusia mempunyai perasaan. Jadi berikan balik hak kepada kami maka kita berjumpa.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Okey, Yang Berhormat sudah tanya, kita kena jawablah. Yang minta berjumpa, bukan Kerajaan Barisan Nasional, PAS kena reti benda ini. Yang minta hendak jumpa, UMNO sebuah parti Melayu dengan PAS sebuah parti Melayu. Hak kerajaan bab kerajaan, Yang Berhormat boleh bawa soal royalti dalam ucapan Yang Berhormat dan sebagainya. Jadi tidak usah kita campuradukkan soal kerajaan dengan soal parti. Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bukankah UMNO menerajui kerajaan Malaysia ini? UMNO dan kerajaan 'hak tu la' [Ketawa].

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Yang Berhormat, kena ada perbezaan. Kerajaan Barisan Nasional, UMNO merupakan salah satu daripada parti Barisan Nasional. Keputusan yang dibuat dalam Barisan Nasional adalah keputusan bersama semua parti yang terlibat. UMNO tidak boleh membuat satu keputusan tanpa merujuk kepada rakan-rakan di dalam Barisan Nasional. Tetapi saya minta muzakarah yang kita ada. Apa Yang Berhormat sangka UMNO hendak tunduk, hendak bagi royalti sebelum kita jumpa. *No way* Yang Berhormat, baik jumpa kita dahulu kita bincang, mana tahu lepas itu dapat.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih. Nampaknya kekasaran dicurahkan awal oleh salah seorang daripada wakil UMNO, berat lagilah kita hendak berjumpa [Ketawa]

Seorang Ahli: Memang tidak mahu jumpa.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Kita boleh jumpa, pulangkan balik royalti, berikan hak *Harakah*, kita jumpa *anytime*. Insya-Allah, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kita tinggal seketika ideologi politik dan parti masing-masing. Saya ingin mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat melihat permasalahan ini dengan semangat setiakawan, persaudaraan, kemanusiaan, keadilan. Apakah ini sebenarnya berlaku ke atas rakyat Malaysia hari ini. Ketakutan, keresahan bukan kepada musuh tetapi kepada kerajaan yang memerintah negara itu sendiri. Justeru

itu saya ingin mencadangkan kiranya benar-benar pihak polis mempunyai bukti bahkan telah cukup bukti untuk menahan anak-anak muda daripada kalangan pemimpin-pemimpin dan pendukung-pendukung BA di bawah akta isu ini maka permohonan *habeas corpus* daripada para peguam dan daripada ahli keluarga mangsa tahanan ISA mestilah dipertimbangkan

Datuk Haji Karim Ghani: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Jamilah binti Ibrahim:dan dilihat menerusi kaca mata yang lebih rasional.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ini datang dari jauh. Yang Berhormat katakan tadi tentang ketakutan. Kita di Malaysia ini mempunyai sistem demokrasi dan berperwakilan di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Jadi kalau ada apa-apa masalah di dalam negara ini, apa perlunya kita mengadakan demonstrasi jalanan. Bukankah lebih baik melalui perwakilan kita di Dewan Rakyat dan Dewan Negara, di sinilah tempat kita "berdemonstrasi" memberikan pandangan dan pendapat daripada menyusahkan rakyat Malaysia, peniaga-peniaga kecil, pengguna jalan raya, orang kampung yang lebih merasa ketakutan apabila diadakan tunjuk perasaan demonstrasi jalanan, membakar dan sebagainya. Tolong jelaskan. Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih kerana Yang Berhormat kata datang dari jauh, saya pun pertimbangkan atas kemanusiaan dan saya bagi peluang *[Ketawa]*. Sebenarnya tunjuk perasaan aman kalau tidak ada keganasan bermula, kita tidak tahu dari mana mulanya saya rasa tidak timbul masalah keganasan berlaku, saya rasa begitulah jawapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ulang kembali. Ahli-ahli keluarga mangsa tahanan ISA mestilah dipertimbangkan dan dilihat menerusi kaca mata yang lebih rasional, adil, bertanggungjawab, beramanah serta mesra kepada rakyat. Menghadapkan saksi dan bukti bagi satu-satu kesalahan terhadap mereka yang tertuduh dan berdepan dan dengan keadilan yang dituntut oleh Islam sepertimana yang difirman oleh Allah dalam surah An-Nur iaitu berkenaan dengan kewajipan menghadapkan saksi, ini adalah pokok utama dalam apa-apa bentuk kes dan pembicaraan, mesti bawa saksi, bila ada keyakinan begitu, tidak timbullah masalah-masalah seperti apa yang kami rasai sekarang. Sehubungan dengan itu juga saya menyeru kepada para pemerintah dan pihak berkuasa agar mengguna pakai

kaedah hukuman dan perundangan yang adil khususnya bersabit isu tahanan ISA. Sesungguhnya Allah S.W.T mengingatkan kepada kita dalam tanggungjawab ini melalui firman dalam Surah Al-Maidah ayat 49 yang bermaksud;

"Hendaklah engkau menjalankan hukum di antara mereka dengan apa yang diturunkan oleh Allah dan jangan engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka dan berjaga-jagalah supaya mereka tidak memesongkanmu dari sesuatu hukum yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu"

Tuan Yang di-Pertua, hari demi hari, tahun berganti tahun Ahli-ahli Yang Berhormat juga datang dan pergi selama dan sepanjang itu jugalah kita meminta supaya akta ini dikaji semula, namun tidak ada sebarang reaksi positif terhadap tuntutan ini. Sudah lebih kurang 44 tahun negara kita merdeka namun mengapa ISA seolah-olah masih cuba dijadikan kunci keharmonian dan keselamatan yang sebenar, bukan kepada negara, bukan kepada rakyat tetapi kepada mereka yang berkuasa agar mereka dapat meneruskan kelangsungan kuasa mereka tanpa sebarang persaingan ataupun cetusan daripada suara ketidakpuasan hati rakyat sedangkan suara ketidakpuasan hati rakyat, itulah kompas asli yang akan memandu pentadbiran negara agar tidak terbatas keluar dari matlamatnya sehingga menggugat, membawa kepimpinan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan takziah kepada semua keluarga mangsa tahanan ISA. Saya berharap....

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Minta laluan, boleh Yang Berhormat? Adinda Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat. Saya dengar di sini dan juga di Dewan Rakyat apa yang disebut oleh puak-puak pembangkang ini. Apa yang dilakukan oleh kerajaan, semuanya salah. Cuba Yang Berhormat buat kajian, 10 tahun yang lepas, berapa tangkapan ISA yang telah dilakukan oleh kerajaan? Yang kita lakukan hanya kepada orang yang telah mencetak kad pengenalan palsu, di Sabah. Baru-baru ini, kita terpaksa melakukan penangkapan kerana ada *Black 14*. Selepas penangkapan telah dilakukan, kerana puak-puak Yang Berhormat sebut tadi, Barisan Alternatif, pada saya tidak ada Barisan, selainnya Barisan Nasional kerana Barisan Nasional adalah sebuah parti yang didaftarkan.

Barisan Alternatif dok main cakap barisan, barisan, barisan, kerana mereka hendak memutar belitkan keadaan supaya rakyat terpesong. Yang kita paling takut, tadi Yang Berhormat menghujahkan dengan ayat Al-Quran berkali-kali. UMNO paling takut ialah PAS akan memesongkan akidah umat Islam. Itulah sebab UMNO berjihad terhadap apa yang PAS lakukan. PAS kata, PAS hendak mengadakan Hukum Hudud di Kelantan. Sehingga hari ini, Hukum Hudud tidak boleh dilaksanakan. Apakah keadilan yang ada di Kelantan dan Terengganu? Malahan kita tahu bagaimana pengagihan balak yang telah dilakukan di Kelantan dan Terengganu.

Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, pertamanya, masalah ISA Yang Berhormat tidak setuju sama sekali. Berapa penangkapan telah dilakukan oleh kerajaan? Adakah kerajaan ini zalim? Saya pun hairan puak-puak Yang Berhormat di sini tidak pakai pun yang *badge* ISA. Yang di sana, semua pakai. Kenapa berbeza? Itu parti lain, atau ini parti lain? Jadi, itu yang pertama. Yang kedua, saya minta Yang Berhormat renung semula, balikkah ke pangkal jalan. Apa yang kita lakukan adalah untuk kebaikan rakyat dan kerajaan yang ada ini tidak zalim. Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih. Masalah pakai atas simpati SIA itu, mungkin kami, hari pertama belum bertemu dengan orang yang memberi dan yang kedua, masalah akidah. Mengapa Kerajaan Barisan Nasional bimbang kerana Kerajaan Barisan Nasional ada Jabatan Agama Islam, ulama ada, mufti-mufti, ada fatwa kebangsaan. Jadi, sebab itulah kita minta supaya semua kes yang diandaikan yang merosakkan akidah biarlah pihak barisan mufti-mufti ini akan menentukan kerana saya rasa mufti-mufti daripada ramai-ramai yang hendak membodek, yang hendak melobi pun tidak kesemua mampu membodek kerana sebahagiannya takutkan Tuhan.

Jadi, itulah saya rasa masalah ISA ini, saya minta, tadi saya sudah sebut supaya dibawa ke pengadilan, minta *habeas corpus*, bagi peguam berjumpa dan bertanya, ini adalah hak kebebasan. Sebab itu, saya minta tadi, soalan pagi tadi pun saya minta bahawa biarlah SUHAKAM beroperasi dengan *transparent*, bermakna jangan masuk campur, biar SUHAKAM itu menyelidik, teliti apa-apa yang betul berlaku dan bertindak mengikut kuasa bebas yang diberi oleh pihak kerajaan. Saya rasa cukup itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan takziah kepada semua keluarga mangsa-mangsa tahanan ISA sebab saya wanita, saya ibu dan saya isteri. Jadi, saya simpati dengan keluarga-keluarga ini.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Kami semua simpati.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Kerana tidak kena kepada Yang Berhormat, tidak kena kepada diri kita, tentulah kita tidak rasa bagaimana kepahitan perasaan tertekan termasuk minda dan fizikal.

Saya berharap agar pihak berkuasa dan kita semua dapat menangani permasalahan ini dengan sikap *fatamah*, dengan sikap hikmat dan kebijaksanaan. Bijaksana, adil dan bertimbang rasa. Saya juga mengucapkan syabas kepada mereka yang berani mengatakan benar walaupun terpaksa berhadapan dengan sistem pentadbiran yang sebegini rupa. Sesungguhnya ini sunatullah. Perjuangan para-nabi dan rasul melalui lebih awal tribulasi dan mehnah dalam perjuangan, kita tidak bimbang.

Tadi, ada Yang Berhormat sebut pasal masalah saya membawa lenggok-lenggok dengan ayat Al-Quran. Dari awal saya katakan, dasar perjuangan kami ialah Islam, *the way of life*. Jadi, di mana kami bercakap, kami akan pegang *referensya* kepada sumber Al-Quran, minta maaf. Itu memanglah, sama ada di Dewan sana atau di Dewan sini, inilah tempat refer kami.

Perjuangan para nabi dan rasul serta orang-orang yang terdahulu daripada kita, saya turut memohon perkenan ke bawah Duli Tuanku agar Tuanku dapat meneliti akan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih ke atas Duli Tuanku kerana telah mengingatkan kepada kita semua agar menumpukan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara yang tercinta ini untuk menjamin keamanan dan kemakmuran yang berkekalan. Justeru itu, Barisan Alternatif dengan kesedaran dan keinsafan yang tinggi, berusaha untuk membela rakyat dan menyelamatkan negara serta kekayaan negara daripada hanya dikuasai oleh pihak tertentu sahaja. Bagi kami, ketaatan dan kesetiaan adalah kepada dua perkara subjektif iaitu simbiotik yang juga memerlukan dua hala, hubungan yang simbiotik umpama aur dengan tebing ataupun isi dengan kuku.

Justeru itu, benih kefahaman dan rasa kebersamaan perlu disemai dan dibajai saban waktu di antara dua pihak yang dominan iaitu pemimpin dan rakyat atau orang yang dipimpinya. Hubungan tersebut bukan hubungan dibuat-buat

tetapi, lahir daripada lubuk hati yang penuh keikhlasan, kesedaran dan keinsafan yang sepadu di antara satu sama lain. Barisan Alternatif juga akan terus berusaha dan berganding bahu bagi memastikan wujudnya *check and balance* dalam pentadbiran negara. Memastikan agar autokrasi mutlak tidak diamalkan dalam negara kita, yang kita cintai. Dengan sokongan yang padu, keyakinan yang mantap dan pengharapan yang tinggi daripada rakyat jelata, insya-Allah Barisan Alternatif akan terus memperkembangkan pengaruh. Insya-Allah, suatu hari kita akan dapat mempengaruhi dan rakyat akan terpengaruh dengan kita dan percaya apa yang kita cuba lakukan ini.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, saya ambil bahagian perpaduan, sahabat-sahabat lain akan membahagi kita tidak *double standard* di dalam mengulas. Kita tidak ulang benda-benda yang sama di dalam membincangkannya dan sebagainya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya akan mengakhiri ucapan saya ini dengan

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Minta izin dahulu ...sebelum Al-Quran [*Ketawa*]

Puan Jamilah binti Ibrahim: Baik-baik sungguh orang UMNO ini, tidak ada diskriminasi langsung di dalam Dewan tetapi bila kita keluar Dewan, lihat muka kita pun tidak mahu. Ini sikap diskriminasi ini yang saya tidak boleh [*Disampuk*]

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: [*Menyampuk*]

[*Dewan gamat seketika*]

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tidak apalah Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya akhiri ucapan saya dengan.... [*Disampuk*]

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tidak bagi jugakah?

Puan Jamilah binti Ibrahim: ...dengan Surah As-Syam [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud: “*Demi matahari dan cahayanya di pagi hari, bulan apabila mengiringinya, siang apabila menampakkannya dan malam apabila menutupinya dan langit serta pembinaannya, bumi serta penghamparan dan jiwa serta penyempurnaan ciptaannya, maka Allah mengilhamkan pada jiwa-jiwa itu kefasiqan dan ketakwaan. Sesungguhnya beruntung orang-orang yang menyucikan jiwanya dan sesungguhnya rugilah orang-orang yang mengotori perasaannya*”.

Jadi, dengan itu, saya turut menyokong, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin.

3.35 ptg.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya bila wakil parti PAS bercakap ini ada kadangkala perkara-perkara yang menarik tetapi bila tengok sifat kakak tadi ada juga sifat yang dendam. Jadi saya sekarang ini sudah lari jauh. Mula-mula hendak pergi rapat-rapat dengan PAS tetapi bila wujud dendam, jauh hati saya dengan kakak. Tetapi walau bagaimanapun, terima kasihlah atas teguran saya tadi nampak kakak memberi laluan banyak kepada rakan-rakan saya daripada Barisan Nasional.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana saya turut diberi peluang untuk turut sama berbahas Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 19 Mac yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya merumuskan dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah merangkumi pelbagai aspek dalam 32 perkara daripada keselamatan negara, ekonomi, perdagangan luar, menjadikan negara maritim, pengimportan bahan makanan, kejatuhan komoditi kelapa sawit dan getah, sektor perkhidmatan, pembukaan Koridor Raya Multimedia, perkhidmatan penyiaran negara, bekalan tenaga, kadar kemiskinan, pendidikan, pembangunan luar bandar, menyusun semula hak milik korporat, perumahan, penyelidikan dan pembangunan, perkhidmatan kesihatan, membanteras jenayah rasuah, memerangi masalah dadah dan gejala sosial, program pembangunan belia, perlindungan pengguna, pembangunan pengangkutan jalan, pembangunan wanita dan keluarga, dasar luar yang proaktif, mengeratkan perpaduan, kebanggaan terhadap perkhidmatan awam dan yang terakhir sekali Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia turut mengajak rakyat supaya bersyukur ke atas kenikmatan dan kemakmuran yang kita kecapai sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, daripada 32 perkara ini saya juga turut bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan tentang perkara 14. Dalam perkara 14 ada dinyatakan dengan jelas tentang mengurangkan kadar kemiskinan. Adalah dinyatakan kerajaan mempunyai sasaran membasmi sepenuhnya kemiskinan mutlak menjelang tahun 2005. Skim pembangunan kesedaran rakyat akan diperkenalkan menjurus kepada kumpulan sasaran masyarakat miskin termasuk golongan saya, golongan miskin Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, peranan dan tanggungjawab secara terus bagi memerangi masalah kemiskinan adalah di tangan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan kementerian lain. Saya amat berterima kasih kepada kerajaan kerana

meletakkan masyarakat saya iaitu masyarakat Orang Asli di Kementerian yang saya nyatakan tadi iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Dan ia tindakan yang betul dan tepat dan semoga dengan ketepatan ini akan merancakkan lagi pelbagai program yang akan membangunkan masyarakat saya yang rata-ratanya mendiami di kawasan luar bandar dan perlu diberi perhatian khusus yang bersungguh-sungguh oleh kementerian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan program pembangunan kesejahteraan rakyat bagi masyarakat saya masyarakat Orang Asli akan menempuhi berbagai kekangan dan beberapa perkara asas yang perlu diselesaikan. Walaupun telah beberapa kali saya kemukakan perkara yang sama dalam Dewan yang mulia ini tetapi saya terpaksa menyuarakan kembali kerana kemajuan yang dicapai kalau pun terdapat beberapa tindakan telah diambil masih di tahap yang tidak boleh dibanggakan. Masalah asas yang utama adalah berkaitan dengan masalah tanah yang diberi hak milik kepada masyarakat Orang Asli. Masalah ini masih memerlukan masa yang panjang dan peruntukan yang besar dan setakat ini negeri Pahang telah mendahului negeri-negeri yang lain dengan tindakan pro aktif dengan memberi geran hak milik kepada masyarakat saya masyarakat Orang Asli. Manakala negeri-negeri lain hanya memberi perkhidmatan mulut atau *lip service* atau janji-janji sahaja termasuklah di Kelantan dan Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk merencana pembangunan masyarakat yang mempunyai 18 suku kaum, seharusnya kerajaan memahami sifat-sifat keperluan dan kehendak setiap suku-suku tersebut termasuk di mana lokasi yang mereka duduki. Suku dan lokasi yang berlainan keperluan dan kehendaknya juga berlainan. Kerajaan tidak boleh memandang ringan dalam hal tersebut. Jangan pula Orang Asli dipersalahkan dengan perancangan dan pembangunan yang serata dan Orang Asli dituduh menolak pembangunan dan kerap dituduh masyarakat ini bersikap masih belum terbuka terhadap pembangunan dan persekitaran yang berlaku di sekeliling mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes pergaduhan di Kampung Medan, Jalan Klang Lama, Selangor pada awal bulan Mac 2001 yang lepas, ramai pihak mengaitkan ianya berpunca daripada jurang sosioekonomi yang menjurus kepada kemiskinan di kalangan penduduk. Persepsi ini telah memberi gambaran yang kurang sihat sehinggakan ramai pihak menjangkakan terdapat banyak penempatan

setinggalan yang lain akan menunggu masa dan ketika ibarat *time-bomb* untuk meletup seperti insiden Kampung Medan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga ramai pihak yang beranggapan bahawa untuk mendapatkan perhatian kerajaan dari segi pelbagai bidang termasuk pembangunan perlulah mengadakan ataupun mencetus sesuatu peristiwa. Sebagai contohnya, kes Kampung Medan supaya semua pihak yang akan memberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Berkaitan peristiwa ini juga sudah terdapat satu trend ataupun kecenderungan yang merebak seluruh negara melalui dakyah-dakyah pihak tertentu yang menyatakan peristiwa Kampung Medan ini akan mendapat pelbagai kemudahan dan bantuan.

Peristiwa kekalahan UMNO di Terengganu mengakibatkan durian runtuh kepada rakyat Terengganu. Banyak peruntukan dan wang yang disalurkan secara terus kepada rakyat yang dulunya tidak terbayang dan sekarang menjadi kenyataan. Dakyah-dakyah ini telah menular sehingga ianya menjadi modal politik kalau sesiapa yang hendak duit peruntukan yang banyak, kita perlulah berubah kepada parti seperti mana yang berlaku yang terdapat di negeri Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada miskin dan kemiskinan yang menjadi isu yang berpunca insiden di Kampung Medan haruslah kerajaan menilai lebih mendalam adakah ianya sebenar-benarnya kemiskinan itu berpunca keadaan itu atau atas sebab-sebab lain. Kalau hendak dibandingkan kemiskinan yang berlaku di kalangan penduduk Kampung Medan dengan peristiwa yang dibongkarkan oleh *Berita Harian* berkaitan dengan Kampung Tanjong Kelapa dan Kampung Wahwah di Pekan baru-baru ini, jauh berbeza. Penduduk Kampung Medan ada bekalan elektrik, air dan kelengkapan lain termasuklah mempunyai kenderaan sendiri. Adanya perbezaan jauh panggang dari api kalau hendak dibandingkan dengan Kampung Tanjong Kelapa dan Kampung Wahwah yang langsung tidak mempunyai bekalan elektrik, air, kemudahan tempat tinggal, jalan raya dan sebagainya, jauh sekali kenderaan seperti motosikal dan kereta. Tetapi semua ini tidak pula berlaku insiden seperti Kampung Medan.

Tuan Yang di-Pertua, kes-kes kemiskinan seperti ini saya telah suarakan kerap kali di Dewan yang mulia ini secara menyeluruh dan tidak secara spesifik seperti yang dilaporkan oleh *Berita Harian* sebab suara saya agak tumpul kalau hendak dibandingkan dengan ketajaman sensasi *Berita Harian*. Kes yang lebih

dahsyat tentang kedaifan masyarakat saya sebenarnya banyak lagi. Bukan sekadar Kampung Tanjong Kelapa dan Kampung Wahwah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, itu sebabnya kalau saya sebak menceritakan kemiskinan masyarakat Orang Asli, ramai pihak yang berkata sebak saya sebak lakonan untuk mendapat simpati. Berat mana mata memandang berat lagi bahu memikul. Itulah bidalan orang tua-tua kita. Dan negara kita banyak kes seperti kata *Berita Harian* "Kera di hutan disusukan, anak dikendong kelaparan".

Tuan Yang di-Pertua, saya takut amalan dan kecenderungan pencerobohan, penerokaan haram, insiden Kampung Medan akan menjadi ikutan oleh kumpulan-kumpulan tertentu bagi meraih dan mendapat perhatian kerajaan demi kepentingan oleh pihak-pihak tertentu. Bagaimanakah keadaan kumpulan yang tidak melanggar peraturan yang tidak membuat sebarang angkara yang mengikut lunas-lunas undang-undang dan adakah mereka ini ditinggalkan atau tidak diberi perhatian atau bagaimana.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara 16 berkaitan dengan pembangunan prasarana bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat desa sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi, saya ingin tahu daripada kerajaan bagaimanakah prestasi yang telah dicapai setakat ini tentang kemudahan-kemudahan jalan, bekalan air, elektrik dan lain-lain kemudahan yang dilaksanakan dan dinikmati oleh masyarakat saya di pedalaman, adakah kerajaan berpuas hati atau bagaimana?

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang lebih penting bagi masyarakat Orang Asli di negara ini ialah berkaitan dengan hak, bukan keperluan tetapi hak mereka – berkaitan dengan status mereka. Dalam negara mereka sendiri masyarakat Orang Asli seolah-olah tidak diiktiraf sebagai bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, satu soalan yang telah dikemukakan di Dewan Rakyat oleh bekas Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak – Ahli Parlimen Kota Bharu pada 14 Oktober 1997 dan soalan yang hampir sama oleh saya sendiri di Dewan Negara pada 3 Disember 1997 berkaitan status masyarakat Orang Asli dalam Perlembagaan Malaysia di bawah Artikel 153.

Jawapan yang diterima seperti surat rujukan PM/Jabatan Perdana Menteri/fr/022/(6) bertarikh 20 Oktober 1997 berbunyi "*Berhubung dengan perkara ini, sukalah saya memaklumkan bahawa Yang Berhormat perkara mengikut peruntukan di bawah Artikel 153 Perlembagaan yang memberi kedudukan istimewa*

(*special privilege*) kepada orang-orang Melayu dan kaum-kaum native di Sabah dan Sarawak didasari oleh premis kerana mereka adalah penduduk asal negeri ini. Walau bagaimanapun, bagi masyarakat Orang Asli kedudukan mereka tidak disebut di bawah Artikel 153”.

Dalam Perkara 3, jawapan yang sama dalam surat yang sama “Untuk makluman Yang Berhormat, daripada segi Perlembagaan berkaitan, status Orang Asli adalah lebih rendah kedudukannya berbanding dengan status orang-orang Melayu dan kaum-kaum native di Sabah dan Sarawak. Ini adalah kerana di bawah Artikel 153 istilah kedudukan istimewa ini adalah tidak dinyatakan dengan jelas.”.

Tuan Yang di-Pertua, seharusnya saya telah diberi maklum oleh pihak jabatan yang menjaga masyarakat Orang Asli iaitu Jabatan Orang Asli sedang membuat kajian mengenai keperluan untuk memasukkan taraf Orang Asli di dalam Artikel 153. Jadi, saya ingin bertanya kepada kerajaan, bagaimanakah kedudukan atau kemajuan yang dicapai setelah makluman ini diberitahu, adakah ia juga merupakan *leap service* juga ataupun janji-janji sahaja.

Dengan kata-kata itu saya turut menyokong Titah Ucapan....

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua....

Datuk Long bin Jidin: Sila.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:saya memohon izin untuk mencelah. Saya amat tertarik hati dengan pandangan yang diberi oleh sahabat saya tadi dan saya ingin hendak bertanya, kalau sekiranya perkara kajian lewat dibuat oleh pihak kerajaan untuk hendak memasukkan hak-hak Orang Asli sebagai hak-hak istimewa serupa juga dengan orang-orang Melayu dan bumiputera dan juga *native* di Sabah dan Sarawak, adakah pihak Yang Berhormat akan membuat satu *private bill* untuk dibawa kepada Dewan yang mulia ini kerana saya ingin hendak menyokong *bill* itu supaya Orang-orang Asli tarafnya serupa dengan orang-orang Melayu dan juga *natives* di Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Saya sebenarnya ada bercakap dengan Dato' Presiden Kelab Senator pada satu ketika dahulu ingin mengemukakan satu *private bill* tentang memasukkan perkataan Orang Asli setaraf dengan bumiputera lain yang ada di negara ini tetapi saya tidak bawa dalam ucapan saya hari ini dan saya memang mengharapkan sokongan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Mungkin pada sesi yang akan datang

dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sekalian, sokong atau tidak saya membawa satu *private bill* khas untuk masyarakat saya?

Beberapa Ahli: Sokong.

Tuan Long bin Jidin: Ada yang menentang? Oh, saya *acting* sebagai Speaker di sini, nampaknya semua menyokong. So, saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebelum Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin mengakhiri ucapannya saya keliru sedikit. Orang Asli ini Orang Asli apa, Orang Asli Indiakah, Orang Asli Cinakah, Orang Asli Thaikah atau dia Orang Asli Melayu kerana dia duduk di rantau Melayu ini.

Kalau dia Orang Asli Melayu, saya tidak faham macam mana dia boleh ketinggalan di dalam tafsiran Artikel 153 Perlembagaan kita ini. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Datuk kerana bertanya soalan berkenaan supaya saya lebih boleh menerangkan secara *elaborate* lagi tentang bagaimana dan kedudukan sebenarnya Orang Asli di negara ini.

Orang Asli di Malaysia kita terdiri daripada tiga suku kaum yang merangkumi 18 suku kaum. Tiga kumpulan kaum itu adalah suku kaum Senoi, Negrito dan orang Melayu Asli – secara kebetulan saya ini orang Melayu Asli. Setelah ada beberapa tafsiran oleh pihak NGO dan pelbagai pihak, terutama masyarakat Orang Asli, dahulunya kami disebut dengan pelbagai bahasa – Orang Darat, orang...ada bahasa yang lebih teruk Orang Sakai tetapi bahasa itu tidak berapa menarik, lepas itu Orang Hulu, sama macam Sabah dan Sarawak juga ada Orang Hulu.

Akhirnya kerajaan memutuskan kami dikelompokkan dalam satu kumpulan yang disebut kumpulan Orang Asli. Jadi, kami menggelar diri kami sudah diterima pakai sebagai Orang Asli, kami Orang Asli lah. Itulah keadaannya tetapi dalam kelompok Orang Asli ini tadi dikelompokkan dalam tiga kumpulan dan 18 suku kaum yang boleh dikata kesemuanya tidak ada hubung kait – daripada segi bahasanya pun lain bahasa. Kalau saya bercakap dengan suku kaum daripada kumpulan Negrito, saya bercakap lain, mereka pun bercakap lain. Malah, adat istiadat pun nampaknya jauh berbeza. Itulah keadaannya.

Kenapa Orang Asli tidak dimasukkan dalam Perlembagaan, saya pun tidak tahu. Pada ketika itu saya baru berumur tiga, empat tahun. Jadi, pemimpin-pemimpin dahululah yang harus kita tanya kenapa perkara ini boleh berlaku begitu

dan saya hendak jawab, saya pun tidak tahu. Mungkin Tuan Yang di-Pertua lebih arif kenapa benda itu berlaku begitu sebab Tuan Yang di-Pertua orang lama.

Jadi, dengan kata-kata itu saya turut menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Christina.

3.54 ptg.

Datuk Christina Tibok Vanhouten: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang disampaikan pada 19 Mac 2001.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini jika saya lihat keadaan di negara-negara jiran, kita bersyukur kerana keselamatan negara terkawal dan berada dalam keadaan aman dan damai.

Pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional berjalan dengan lancar dan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, kepercayaan dan kebudayaan hidup dalam aman dan makmur. Semua ini kita dapati melalui pentadbiran kerajaan yang berwibawa. Walaupun Malaysia telah mencapai kemajuan yang pesat, namun usaha kita untuk mengekalkan pencapaian ini adalah dicabar dengan keadaan ekonomi dunia dan trend globalisasi. Terdapat pelbagai risiko dan cabaran dari luar dan dalam negara yang boleh menjejaskan kedudukan ekonomi semasa.

Oleh itu negara kita perlu meneruskan usaha gigih untuk meningkatkan lagi keteguhan dan daya bertahan masa depan yang tidak ketentuan. Cabaran yang kita akan hadapi dalam millenium ini ialah proses globalisasi. Realiti globalisasi ini telah menukar dan meningkat nilai sifat pendidikan sebagai hubungan di antara pelbagai objektif pembangunan manusia di seluruh dunia.

Oleh itu pertumbuhan kepentingan inovasi dan pengetahuan atau, dengan izin, *knowledge* dalam ekonomi telah menjadi pendidikan bukan sahaja satu pelaburan yang membawa dengan izin, *a high rate of return*, tetapi akan menjadi daya untuk menentukan nasib orang dan masyarakat.

Cabaran yang paling penting yang kita hadapi dalam millenium ini bukan sahaja membasmi kemiskinan dan gejala-gejala sosial tetapi juga mempelajari bagaimana wujud bersama sementara memberi lelaki dan wanita *equal rights*,

dengan izin, dan membahagikan kekayaan peluang dan pengetahuan dengan lebih adil.

Dalam era ini, kemajuan adalah berasaskan fakta manusia dan disukati oleh produk kepandaian, penyelidikan, inovasi, kuasa, penyesuaian dan pertukaran kebudayaan.

Oleh itu, program dan projek pendidikan yang dilaksanakan seharusnya akan membekalkan negara dengan bahan mentah atau, dengan izin, *raw material of human intelligence* yang sangat penting untuk memastikan masa depan yang cerah untuk masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada realiti yang kita mesti terima ialah realiti k-ekonomi. Dalam hal ini kita tiada pilihan, kita semua akan menjadi warga k-ekonomi. Kehidupan dalam ekonomi global berasaskan ilmu pengetahuan dalam dunia tanpa sempadan. Ini akan memerlukan setiap kita memperlengkapkan diri dengan kemahiran baru dan menyusun semula keutamaan dalam menerapkan budaya berteknologi tinggi.

Dalam pada hal ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah berusaha membina landasan yang kukuh melalui dasar pendidikan dan pembangunan sumber manusia. Usaha kerajaan menjayakan aspirasi negara, mewujudkan masyarakat berpengetahuan dengan bermula dengan anak-anak di bangku sekolah lagi adalah menggalakkan.

Fasa pertama program celik komputer di kalangan penuntut sekolah dan program sekolah bestari yang telah dilaksanakan di sembilan buah sekolah di negara adalah membanggakan. Pelaksanaan program makmal komputer, di mana setiap sekolah akan dibekalkan dengan 12 hingga 43 buah komputer yang dilengkapi dengan kemudahan multimedia dan Internet adalah dibanggakan.

Sehubungan dengan hal ini, saya ingin sarankan kepada Kementerian Pendidikan bahawa masalah guru bahasa Inggeris mestilah diatasi secepat mungkin. Sepertimana yang kita ketahui bahasa Internet ialah bahasa Inggeris dan tidak bermakna kita memberi komputer yang dilengkapi kemudahan Internet kepada sekolah-sekolah luar bandar jika murid-murid kita tidak pandai berbahasa Inggeris.

Selain daripada ini, saya ingin mengesyorkan Kementerian Pendidikan mempercepatkan pembinaan sekolah-sekolah baru yang dilengkapi dengan peralatan dan perkakasan komputer khususnya di kawasan-kawasan luar bandar khususnya di Sabah jika boleh.

Di samping itu pula, ada juga sekolah-sekolah di pedalaman yang belum ada bekalan elektrik atau talian telefon. Untuk itu, diminta kementerian-kementerian yang berkenaan membincangkan perkara-perkara ini supaya sebilangan rakyat jelata tidak akan ketinggalan dalam arus pembangunan negara.

Usaha kerajaan untuk mendedahkan murid-murid sekolah kepada teknologi moden akan melahirkan pelajar celik komputer dengan pemikiran yang tajam, lebih pintar, berinisiatif, kreatif dan mampu berdikari.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan usaha Kementerian Pendidikan untuk melahirkan pelajar yang celik komputer, saya ingin mencadangkan di sini bahawa kerajaan juga memperkenalkan satu program celik komputer untuk orang dewasa di luar bandar.

Saya ingat pada beberapa tahun yang lalu kerajaan telah mempunyai program pendidikan yang dinamakan Kelas Pendidikan Orang Dewasa di seluruh negara. Kelas-kelas seperti ini telah membantu banyak warganegara kita yang dahulu buta huruf telah pandai membaca dan mengira. Oleh itu, jika kita mahu warganegara kita keseluruhannya dapat faedah dalam zaman teknologi moden ini, lebih-lebih lagi dalam proses globalisasi, saya cadangkan bahawa program kelas celik komputer untuk orang dewasa diperkenalkan di kawasan-kawasan luar bandar.

Usaha kerajaan untuk mempertingkatkan kepintaran generasi baru seharusnya tidak mengetepikan generasi lama yang juga tiada pilihan tetapi menerima realiti dunia zaman teknologi dan globalisasi.

Saya percaya, bahawa pendidikan teknologi moden kepada masyarakat keseluruhannya dari desa ke bandar, ke bandaraya adalah penting dan satu jalan untuk mengurangkan ketidakseimbangan di antara kaum, masyarakat dan wilayah di masa depan dan cara yang paling baik untuk mengelakkan kemiskinan diturunkan daripada satu generasi ke generasi yang akan datang.

Sehubungan dengan pendidikan, saya ingin menyentuh tentang paras pengetahuan atau kefahaman pengetua-pengetua sekolah dan guru-guru tentang norma-norma kebudayaan tradisi dan sensitiviti masyarakat kita yang berbilang kaum. Saya berpendapat bahawa jika pengetua sekolah dan guru-guru akan dapat membantu kerajaan untuk memajukan perpaduan nasional mereka perlulah dahulu dilatih untuk menghadapi masalah-masalah dalam masyarakat berbilang kaum.

Dalam pada hal ini, saya ingin sarankan bahawa Kementerian Pendidikan perhatikan kelemahan yang ada dalam sistem sekarang yang perlu kita kaji. Satu

daripadanya ialah sikap ketua-ketua sekolah dan guru-guru di samping memberi latihan-latihan kepada mereka untuk membantu kerajaan dalam mewujudkan dan memelihara perhubungan masyarakat yang baik.

Untuk mempertingkatkan lagi kualiti pendidikan di negara kita, saya minta Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan sepenuhnya persekolahan satu sesi. Saya percaya bahawa persekolahan satu sesi akan mengurangkan berlakunya gejala-gejala sosial negatif di kalangan pelajar dengan memberi mereka lebih masa dan peluang menyertai banyak aktiviti-aktiviti kokurikulum. Persekolahan sesi petang juga telah menimbulkan banyak masalah keselamatan pelajar-pelajar perempuan di mana mereka tinggal jauh dari sekolah dan perlu berjalan kaki pulang bergelap. Barangkali perkara ini tidak berlaku di Semenanjung, tetapi di beberapa tempat di luar bandar di Sabah masih ada sekolah yang jauh daripada tempat tinggal pelajar. Oleh itu, cadangan kerajaan untuk persekolahan satu sesi itu adalah dialu-alukan dan lebih cepat dilaksanakan lebih baik untuk semua.

Tuan Yang di-Pertua, kesihatan merupakan harta yang tidak ternilai kepada setiap insan. Rakyat sihat negara maju. Dalam hal ini, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan di atas usahanya memperkukuhkan lagi sistem perkhidmatan kesihatan asas, sementara memperluaskan lagi perkhidmatan pakar supaya rakyat Malaysia dapat menikmati kemudahan rawatan khusus.

Penubuhan tabung kebajikan kesihatan untuk mengurangkan beban pesakit dan keluarga mereka, membiayai kos rawatan perubatan adalah dialu-alukan. Kos pembinaan hospital-hospital baru pada tahun ini yang hampir berjumlah RM6 bilion adalah juga menggalakkan.

Selain daripada hospital-hospital untuk pesakit biasa, kerajaan difahamkan akan membina hospital-hospital psikiatri di Sungai Petani dan Johor. Dengan satu kejadian di Johor baru-baru ini, di mana seorang gadis membunuh diri dengan melompat dari tingkap sebuah bangunan dan juga peningkatan kejadian amuk di negara ini, jelas sekali bahawa sebilangan masyarakat kita ada menghadapi penyakit jiwa. Oleh itu, diminta Kementerian Kesihatan bukan sahaja mempercepatkan pembinaan keperluan pesakit-pesakit jiwa, tetapi juga melahirkan lebih banyak kakitangan yang lebih komited dan profesional dalam mengendalikan tugas mereka.

Selain daripada pembinaan hospital-hospital baru, saya mohon Kementerian Kesihatan untuk memberi perhatian kepada kekurangan-kekurangan keperluan

hospital-hospital di Sabah. Saya percaya Hospital Kudat dan Keningau belum mempunyai mesin dialisis dan untuk ini pesakit-pesakit buah pinggang yang bilangannya semakin meningkat perlu ke Kota Kinabalu untuk rawatan.

Sehubungan dengan ini, saya di sini mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan yang telah pun memberi, dengan izin, *matching grant* kepada badan-badan sukarela bukan kerajaan untuk menubuhkan pusat-pusat hemodialisis mulai dari tahun ini. Niat kerajaan untuk memberi bantuan kos rawatan sebanyak RM50 kepada setiap pesakit yang menggunakan pusat hemodialisis badan sukarela adalah sangat menggalakkan.

Harapan saya ialah implementasi kepada niat baik kerajaan ini akan dapat dijalankan dengan cepat dan tepat di peringkat masyarakat. Saya risau kerana wang kerajaan yang berjumlah RM50 itu kadang-kadang susah atau lambat didapati dan sementara itu pesakit yang berkenaan semakin kesusahan.

Kementerian Kesihatan juga telah mencadang untuk melaksanakan Sistem Maklumat Menyeluruh, dengan izin, *Total Hospital Information System (THIS)*, di semua hospital dan klinik kesihatan. Dengan sistem ini, sektor kesihatan akan mempunyai sistem maklumat kesihatan yang bersepadu. Tahniah kepada Kementerian Kesihatan tetapi saya ingin tahu apakah tahap atau peringkat pelaksanaan projek THIS ini pada masa ini?

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia bersyukur di atas kenikmatan dan kemakmuran yang kita capai pada masa ini. Walau bagaimanapun, kita tidak dapat menganggap perkara ini benar dan akan pasti berterusan tanpa usaha kesedaran untuk memelihara dan melindungi kemakmuran dan keharmonian yang wujud sekarang.

Beberapa kejadian seperti di Kampung Medan dan kawasan-kawasan yang berdekatan adalah satu kelakuan yang membimbangkan dan menakutkan. Tambahan pula, keadaan yang sedang berlaku di negara-negara jiran membuat kita berjaga-jaga. Dalam hal ini, kerajaan haruslah mengambil tindakan yang serius untuk memastikan bahawa keadaan harmoni dan kestabilan dapat dikekalkan.

Walaupun ada kementerian, iaitu Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dipertanggungjawabkan dalam usaha perpaduan, saya percaya perpaduan adalah tanggungjawab semua warganegara yang mencintai keamanan. Untuk ini, saya ingin menyarankan bahawa Panel Penasihat Perpaduan Negara jika masih wujud menjadi lebih pro aktif.

Saya juga cadangkan bahawa semua setiausaha kementerian menjadi anggota Panel Penasihat Perpaduan Negara. Ini adalah disebabkan, kita perlu orang-orang yang dapat membuat keputusan dan mempengaruhi perubahan-perubahan di semua peringkat. Ada kalanya kita lihat, kebanyakan ahli-ahli panel yang dilantik oleh kerajaan hanya duduk memanasakan kerusi mereka sahaja. Perpaduan adalah satu aset negara yang bernilai tinggi, oleh itu orang-orang yang kita beri kepercayaan untuk menjaganya seharusnya mengambil tanggungjawab-tanggungjawab mereka dengan serius dan komited.

Selain daripada itu, kita patut lihat perpaduan sebagai satu pelaburan untuk masa depan generasi yang akan datang. Untuk ini, saya mencadangkan bahawa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan Kementerian Pendidikan bekerjasama dengan rapat untuk membincangkan bagaimana kita dapat memulakan penerapan nilai-nilai perpaduan yang lebih mendalam kepada anak-anak kita apabila mulai bersekolah.

Kandungan buku-buku teks, bacaan murid-murid sekolah boleh dijadikan satu bahan saluran maklumat mengenai majmuknya masyarakat Malaysia. Misalnya, jika nama-nama yang digunakan dalam buku teks sekolah sekarang menggunakan nama Ahmad, Samy dan Chong, mengapa pula James dari Sabah dan Watson dari Sarawak tidak ada. Ataupun Aminah, Dewi dan Tan dari Semenanjung dan Christina dan Feona dari Sabah dan Sarawak.

Jika kita tunjuk pakaian tradisional dan perayaan-perayaan si Ahmad, si Samy dan Chong di buku teks sekolah, kita juga perlu paparkan pakaian tradisional dan hari-hari kebesaran si James, si Christina, si Watson dan si Feona. Dengan maklumat-maklumat seperti ini, kita dapat mendidik anak-anak sekolah dari awal lagi dengan nilai-nilai kefahaman tentang budaya dan tradisi satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Pengarah, Jabatan Perpaduan Negara di Sabah pada tahun 80-an. Pada masa itu, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mempunyai banyak program integrasi nasional dan perhubungan masyarakat. Program-program itu termasuklah Projek Anak Angkat, Titian Mas, Sukaneka, Permainan Rakyat, Karnival Perpaduan dan lawatan integrasi nasional.

Program-program anjuran Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat adalah program yang sangat penting tetapi kebelakangan

ini, jarang sekali kita dengar atau lihat aktiviti perpaduan nasional selain daripada aktiviti yang dianjurkan oleh Rukun Tetangga .

Saya difahamkan bahawa satu daripada fakta yang menghalang penganjuran program-program perhubungan masyarakat ialah kekurangan peruntukan. Tangan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat terikat apabila mereka tidak ada peruntukan untuk menjalankan program-program perhubungan masyarakat. Oleh kerana perpaduan dan integrasi nasional adalah satu-satunya perkara penting kepada negara, usaha untuk menggalakkan perpaduan kaum mesti diberi perhatian dan peruntukan yang perlu.

Pada masa dahulu juga, ISIS *ataupun Institute of Strategic and International Studies*, dengan izin, telah menganjurkan beberapa sesi untuk membincangkan isu-isu perpaduan. Saya ingin tahu adakah ISIS masih lagi mengadakan perbincangan paras tinggi tentang perpaduan seperti yang dilakukan dahulu. Selain daripada usaha pihak kerajaan untuk memelihara keharmonian negara, saya fikir sektor swasta juga perlu mengambil berat tentang perkara ini. Penyertaan ini saya lihat sudah bermula sekali lagi.

Pada baru-baru ini, satu syarikat yang bernama SP Setia Sendirian Berhad Group telah memilih untuk membelanjakan sebanyak RM1 juta untuk menggalakkan harmoni di kalangan masyarakat berbilang kaum melalui aktiviti-aktiviti kebudayaan dan sukan. Program ini dikenali sebagai *Building Harmony*, dengan izin, oleh itu kepada syarikat SP Setia Sendirian Berhad, saya mengucapkan tahniah. Saya berharap, banyak lagi pihak-pihak swasta akan membuat demikian sebagai sumbangan mereka dalam usaha memelihara perpaduan dan perhubungan masyarakat yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri ucapan ini dengan sekali lagi mengucapkan te rima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang mengambil bahagian untuk menyokong Ucapan Terima Kasih Kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang disampaikan sempena Pembukaan Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesepuluh pada 19 Mac tahun 2001. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdullah bin Ayub.

4.13 ptg.

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub: Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat saya bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain berada di Dewan Negara ini. Saya juga ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan Malaysia yang telah melantik saya sebagai seorang Ahli Dewan ini.

Sungguhpun saya yang terbaru dilantik, saya rasa saya adalah orang yang tua sekali dalam Dewan ini - maaf kalau Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob lebih tua daripada saya. Ini adalah sepatutnya, kerana saya anggap lantikan saya itu adalah mewakili pegawai-pegawai kerajaan yang telah bersara, yang selama ini tidak dapat menyuarakan pendapat dan buah fikiran mereka dalam Parlimen mengenai dasar-dasar dan rancangan-rancangan kerajaan yang dilaksanakan sekarang ini. Dan, juga untuk menyuarakan kemusykilan yang dihadapi oleh pesara-pesara kerajaan terutama bagi mereka yang mendapat pencen yang terlampau kecil.

Saya mengucapkan tahniah dan menjunjung kasih Ke Bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Dirajanya adalah lengkap dan menyeluruh yang dibentangkan kepada Parlimen mengenai rancangan dan strategi kerajaan dalam menguruskan negara bagi tahun 2001 dan seterusnya supaya Malaysia menjadi sebuah negara yang maju, aman dan bersatu padu. Walau bagaimanapun, saya perhatikan ada beberapa perkara yang disebut dalam Titah Ucapan itu tidak sama sekali menyentuh kedudukan warga tua. Perkara-perkara yang berhubung dengan pemuda-pemudi, wanita-wanita dan sebagainya ada disebut di situ tetapi berkenaan dengan masalah yang dihadapi oleh warga tua tidak langsung disebut di situ dan juga mereka ini adalah satu makhluk yang akan jumud pada masa akan datang dan tidak perlu diberi perhatian.

Kita mesti tahu bahawa oleh kerana kedudukan negara kita yang aman sentosa dan juga kemajuan yang telah dicapai selama ini taraf kesihatan dan juga taraf kehidupan orang-orang kita sudah bertambah baik dan oleh kerana itu jangka hayat mereka ataupun *life expectancy* mereka telah bertambah kepada 75 tahun bagi wanita-wanita dan 72 tahun bagi laki-laki. Kalau kita tidak mengambil perhatian yang berat berkenaan dengan perkara ini, kita akan bertemu dengan kumpulan orang-orang warga tua yang ramai di negara ini seperti yang berlaku di negeri Jepun,

di Sweden dan juga di negara-negara Eropah yang lain. Jadi, saya harap kerajaan akan mengambil tindakan untuk memerhatikan supaya ada program untuk warga-warga tua ini misalnya bila kita mengadakan infrastruktur dan sebagainya, kita haruslah mengambil perhatian berkenaan dengan warga tua.

Banyak juga perkara-perkara yang tidak belanjakan wang misalannya tol, ini kalau orang tua-tua menggunakan motokarnya kalau kita bagi konsesi kepadanya saya fikir tidak ada belanja yang terkena kepada konsesi itu kerana tidak ada yang hilang kalau sekiranya ia melalui jalan raya itu dengan separuh harga tol misalnya. Begitu juga lesen-lesen misalnya, lesen-lesen motokarkah atau lesen-lesen yang lain-lain ataupun cukai di rumah dan sebagainya boleh diberi konsesi untuk meringankan bebanan mereka itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya sangat bersetuju dengan dasar yang diamalkan oleh kerajaan seperti yang tersebut dalam perenggan 31 daripada Titah Ucapan itu. Dasar kita berbaik-baik dengan negara-negara lain adalah suatu dasar yang sesuai bagi negara kita yang kecil dan mempunyai upaya yang terhad. Kepintaran diplomasi hendaklah digunakan apabila masalah timbul di antara negara kita dan negara lain. Pada negara yang kuat, negara kita adalah umpama timun dan negara lain sebagai durian, menggolek kita luka, kena golek pun lagi luka. Oleh itu, ikutilah pepatah Inggeris, dengan *permission* Tuan Yang di-Pertua, *discretion is better of failure*. Jadi, apabila ada perkara-perkara misalannya, Amerika telah dikuburkan daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia baru-baru ini, janganlah kita melampau-lampau mengejek-ejek mereka. Inilah satu perkara saya fikir tidak mustahak, tiada ada apa yang kita dapat daripadanya hanya ia akan menimbulkan kemarahan mereka itu dan kita akan dapat kesannya kemudian. Saya teringat kepada hari Ahad yang lepas, semua media mengejek-ejek kekalahan Amerika Syarikat. Jadi, tidak payahlah kita sebut itu sebenarnya, kita diam-diam sahaja, *use our discretion*, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, minta kebenaran Tuan Yang di-Pertua, *use our discretion not to mention all these things*.

Kemudian, saya suka mengingatkan kepada jabatan dan kementerian, sebelum kita membuat apa-apa keputusan dan melaksanakannya, keputusan itu hendaklah dikaji dengan mendalam dan pihak-pihak yang terlibat ditanya fikiran mereka dan setelah semua ini selesai barulah kita laksanakan dan setelah kita laksanakan kita hendaklah bertegas, jangan kita undur.

Saya teringat lebih kurang enam bulan dahulu ada heboh dalam surat khabar mengenai lesen terbang. Ceritanya beratus-ratus, bahkan beribu-ribu, tuan punya motokar kena saman dan ada juga pegawai-pegawai yang sedang ditangkap kerana perkara ini telah berlaku tetapi selepas itu terdiam. Jadi apa masalah yang sebenarnya, tidak betulkah ataupun tidak mungkin dilakukan atau sebagainya atau perkara itu sudah selesai? Jadi, kita tidak tahu apa kesudahannya. Kemudian, ada pula polis saman orang-orang yang salah trafik dan menghantar saman ini kepada mereka yang digelar apa namanya, saman ekor kah apa namanya. Macam-macam berlaku dan tawar-menawar pun telah berlaku dan kemudian berhenti, diam. Jadi, saya ini sebagai orang biasa tidak tahu apa ceritanya, sudah selesai ataupun apa terjadi yang sebenarnya.

Kemudian, lebih kurang dua bulan dahulu, kerajaan telah menyatakan bahawa syarikat-syarikat minyak, petrol kepunyaan bangsa asing tidak akan diberi tambahan stesen minyak mereka tetapi kemudian, tiga minggu selepas itu perkara ini telah dibatalkan. Yang tidak sedapnya perkara ini dibatalkan setelah Duta Amerika berjumpa dengan Perdana Menteri. Jadi, sama ada kebetulan sahajakah ataupun perkara itu telah dikaji semula kita tidak tahu tetapi sepatutnya perkara ini dibincangkan secara menyeluruh kerana ini adalah satu polisi ataupun dasar yang besar tetapi tidak dibuat dan dengan sekali gus kita tukar. Jadi kita ini selalulah undur. Kita kena ingatlah bahawa kredibiliti atau kewibawaan negara kita akan terjejas.

Jadi, itulah saya harapkan kementerian-kementerian sebelum membuat satu-satu keputusan, yang hendak dilaksanakan, kerajaan hendaklah mengkaji dengan mendalam, kita tanya semua pihak – pihak polis, pihak BPR dan sebagainya, sama ada apa yang kita hendak laksanakan ini menimbulkan reaksi yang tidak baik.

Selepas itu, sesudah kita puas hati, barulah kita laksanakan dan setelah kita laksanakan, mesti kita teruskan sama ada baik atau tidak. Jadi, saya haraplah dengan cara itu, kerajaan kita akan dipercayai oleh orang luar dan juga rakyat kita semuanya. Sekianlah buat sementara ini.

Ada satu perkara juga yang telah disebut oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tadi mengenai penuntut-penuntut yang tidak dapat masuk ke universiti. Perkara ini saya fikir, saya adalah salah seorang daripada orang universiti juga, saya seorang Pro Canselor kepada UTM. Eloklah kita kaji semula dengan cara rasional. Kita kaji

yang sebenar apa ceritanya. Janganlah kita dengarkan cerita orang lain ataupun khabar-khabar angin, kemudian kita membuat keputusan atau membuat kenyataan.

Sebenarnya pada masa saya berkhidmat dahulu, kuota yang telah ditetapkan itu dibuat pada masa saya dahulu iaitu 55:45. Maknanya, 55 ialah untuk bumiputera dan 45 ialah untuk keturunan lain. Jadi, sekiranya kita cuba memusingkan atau menukar perkara ini, perkara ini akan menimbulkan reaksi daripada bumiputera. Eloklah kita fikirkan bersama, kita tanyakan kepada kementerian, apa sebenarnya yang berlaku kerana kalau kita hendak berharap ataupun bergantung ataupun berpijak kepada meritokrasi sahaja, orang Melayu tidak boleh masuk universiti sebenarnya.

Itulah sebabnya kita kena adakan kuota. Jadi, orang-orang Melayu pun kurang baik sedikit pun, rasa ada cukup *qualificationnya*, kita masukkan dia ke universiti. Kalau sekiranya kuota bagi orang-orang Cina atau India sudah penuh, jadi tidak bolehlah diisi masa itu. Tinggal lagi bolehlah kita fikirkan dari satu tahun ke satu tahun, sama ada orang-orang yang tidak dapat masuk itu dibenarkan masuk.

Jadi, eloklah kita kaji semula apa-apa khabar yang kita dengar itu. Janganlah kita buat keputusan dengan tidak mengkaji apa sebenarnya yang berlaku dan menyalahkan Kementerian Pendidikan atas apa yang telah berlaku.

Sekianlah, Yang Berhormat. Saya dengan ini menyokong usul ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Datuk Nor Azah.

4.28 ptg.

Datuk Nor Azah binti Awin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi saya peluang untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Pembukaan Penggal Ketiga Parlimen Kesepuluh pada 19 Mac 2001, Baginda telah menyentuh pelbagai isu yang meliputi sosioekonomi dan politik tanah air.

Di sini, izinkanlah saya mengemukakan beberapa perkara secara terperinci yang menyentuh isu-isu tersebut. Di antara perkara yang ingin saya tekankan di sini ialah tanggungjawab individu dalam pembangunan negara yang merangkumi pembangunan sosial, pembangunan ekonomi dan aspek-aspek yang berkaitan.

Beberapa pelan-pelan perancangan sama ada yang merangkumi lima tahun atau yang berjangka panjang iaitu sepuluh tahun, telah dikemukakan di Dewan yang mulia ini dan telah pun dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan kita tidak boleh nafikan kejayaan yang telah diperolehi.

Dalam rangka jangka masa perancangan-perancangan yang tersebut, semua pembangunan prasarana asas telah pun siap yang bertaraf setanding dengan negara-negara maju. Ini bermakna kita sudah bersedia untuk membawa negara kita ke tahap yang lebih maju.

Kesemua prasarana tersebut tidak ada maknanya sekiranya pembangunan manusia tidak membangun seiring dan sejalan agar penggunaan prasarana atau dengan izin, *super structure* dapat dioptimumkan. Sementara kesemua pembangunan fizikal dapat kita lihat dan menjadi kebanggaan kita, marilah kita analisa diri kita sendiri sebagai rakyat, sebagai penuntut, sebagai pekerja, sebagai usahawan, malahan kita sendiri sebagai kerajaan pada hari ini, bagaimana kita harus menekankan pembangunan sumber manusia secara menyeluruh dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita bermula dengan pembangunan diri dari tahap yang paling asas sekali iaitu penuntut-penuntut sama ada di peringkat rendah, peringkat menengah, pra-universiti, universiti dan seterusnya. Mungkin sudah tiba masanya, kita tengok kembali (relook) kurikulum pelajaran memandangkan perubahan paradigma yang kita lalui sekarang.

Tidak menjadi sesuatu yang aneh apabila sampai ketikanya kita tidak akan lagi melihat murid-murid membimbit beg sekolah yang terlalu berat seperti yang kita lihat sekarang, malahan mereka hanya akan membawa satu *laptop* dengan cakera optik sebagai bahan pelajaran mereka. Memandangkan perubahan dan perkembangan tersebut, maka kurikulum pelajaran harus juga diselaraskan.

Apabila fenomena tersebut berlaku, kita akan menghadapi masalah lain di mana murid-murid akan mengurangkan interaksi mereka dengan orang lain. Untuk menyelesaikan keadaan tersebut, kita harus jangan mengetepikan pembangunan murid-murid dari aspek kemanusiaan juga yang merangkumi nilai-nilai etika, nilai-nilai pendirian (*attitude*) dan lain-lain nilai mental dan spiritual supaya mereka tidak menjadi kanak-kanak *robotic*. Janganlah minda mereka terlalu sempit dari segi mengejar kelulusan akademik atau kertas semata-mata dengan menghiraukan aspek *character development*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya mengutarakan aspek pengkhususan dari segi pelajaran. Dengan berlandaskan era yang mencabar yang akan kita lalui, kita tidak lagi boleh berpuas hati dengan seorang yang bertahap purata (*average*) sahaja. Kita mengucapkan syabas kepada pihak kerajaan yang telah menyediakan institut-institut pengkhususan seperti multimedia, kejuruteraan elektronik, malahan juga bidang sukan.

Saya menyarankan agar sistem pelajaran menekankan kepada penuntut-penuntut, betapa mustahaknya mereka mengenal pasti bidang yang mereka minati dan di mana mereka mempunyai kekuatan atau kelebihan iaitu dengan izin, *strength*. Tidak semua penuntut yang mempunyai kecenderungan dalam aspek akademik ini tidak bermakna mereka tidak berguna, malahan mereka mungkin berminat dan berkeupayaan dalam kemahiran tertentu selain daripada kemahiran teknikal, mungkin juga sukan, budaya, rekaan dan sebagainya.

Apa yang paling mustahak ialah mereka dapat dilatih atau dibimbing dan diberi perangsang dari tahap mereka masih menuntut dan akan selepas pengajian, dapat mencapai prestasi yang setanding di peringkat antarabangsa. Dengan penduduk kita yang hanya lebih kurang 20 juta, kita harus merancang pulangan ke atas sumber manusia yang berkesan atau optimum.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sumber manusia ini, walau bagaimanapun merangkumi juga pekerja-pekerja sama ada majikannya, pihak kerajaan atau swasta. Pengkhususan latihan dan pembangunan manusia mestilah mengambil kira aspek-aspek yang saya katakan tadi. Negara kita akan menjadi pincang sekiranya sumber manusia tidak setanding dengan semua prasarana yang telah disediakan oleh kerajaan terutama dengan cabaran dunia tanpa sempadan.

Kita tidak mahu menyaksikan sektor-sektor penting di dalam negara ini suatu hari nanti diisi dengan orang asing yang berkemahiran, berkebolehan dan berprestasi yang tidak dapat kita tandingi. Untuk menyediakan negara kita menjadi sebagai pemain yang berjaya dalam dunia tanpa sempadan nanti, kita semua haruslah memainkan peranan kita dan menjalankan tanggungjawab kita dalam memastikan wawasan negara kita tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah lalui dengan pelbagai *success story*, dengan izin, yang mana semua rakyat merasa bangga. Kita juga baru sahaja dan mungkin masih melalui penghujung bahang krisis ekonomi. Telah banyak kita pelajari dan kita harus mengambil iktibar daripada semua pengalaman tersebut. Janganlah kita

menunggu pihak kerajaan sahaja dibebankan dengan persoalan tersebut. Saya menyarankan kesemua rakyat bahawa kita merupakan sumber yang paling penting dalam bangun dan matinya sesebuah negara. Apakah persediaan kita dalam mengharungi era hadapan agar semua wawasan yang digariskan oleh pemimpin-pemimpin kita dapat dicapai dalam jangka masa yang ditetapkan atau mungkin lebih awal daripada itu. Sekiranya kita bersedia menggembelng tenaga, usaha dan beriltizam secara bersama atau kolektif dan bersepadu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam spirit atau semangat itu juga, sektor swasta akan memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya. Tidak dapat kita menafikan kerana penumpuan yang berlebihan, pencapaian keuntungan atau dengan izin, *bottom line* banyak firma yang tidak menghiraukan pembangunan sumber manusia. Mereka beranggapan usaha tersebut membuang masa dan wang. Saya mengucapkan syabas kepada pihak kerajaan di mana tahun lepas di Dewan yang mulia ini kita meluluskan Akta Pembangunan Sumber Manusia di mana Perbadanan Sumber Manusia ditubuhkan dan ditugaskan melaksanakan, memantau dan mencapai matlamat menggalakkan latihan bekerja.

Usaha-usaha ini walau bagaimanapun tidak akan berkesan sekiranya semua usaha dan program tidak dilaksanakan secara bersama dengan pihak majikan kerana cuma pihak majikan sahaja yang arif tentang keperluan latihan bekerja dan cara latihan yang paling efektif atau sesuai untuk seseorang individu sama ada secara latihan di kelas ataupun di tempat kerja atau pelajaran lanjutan dan sebagainya. Dalam membangunkan sumber manusia secara menyeluruh di mana mereka dipertanggungjawabkan bukan sahaja ke atas kewajipan tugas kerja, ciri-ciri etika dan lain-lain perspektif kemanusiaan juga tidak harus diketepikan. Ini adalah asas yang mustahak kepada nilai-nilai pengurusan, kepimpinan, perpaduan dan sebagainya yang mungkin tidak ketara tetapi akan mengakibatkan keharmonian dan tahap etika sesuatu organisasi.

Ini juga selaras dengan usaha kerajaan yang telah menyediakan pengendalian korporat atau dengan izin, *corporate governance* untuk mewujudkan pengurusan korporat yang lebih kukuh, lebih bertanggungjawab, telus dan kebertanggungjawaban yang selaras dengan amalan dunia. Budaya niaga dan budaya korporat yang diterima pakai secara global akan memberi kepercayaan kepada pihak-pihak sama ada dalaman atau asing yang ingin melabur di negara kita. Saya percaya dengan adanya prasarana yang bertaraf dunia dan diiringi

dengan sumber manusia yang berhemah tinggi, berkemahiran tinggi, berpengetahuan luas, bertanggungjawab dan beretika juga bertaraf kelas dunia kita pasti akan melangkah ke masa hadapan yang penuh cabaran ini dengan bangga dan penuh keyakinan diri.

Tuan Yang di-Pertua, secara kesimpulan dalam konteks sumber manusia yang saya utarakan ini, saya juga ada beberapa persoalan yang mungkin dapat diberi penerangan;

- (i) Dengan terlaksananya AFTA atau Asian Free Trade Area dengan izin, adakah piawai daripada segi kemahiran yang ditentukan sama ada dalam industri binaan, industri elektrik, automatik dan sebagainya akan diselaraskan di negara-negara ASEAN dan sekiranya jawapannya ia, apakah langkah ataupun persediaan yang diambil ke arah matlamat tersebut.
- (ii) Juga dalam konteks yang sama iaitu dalam konteks AFTA, adakah pengiktirafan institusi pengajian tinggi akan juga diselaraskan. Mungkin pada masa itu IPTA dan IPTS di negara ini boleh mendirikan kampus cawangan di seluruh negara ASEAN dan mereka juga boleh membuat sedemikian di negara kita. Adakah ini akan berlaku. Jika ini berlaku, apakah persediaan kita dalam menggubal semua sistem dan polisi pelajaran kita.
- (iii) Juga dalam konteks yang sama mungkinkah dengan izin, *labor mobility* atau pergerakan sumber manusia akan bebas dalam semua negara ASEAN seperti di European Union tanpa memerlukan permit kerja, tanpa memerlukan visa. Jika ini berlaku, apakah persediaan kita dalam menghadapi permasalahan daripada segi kos sumber manusia yang mana kita akui yang kos kita adalah lebih tinggi daripada kebanyakan negara ASEAN. Ini tidak dapat dielakkan kerana tiap-tiap negara ahli ASEAN mempunyai taraf dan kos hidup yang pelbagai. Dalam usaha sektor swasta mengurangkan kos pengeluaran agar dapat mencapai tahap kompetitif, apa akan terjadi kepada pekerja-pekerja kita yang beribu-ribu ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang AFTA, sektor pertanian kita juga harus diberi tumpuan. Dalam cabaran kita menghadapi globalisasi, tanah adalah sumber yang tidak dapat ditukar ganti kerana ia tidak dapat dipindahmilikkan antara negara. Juga memandangkan import makanan kita yang tinggi melebihi RM10 bilion, pengkhususan pertanian adalah sangat penting. Tidak lagi mengambil kira betapa mustahaknya untuk negara kita mengurangkan pergantungan kita kepada negara luar untuk keperluan yang paling asas seperti makanan. Malahan saya rasa isu ini harus diberi perhatian yang khas kerana ini boleh melibatkan krisis dalaman yang kritikal apabila makanan tidak mencukupi atas tindakan *sabotage* dengan izin, atau niat negara luar yang mungkin mempunyai agenda tersendiri.

Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama kita menghadapi masalah di mana dalam konteks AFTA barangan pertanian akan mengalir tanpa sekatan di antara negara-negara ASEAN. Sukacita saya menarik satu aspek daripada ini, sebagai contoh iaitu hasil penanaman padi. Kita tidak menafikan bahawa kos pengeluaran beras di Myanmar, di Thailand, di Vietnam adalah lebih murah daripada di Malaysia. Ini bermakna adalah lebih ekonomik kita membeli beras daripada mereka daripada kita menanam sendiri. Apabila terjadinya hakikat ini, apa akan terjadi kepada beribu penanam padi yang berada di negara kita. Hasil mereka tidak lagi dapat dijual dengan harga kompetitif. Isu ini perlu dilihat dari sekarang untuk mengelakkan daripada permasalahan yang akan dihadapi apabila AFTA menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, sambil saya bercakap tentang pertanian, saya ingin juga menyentuh tentang permasalahan harga minyak sawit. Kita dapati harga minyak sawit yang berada di sekitar RM750 satu tan adalah pada tahap yang paling minimum daripada segi kos dan jauh daripada harga lumayan pada purata RM1,000 satu tan pada atau tiga tahun yang lepas. Masalah ini sedang dihadapi oleh para peserta FELDA, FELCRA dan juga pekebun-pekebun kecil yang bergantung 100% kepada hasil kelapa sawit. Masalah ini akan memberi kesan yang buruk bukan sahaja kepada mereka tetapi juga kepada mereka yang bergantung kepada pendapatan ini seperti anak-anak peneroka yang masih menuntut.

Pada pendapat saya Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, adalah dalam kemampuan pihak kerajaan untuk menubuhkan satu badan atau lembaga atau apa sekali pun yang dinamakan untuk mengendalikan tugas dengan izin *stock pile* supaya harga kelapa sawit dapat dikekalkan pada tahap minimum yang

berpatutan, di mana pekebun dan peneroka dan mereka yang berkaitan dapat pulangan yang tidak akan menyusahkan mereka dan keluarga mereka. Kita akui dan mengucapkan syabas kepada pihak kerajaan yang telah melaksanakan beberapa tindakan untuk menjaga kepentingan mereka daripada segi jangka panjang di mana pihak kerajaan telah memberi bantuan untuk menanam semula sama ada kelapa sawit atau lain-lain tanaman tetapi ini akan mengambil masa yang panjang dan mereka memerlukan bantuan masa kini.

Dengan ini saya harap pihak kerajaan akan memikirkan secara serius tentang penubuhan satu *stockpile* yang saya cadangkan ini akan harga pasaran minyak sawit akan dapat diapungkan ke satu harga yang tidak akan menyusahkan mereka dari masa ke semasa.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Di jemput Yang Berhormat.

4.45 ptg.

Datuk William Lau Kung Hui: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Kesepuluh. Saya juga mengucapkan syukur dan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Tuanku tersebut di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk membangkitkan dua perkara yang mana ianya belum pernah lagi disentuh di Dewan yang mulia ini. Satu daripadanya ialah mengenai hal ehwal keselamatan dan keamanan di negara kita. Pada amnya, kita harus bersyukur kepada Tuhan dan berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad kerana di bawah pucuk pimpinannya, negara kita berada dalam keadaan aman damai, stabil dan tenteram.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh bertolak ansur lagi dalam usaha untuk melindungi kedaulatan dan keutuhan tanah air kita. Segalanya akan terbina seperti kemajuan ekonomi, peraturan dan undang-undang, pembangunan infrastruktur akan terbentuk jika sistem pertahanan di negara kita yang terdiri daripada angkatan tentera darat, tentera laut, polis dan sebagainya adalah lemah. Banyak yang telah

diperkatakan tentang perlunya usaha untuk menguatkan pasukan tentera darat, tentera laut, polis dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan menyentuh satu aspek daripadanya sahaja iaitu tentang perlunya kita mewujudkan dengan segera apa yang dikenali sebagai mengawal pantai Malaysia, dengan izin, otherwise known as Malaysian Coast Guards. Malaysia berkemungkinan merupakan sebuah negara di dunia yang masih belum lagi menumpukan satu pasukan seumpama mengawal pantai. Di Singapura pasukan ini dikenali sebagai Polis Mengawal Pantai, di Amerika Syarikat ianya dikenali sebagai Pengawal Pantai Amerika Syarikat, (US Coast Guards) dengan izin, dan lebih daripada itu mereka mempunyai apa yang dipanggil 'SEAL' iaitu Sea, Air, Land manakala di United Kingdom, ianya dikenali sebagai Special Board Squadron, otherwise known as SBS.

Tuan Yang di-Pertua, hampir setiap hari kita membaca tentang ancaman rompakan di perairan kita. Ancaman rompakan ini nampaknya semakin serius kerana baru-baru ini akhbar-akhbar melaporkan kegiatan rompakan di beberapa kawasan semakin bertambah. Selain rompakan di laut, jenayah lanun yang lebih terancam ialah beralih kepada rampasan kapal serta muatannya, menukar lambang dan menjual barang muatan kapal tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan tahunan terkini dari International Maritime Bureau (IMB) yang berpangkalan di London, terdapat 469 serangan atau cubaan serangan terhadap kapal-kapal di lautan sewaktu melabuh atau di pelabuhan. Laporan IMB itu turut menyiapkan bahawa di kawasan ini iaitu di sekitar perairan Indonesia dan Selat Melaka adalah merupakan tumpuan utama bagi serangan lanun-lanun pada masa hadapan. Malah dalam masa tiga bulan yang lepas, kita telah menyaksikan dua cubaan untuk merampas kapal di sekitar kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya akhbar *The Star* bertarikh 21 Mac melaporkan bahawa sebuah kapal kargo Indonesia yang penuh dengan muatan timah dan ada hitam telah hilang selepas dirampas ketika dalam pelayaran ke Singapura dari Pangkalan Balam di Pelabuhan Bangka, Indonesia. Tiga belas orang lanun yang bersenjatakan dua pucuk senjata api telah menaiki kapal tersebut dan 31 orang krewnya ditawan oleh lanun-lanun tersebut.

Yang keduanya akhbar *The Star* bertarikh 2 April tahun ini melaporkan bahawa sebuah kapal yang dikenali *MV Inabukara* telah dirampas kapal yang

dipenuhi dengan 320 timah jongkong dan beberapa tan timah pekat dan tiga tan lada putih. Selepas pencarian selama satu minggu, kapal itu akhirnya ditemui berhampiran Pulau Luzon di Filipina. Pengawal Pantai Filipina telah menahan kapal tersebut dan menangkap tujuh orang rakyat Indonesia yang disyaki sebagai lanun di atas kapal tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, International Maritime Organization (IMO) telah melaporkan seperti berikut dengan izin, *“According to recent statistics, the situation vis-a-vis piracy and armed robbery in the South China Sea and Eastern Indian Ocean has deteriorated and in certain cases it has reached very worrying dimension.”*. IMO selanjutnya melaporkan dengan izin, *“In a Straits of Malacca, bordered by Singapore, Malaysia and Indonesia, the situation has dramatically worsened with 75 attacks reported in the year 2000.”*.

Dan baru-baru ini, IMO dilaporkan dalam akhbar *The Star* bertarikh 7 hariulan baru-baru ini dengan izin, saya membaca, *“The International Maritime Bureau piracy center has issued a warning that piracy attacks in the narrow Straits of Malacca, Singapore Straits and Indonesia waters could lead to major environmental catastrophe”*. Dan satu lagi, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *“Not one day passed without a ship being attacked either successfully or not.”*.

Tuan Yang di-Pertua, telah dimaklumkan bahawa lanun-lanun di zaman moden ini adalah berbeza dengan lanun-lanun dahulu yang mana negaranya dipenuhi dengan legenda. Lanun-lanun pada masa kini bersenjatakan senjata automatik dan menggunakan bot laju yang boleh mengatasi kelajuan bot-bot rendah. Anggaran kerugian setahun akibat daripada rompakan dan penipuan di laut mencapai angka USD16 bilion (Dollar Amerika Syarikat) dalam tahun 2000 dan angka ini dijangka akan terus meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan mengenai masalah rompakan di laut bukan hanya kepada mereka yang berkecimpung dalam industri perkapalan dan yang berkaitan dengannya sahaja malah turut melibatkan mereka yang mentadbirkan undang-undang. Adalah tepat pada masanya sekarang, Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapannya telah menyuarakan perlunya langkah-langkah dan usaha-usaha untuk meningkatkan persaingan di kalangan pelabuhan-pelabuhan negara ini melalui persepakatan dan kerjasama strategik dengan syarikat-syarikat perkapalan utama dunia dan lembaga-lembaga pengurusan pelabuhan di samping menumpukan Lembaga Pelabuhan Malaysia.

Untuk membolehkan matlamat ini tercapai, kita semua mestilah berwaspada dalam memastikan kawasan perairan di sekitar Malaysia terutamanya di Selat Melaka dilindungi daripada ancaman rompakan lanun. Kita mestilah memastikan bahawa langkah-langkah yang wajar diambil terhadap kegiatan rompakan di perairan di negara kita. Kita mestilah komited dalam menangani isu rompakan ini.

Kita semua perlu bekerjasama untuk membendung ancaman ini. Pemilik-pemilik kapal dan pegawai-pegawai perkapalan, *crew*, Kementerian Pertahanan, pegawai penguat kuasa undang-undang dan tentera laut adalah perlu memainkan peranan masing-masing bagi melindungi hak kawasan dan kedaulatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak memadai hanya dengan meningkatkan perjanjian secara dua hala sahaja dengan negara Indonesia dan Singapura untuk menyelaraskan rondaan di Selat Melaka dan Selat Singapura bagi tujuan keselamatan laluan perkapalan tetapi, sebenarnya negara kita mestilah mempunyai pasukan sendiri yang dilengkapi dengan peralatan secukupnya.

Selain masalah rompakan di laut yang perlu kita tangani, terdapat pula pendatang tanpa izin yang bukan lagi suatu perkara yang luar biasa, di mana pendatang daripada negara jiran seperti Indonesia, Filipina dan malah dari negara China cuba memasuki Malaysia secara haram melalui jalan laut.

Pada 31 Mac, akhbar *The Star* melaporkan bahawa seramai 164 orang rakyat Filipina cuba memasuki negara ini dengan menaiki kapal yang didaftarkan di Filipina. Mereka ini tidak tersekat di laut lepas sebaliknya mereka tersekat di Kuala Sungai Batu Putih yang terletak betul-betul di pintu masuk negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya terdapat pencerobohan yang konsisten terhadap pantai benua kita oleh kapal pukat tunda nelayan asing. Kapal pukat tunda daripada Indonesia, Thailand, Filipina malah China datang untuk merampas hasil laut di perairan kita yang memang terkenal kaya dengan isi lautnya. Sehingga kini, kita masih tidak berkeupayaan untuk menangani masalah yang ditimbulkan oleh mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya mengutarakan semua perkara di atas, sesungguhnya kini tibalah masanya bagi negara kita mempunyai pengawal pantai sendiri. Malaysia mempunyai persisiran pantai yang panjang, baik di Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak dan kita tiada perkhidmatan mengawal pantai. Dalam membicarakan perkara ini, saya tidaklah bermaksud bahawa pasukan polis marin dan tentera laut di negara ini kurang berkesan. Walau bagaimanapun, kita

menubuhkan unit pasukan tentera laut elit khas di mana anggotanya sentiasa bersedia menghadapi sebarang risiko tinggi. Syarat-syarat kemasukan bagi pengambilan anggota pasukan ini ialah kekuatan fizikal yang tinggi, berani dan bermotivasi. Mereka ini akan beroperasi di garisan hadapan menghadapi musuh termasuklah dalam operasi-operasi peninjauan.

Tuan Yang di-Pertua, pengawal pantai Malaysia atau *Malaysian coast guard* boleh menjadi perintis negara sebagai agensi menguatkuasa undang-undang maritim yang mempunyai kuasa untuk menangkap, menyiasat dan menfailkan dakwaan di mahkamah undang-undang. Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak agensi-agensi yang terlibat seperti

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Lau, ada yang minta laluan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya amat tertariklah dengan penjelasan daripada saudara saya Yang Berhormat Datuk William Lau berkenaan dengan keselamatan di kawasan perairan kita, seolah-olah daripada gambaran seperti yang dilaporkan oleh *International Maritime Bureau* dan sebagainya, seolah-olah wujud satu krisis di kawasan perairan kita. Jadi, saya ingin tahu, baru-baru ini kita nampak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diberikan *beret* hijau, ini gerak khas di peringkat Angkatan Tentera Darat tetapi, saya ingin mengetahui adakah pihak Datuk sendiri mengetahui wujudkah tidak satu gerakan khas, gerak gempur di dalam *maritime police* ataupun di dalam tentera laut pada masa kini, kerana saya perhatikan keganasan di kawasan sekitar perairan kita terutama Selat Melaka dan juga di perairan antara Sabah dan Filipina telah pun meningkat, bukan sahaja orang-orang kita diculik tetapi rampasan-rampasan kapal sehinggakan kapal kita di *high jack* dan segala barang-barang serta anak-anak kapalnya dibawa lari.

Jadi, ini memerlukan satu tindakan yang amat serius, mungkin tindakan gerakan khas atau *special strike force* dengan izin, untuk mengatasi masalah ini, dengan senjata yang lengkap. Pada masa yang sama, dalam ucapan saya pun saya sebut, gunakan satelit untuk hendak mengesan Tuan Yang di-Pertua, segi gerak geri di kawasan perairan kita. Saya nampak kegunaan satelit pun masih belum diwujudkan secara menyeluruh kerana saya perhatikan kawasan kita ini amat menarik. Kawasan perairan kita, di negara kita menarik banyak perhatian. Orang

hendak menceroboh pun ramai. Jadi, saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk William Lau Kung Hui: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan sahabat saya, Dato' Abdul Aziz. Memanglah pandangan dia memang dialukanlah. Jadi, memang satu pandangan dan kerajaan haruslah mengambil perhatian. Saya anggap banyak lagi perkara kerajaan mestilah ambil perhatian kerana perkara ini, lanunlah, *high jack* lah, macam-macam termasuklah....., memang ini merupakan satu perkara yang besar dan jikalau kerajaan tidak mengambil perhatian, saya takut ini akan menjejaskan *the future development of a maritime interest* di negara inilah. Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengucapkan terima kasih kepada kawan saya iaitu, Dato' Abdul Aziz yang membentang satu *opinion* yang menghargai saya.

Jika, berlaku suatu jenayah seperti kapal pukat tunda asing dijumpai menangkap ikan di persisiran perairan negara, polis marin atau tentera laut atau mungkin juga polis akan mengarahkan siasatan ini kepada jabatan perikanan yang akan menjalankan siasatan dan seterusnya membuat dakwaan terhadap kes tersebut. Begitu juga jika terjumpa kapal yang membawa barang dagangan tanpa cukai oleh polis marin, mereka akan menyerahkan kepada Jabatan Kastam untuk mengendalikan siasatan dan mendakwa. Kini, belum ada satu *one stop agency*, dengan izin untuk mengendalikan semua urusan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Pasukan Pengawal Pantai (Malaysian Coast Guards) yang dicadangkan ini akan menjadi pusat setempat agensi penguatkuasaan undang-undang maritim, bergaya, lengkap dan memiliki bidang kuasa undang-undang yang luas untuk menjamin kedaulatan negara di setiap inci perairan negara, litoral serta di laut lepas.

Tuan Yang di-Pertua, Pasukan Pengawal Pantai kita akan menguatkuasakan semua undang-undang dan perjanjian maritim bertujuan untuk memastikan orang dan barangan seludup yang menyalahi undang-undang dari memasuki negara dan menumpaskan mereka yang mencuri dan merompak sumber-sumber laut kita sama ada hidupan atau galian, menumpaskan jenayah di peringkat persekutuan atau antarabangsa dan berkhidmat sebagai penjaga dan pelindung kepada hak rakyat Malaysia terhadap ancaman maritim yang bukan bersifat keterangan.

Saya ingin menyentuh satu lagi aspek Titah Ucapan Tuanku Yang di-Pertuan Agong. Yang di-Pertuan Agong telah mengingatkan rakyat supaya menjaga

keamanan dan keharmonian dalam negara ini untuk mempertahankan negara ini dari ancaman musuh untuk mengelakkan perkara-perkara yang boleh membawa kepada pertelingkahan kaum, agama dan politik kerana ia akan menjejaskan kemakmuran negara dan kestabilan politik.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu peringatan yang sangat kena pada masanya. Apa yang berlaku di Kampung Lindungan, Kampung Medan baru-baru ini masih segar dalam ingatan kita. Adakah kemiskinan di bandar yang menyebabkan ketegangan ini berlaku? Adakah ia berpunca daripada kekurangan interaksi di antara kaum di situ?

Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar pelbagai versi tentang punca kemalangan tersebut, saya tertanya-tanya apakah pelajaran yang boleh diperolehi daripada kejadian tersebut? Pada pendapat saya, selain memberikan mereka dengan keperluan fizikal, sosial dan mengadakan pembangunan untuk mereka, apa yang mereka perlukan adalah lebih daripada itu. Reaksi kami terhadap kejadian itu ialah mereka yang mengambil bahagian dalam pergaduhan tersebut tidak perlu dikutuk, sebaliknya kita harus mengambil iktibar.

Tuan Yang di-Pertua, keganasan dan balas dendam merupakan lumrah yang meresap ke setiap peringkat kehidupan kita, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di setiap negara membangun dan negara maju. Musuh kita yang sebenar bukan datang dari luar negara tetapi terletak pada minda rakyat kita dan struktur kemasyarakatan di negara ini. Kini belum ada lagi agensi setempat untuk mengatasi masalah ini. Apa yang perlu ialah kita harus belajar bertolak ansur. Maaf tidak bermakna melepaskan orang yang melakukan kesalahan dari diambil tindakan undang-undang. Undang-undang negara ini, tanpa ragu, masih berkuatkuasa.

Saya mencadangkan, kerajaan patut menimbangkan untuk menetapkan satu hari dalam setahun sebagai Hari Sembahyang (Observation Day) yang melibatkan semua penganut agama di negara ini. Ia merupakan satu hari perundingan bersama dan perancangan negara di mana semua orang saling bermaafan dari salah dan silap dan menebus diri kita sendiri dan orang-orang yang tersalah laku dari melakukan kesilapan. Jika semua kumpulan agama bersetuju bersembahyang memohon keamanan dan perdamaian mengikut cara masing-masing pada hari tersebut, ia boleh mewujudkan perasaan tolak ansur di kalangan masyarakat kita dalam jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, memilih untuk berdamai bermula dari dalam hati diri sendiri. Inilah sebenarnya yang menjadi asas piagam Bangsa-bangsa Bersatu dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "*The debased hideousness of life that prevails in or midst calls for an immediate turning to what our respective religious require of us*". Pada masa ini pun kita sedang berusaha mencari perdamaian, keharmonian kaum untuk kestabilan manakala Kerajaan dan semua pihak berkuasa janganlah hanya sekadar bercakap sahaja tetapi hendaklah melaksanakan undang-undang sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin menyokong sepenuhnya usul mengucapkan syukur di atas Titah Ucapan Tuanku dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Dato' Dr. Chin Fook Weng.

5.07 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyokong Usul Menjunjung Kasih Di atas Titah Ucapan Tuanku Yang di-Pertuan Agong. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua. Pada fahaman saya, ini adalah satu pengiktirafan yang sangat tepat pada tempatnya dan saya harap Tuan Yang di-Pertua dapat menjalankan tugas dengan penuh dedikasi, dengan penuh tanggungjawab dan sekali lagi saya ucapkan tahniah.

Di dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia itu, Tuanku telah menyentuh tentang banyak perkara dan pada hari ini rakan-rakan saya telah juga memberi pandangan mereka tentang perkara-perkara itu. Ada beberapa perkara lagi yang belum disentuh dan saya ingin menyentuh perkara-perkara ini dahulu sebelum saya memberi pandangan saya terhadap perkara-perkara lain. Di dalam ucapan itu Tuanku telah menyebut tentang perkara menjalankan tanggungjawab dan kewajipan semua Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat .

Tuanku telah menyuruh supaya kita semua menjalankan tugas-tugas ini dengan penuh hemah dan amanah demi kepentingan rakyat dan negara. Bagi saya ini adalah satu seruan yang sangat tepat kerana kebelakangan ini negara kita telah menghadapi banyak masalah dan pada pendapat saya juga banyak daripada

masalah itu timbul daripada beberapa perkara yang boleh disebut sebagai tidak harus berlaku.

TuanKu juga menyuruh kita supaya mengambil usaha untuk membanteras jenayah dan jenayah yang disebut itu adalah jenayah rasuah, jenayah salah guna kuasa, jenayah penyelewengan sehingga ke akar umbi dan ini kalau tidak dikawal dengan baik nampaknya akan menjejaskan negara kita dan akan menjejaskan banyak rancangan untuk pembangunan di negara kita.

Nampaknya ini bukan kali yang pertama TuanKu telah menyentuh tentang usaha membanteras jenayah. Pada hemat saya mungkin perkara ini sungguhpun diberi perhatian yang begitu lama, masih menjadi satu perkara yang tidak terkawal sehingga dalam ucapan itu juga disentuh tentang hal-hal ini.

Saya berharap pihak yang berkenaan khasnya BPR akan mengkaji tindakan-tindakan mereka, akan mengkaji sama ada setakat ini usaha-usaha mereka telah membawa kita ke satu tahap di mana perkara-perkara ini telah dikurangkan ataupun usaha-usaha mereka setakat ini tidaklah mencapai hasrat yang kita harapkan.

Daripada segi struktur BPR, mungkin apa yang digunakan sekarang iaitu meletakkan ia sebagai satu badan di bawah Jabatan Perdana Menteri harus dikaji semula sama ada itu telah melemahkan usaha-usaha badan ini untuk menghapuskan jenayah yang tiap-tiap kali ini dibangkitkan.

Kalau didapati bahawa daripada segi struktur badan itu, badan ini telah disekat daripada mengambil tindakan yang tegas dan berkesan terhadap pihak-pihak tertentu, ini harus diberi perhatian yang serius oleh kerajaan dan mungkin kalau badan ini hanya bertanggungjawab kepada Parlimen sama ada ia dapat memainkan satu peranan yang lebih efektif yang akan menghapuskan jenayah-jenayah yang disebut oleh TuanKu itu kita minta kerajaan supaya memberi satu kajian yang teliti kepada perkara ini kerana setakat saya menjadi ahli dalam Dewan yang mulia ini saya sudah banyak kali mendengar perkara semacam ini dibangkitkan dalam ucapan. So, nampaknya tidak ada satu penyelesaian yang cukup matang dan yang cukup baik supaya perkara ini tidak perlu dibangkitkan oleh TuanKu tiap-tiap kali.

Satu lagi perkara yang belum diberi banyak perhatian ialah tentang cadangan untuk mengkaji semula konsep fungsi dan masa depan FELDA. Nampaknya ini ada kaitan dengan kejatuhan harga komoditi utama seperti kelapa sawit dan getah di pasaran dunia.

Di dalam kajian yang dicadangkan itu ialah untuk menggalakkan generasi kedua peneroka itu iaitu anak-anak peneroka supaya terus menyumbang usaha mereka dan terus menyumbang usaha ibu bapa mereka dalam memajukan skim-skim FELDA tetapi memandangkan usaha ini kurang lumayan dan setakat ini peneroka-peneroka itu dianggap sebagai berada di tahap kemiskinan di dalam negara kita kerana kejatuhan harga utama komoditi berkenaan dan kalau keadaan ini tidak berubah, bagaimana kita dapat menggalakkan generasi muda ini.

Adalah lebih baik mereka bekerja di kilang-kilang kerana di kilang-kilang mereka dalam keadaan yang lebih selesa, ada hawa dingin, dekat dengan bandar, mereka boleh menikmati banyak kemudahan tetapi di dalam skim-skim FELDA ini mereka hanya menderita apabila ada kejatuhan harga komoditi yang ditanam oleh mereka itu. Jadi, kalau kita menyuruh mereka supaya terus melibatkan diri mereka dalam skim-skim ini, kita mesti memastikan bahawa mereka tidak terletak dalam satu tahap kemiskinan sehingga itu tidak menjadi satu galakan kepada mereka ini.

Saya berharap dalam kajian yang akan dibuat itu semua perkara tentang bagaimana mereka boleh diberi satu kehidupan yang berpatutan dan bukan sampai ke satu tahap kemiskinan, itu juga diambil kira kerana pada pendapat saya semua kajian itu tidak akan berjaya sekiranya perkara yang menjadi pokok ini tidak diatasi.

Pada hemat saya bukan mereka tidak mahu meneruskan apa yang telah diusahakan oleh ibu bapa mereka tetapi pulangan daripada usaha itu juga mesti diambil kira sama ada mencukupi kepada mereka atau tidak, juga menjadi satu faktor.

Dalam kajian semula tentang konsep, fungsi dan masa depan FELDA ini, kerajaan juga harus mengambil kira penglibatan kaum-kaum lain dalam skim-skim FELDA ini kerana pada masa ini penglibatan kaum-kaum lain itu adalah kurang dan ini tidak akan meningkatkan kefahaman dan perpaduan negara kita kalau hanya satu kaum sahaja yang terlibat dalam memajukan tanah-tanah untuk negara kita tetapi rakyat lain itu tidak diberi peluang.

Dalam kajian semula ini, saya harap faktor-faktor penglibatan mengambil bahagian oleh pihak seluruh rakyat kita itu diberi perhatian yang serius supaya lebih ramai rakyat kita tidak kira kaum tetapi kalau mereka masih berusaha, masih ada semangat sebagai peneroka, mereka patut diberi satu peluang untuk masuk ke skim-skim ini dan untuk membuka skim-skim baru.

Dalam usaha meningkatkan harga komoditi utama kita, saya dapati satu perkara yang besar ialah kurang kerjasama di antara dua kementerian yang ada kaitan dengan harga komoditi iaitu Kementerian Pertanian dan Kementerian Perusahaan Utama. Untuk mengatasi masalah kejatuhan harga komoditi ini, saya cadang bahawa kita harus kaji sama ada sesuai atau tidak bahawa kita hanya memberi semua perhatian kita kepada satu, dua komoditi.

Pada masa yang kebelakangan ini apabila harga kelapa sawit itu begitu tinggi, semua usaha dalam sektor pertanian itu dikurangkan, semua perhatian diberi kepada kelapa sawit. Kita juga sebut-sebutkan itu sebagai, dengan izin, *golden crop* iaitu satu tanaman yang memberi begitu banyak pulangan kepada mereka yang terlibat dan banyak daripada pekebun kecil juga mula menanam kelapa sawit dan kerajaan juga memberi bantuan kepada pihak-pihak ini supaya terus masuk ke sektor ini tetapi tiap-tiap kali kerana sektor ini ialah satu sektor yang *cyclical*, tiap-tiap kali harga naik ia akan diikuti dengan harga turun dan sekarang telah sampai ke satu paras yang begitu rendah.

Kalau kita tidak mengambil tindakan yang sesuai untuk mengatasi masalah ini, maka sampai bila pun ini menjadi satu perkara yang rumit kepada rakyat kita. Apa yang saya sarankan ialah kita harus mengkaji cara mempelbagaikan tanaman kita iaitu tidak semata-mata bergantung kepada satu dua jenis tanaman.

Pada masa dahulu kita telah bergantung kepada getah, selepas getah kita telah masuk ke kelapa sawit. Sekarang kayu dari getah telah menjadi komoditi utama dalam industri getah dan getah telah menjadi komoditi yang sekunder atau *secondary commodity*. Sekarang bila kita tanam getah, kita mahu pokok, bukan mahu lateks. Oleh kerana penukaran harga setiap kali dan kita juga tidak boleh mengatasi masalah ini dengan mengadakan satu simpanan yang besar atau satu *stockpile* kerana ini adalah bahan-bahan yang senang rosak kalau simpan terlalu lama maka ia akan rosak dan kalau kita ada *stockpile*, kita sia-sia sahaja oleh kerana apabila komoditi ini telah rosak, kita tidak dapat mengguna terus.

Saya sangat mengalu-alukan langkah-langkah yang dicadangkan oleh kementerian sebagai mencari pasaran baru, meningkatkan usaha pembangunan dan penyelidikan untuk meningkatkan produktiviti, mengambil tindakan mengurangkan kos dan mencari lebih kegunaan akhir komoditi tersebut. Tetapi ini adalah usaha-usaha yang sampingan sahaja, oleh kerana perkara yang menjadi pokok ialah sama

ada kita terlalu bergantung kepada satu komoditi sahaja dalam negara ini dan itu pada pendapat saya ialah mengambil satu risiko yang terlalu besar.

Adalah lebih baik Kementerian Pertanian dan Kementerian Perusahaan Utama bekerjasama mengkaji perkara ini oleh kerana negara kita sungguhpun ke arah satu negara maju, kita masih pegang kepada pertanian sebagai satu sektor yang menyumbang kepada negara. Oleh kerana itu, kedua-dua kementerian ini harus bekerjasama dan mengkaji bagaimana dasar-dasar dalam sektor ini telah menguntungkan rakyat kita dan sama ada kita harus mengkaji semula apa yang digalakkan oleh kerajaan setakat ini. Dan kalau didapati tidak sesuai, maka tindakan-tindakan yang lebih penting diambil. Sebagai contoh, semasa mereka

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, oleh kerana masa telah cukup boleh kita sambung ucapan perbahasan Dato' esok.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini persidangan Dewan ini ditangguhkan hingga hari esok jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

Lampiran

**TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA
YANG DIPERTUAN AGONG XI
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**

**Bismillaahir Rahmaanir Rahiim,
Assalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersamasama di **Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Kesepuluh pada hari ini.**

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana keselamatan negara adalah terkawal dan terus berada dalam keadaan aman dan stabil. Pentadbiran kerajaan Beta berjalan dengan lancar dan rakyat Beta hidup dalam aman dan makmur. Semuanya ini diperolehi melalui pentadbiran kerajaan yang berwibawa di bawah pimpinan Memanda Beta Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Beta bersyukur dengan pengisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 2001. Pemusatan pentadbiran kerajaan Beta di Putrajaya akan menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan kecekapan pentadbiran kerajaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, seluruh rakyat patut bersyukur kerana ekonomi negara semakin kukuh. Pada tahun ini pertumbuhan ekonomi dijangka akan terus berkembang dengan pesat. Pada tahun ini juga kerajaan Beta akan melancarkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga dan Rancangan Malaysia Kelapan. Beta yakin dan percaya kedua-dua rancangan ini akan dapat meneruskan agenda pembangunan Malaysia dalam dekad baru ini.

Walaupun Malaysia telah mencapai kemajuan ekonomi yang pesat, Beta ingin mengingatkan bahawa usaha untuk mengekalkan pencapaian ini adalah lebih mencabar. Terdapat pelbagai risiko dari dalam dan luar negara yang boleh menjejaskan kedudukan ekonomi semasa dan menggagalkan usaha Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Oleh itu, Beta menyeru kepada kerajaan dan rakyat supaya meneruskan usaha gigih bagi meningkatkan keteguhan dan daya saing ekonomi supaya dapat mengharungi ketidakpastian masa hadapan dan mencapai pertumbuhan ekonomi yang berkekalan demi kesejahteraan rakyat.

Kejayaan kerajaan Beta mempelbagaikan ekonomi negara dalam tempoh yang singkat telah menjadikan Malaysia ikutan banyak negara membangun. Sektor pembuatan telah menerajui pertumbuhan ekonomi dan berperanan penting membantu Malaysia keluar dari krisis ekonomi yang lalu. Sektor ini juga telah membuka banyak peluang pekerjaan untuk rakyat Beta. Hasilnya, Malaysia telah berjaya mencapai tahap guna tenaga penuh.

Beta bersukacita arah aliran perdagangan luar Malaysia terus mencatatkan perkembangan yang menggalakkan. Usaha-usaha secara intensif akan diteruskan bagi memperkenalkan Malaysia sebagai pusat pengilangan yang unggul di rantau ini untuk menarik pelaburan asing. Malaysia akan terus mengambil bahagian secara aktif dalam kumpulan kerjasama ekonomi serantau untuk memperkukuhkan lagi kerjasama ekonomi di peringkat antarabangsa.

Ahli-ahli Yang Berhormat, hasrat kerajaan Beta untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maritim semakin tercapai. Perdagangan yang dikendalikan melalui pelabuhan-pelabuhan negara semakin meningkat dan kapal-kapal induk juga telah menambah kekerapan persinggahan. Kerajaan Beta akan terus meningkatkan lagi daya saing pelabuhan-pelabuhan melalui gabungan strategik dengan syarikat-syarikat perkapalan induk dan pengendali-pengendali pelabuhan utama di dunia. Sebuah badan iaitu Lembaga Pelabuhan Malaysia sedang diwujudkan bagi mengawal selia pelabuhan-pelabuhan tempatan.

Perbelanjaan mengimport bahan makanan telah meningkat dengan besarnya, sedangkan negara kita mempunyai banyak sumber yang boleh dimajukan. Kerajaan Beta akan terus meningkatkan keupayaan pengeluaran makanan dengan penglibatan pihak swasta melalui pertanian moden dan berskala besar.

Kerajaan Beta amat prihatin terhadap kejatuhan harga komoditi utama seperti kelapa sawit dan getah di pasaran dunia. Kerajaan Beta akan terus berusaha untuk menstabilkan harga komoditi ini melalui penerokaan pasaran-pasaran baru, meningkatkan usaha penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos serta mempelbagaikan kegunaan akhir komoditi.

Walaupun pertumbuhan sektor perkhidmatan menggalakkan, namun kerajaan Beta akan terus berusaha untuk membangunkan lagi potensi sektor ini. Masih banyak ruang dalam sektor kecil pelancongan, kesihatan, perdagangan, kewangan, pendidikan dan komunikasi yang boleh dimajukan untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Beta menyeru kepada sektor swasta supaya berusaha mencari peluang pasaran baru dengan menceburi bidang e-dagang, tele-perubatan dan sebagainya. Beta bersyukur kerana industri pelancongan telah kembali pulih. Langkah-langkah mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terunggul dan kempen pelancongan domestik akan dilipatgandakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, penubuhan Koridor Raya Multimedia merupakan komitmen kerajaan Beta untuk membawa Malaysia ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan. Kejayaannya bergantung kepada sejauh mana kesediaan rakyat menyerapi perubahan teknologi. Oleh itu, pembangunan sumber manusia yang memenuhi keperluan ekonomi berasaskan pengetahuan adalah sangat penting. Kerajaan Beta akan merangka dasar dan strategi ke arah pembangunan sumber tenaga yang mempunyai pelbagai kemahiran dan serba boleh.

Beta gembira perkhidmatan penyiaran negara sedang dipertingkatkan dari sistem analog kepada teknologi digital. Beta yakin, penggunaan teknologi digital akan menjadikan industri penyiaran negara lebih kompetitif di samping memberi pelbagai faedah dalam bidang multimedia kepada rakyat.

Sejajar dengan dasar kerajaan dan amalan kawal selia yang baik, kerajaan Beta akan terus mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki industri bekalan elektrik negara. Suruhanjaya Tenaga yang bertindak sebagai badan kawal selia bagi aktiviti bekalan elektrik dan gas sedang ditubuhkan. Suruhanjaya ini akan mewujudkan dan memperbaharui piawaian kualiti, teknikal dan kod etika bagi pasaran elektrik dan gas.

Beta bersyukur di atas kejayaan pelbagai usaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan. Namun, kerajaan Beta akan meneruskan usaha tersebut selaras dengan sasaran membasmi sepenuhnya kemiskinan mutlak menjelang tahun 2005. Satu program baru membasmi kemiskinan iaitu Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat akan dilaksanakan di kawasan dan kalangan kumpulan yang mencatat insiden kemiskinan yang tinggi termasuk di kalangan masyarakat Orang Asli.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi menghadapi cabaran alaf baru, pendekatan yang lebih strategik akan digunakan untuk memanfaatkan sumber pendidikan sedia ada secara cekap dan optimum bagi menghasilkan sistem pendidikan yang berkualiti. Pendekatan yang berbentuk menyeluruh dan bersepadu akan menjadi teras utama pembangunan pendidikan bagi memenuhi permintaan pendidikan yang meningkat serta menangani kekangan sumber-sumber pendidikan yang meningkat serta menangani kekangan sumber-sumber pendidikan dalam memenuhi cabaran era globalisasi.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, pembangunan desa akan terus diperhebatkan ke arah mewujudkan desa sebagai kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan selaras dengan falsafah dan strategi baru pembangunan luar bandar. Tumpuan akan diberikan kepada pembangunan prasarana untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat desa dan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.

Kerajaan Beta juga akan menjalankan kajian tentang konsep, fungsi dan masa depan FELDA. Penekanan akan diberikan kepada menggalakkan generasi kedua peneroka

menyambung usaha-usaha ibu bapa mereka supaya memperolehi pendapatan yang lebih lumayan sejajar dengan taraf hidup masa kini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan Beta akan meneruskan agenda pembangunan bumiputera, khususnya pembangunan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang lebih dinamik dan berdaya saing. Usaha menyusun semula hak milik korporat akan diberi penekanan semula dalam usaha memperbetulkan ketidakseimbangan ekonomi di kalangan kumpulan etnik, misalnya dengan mempromosikan penglibatan aktif bumiputera dalam k-ekonomi dan memperkukuhkan daya tahan dan daya saing mereka dalam menangani cabaran ekonomi tanpa sempadan.

Kerajaan Beta sedar bahawa perumahan merupakan keperluan asas yang penting bagi rakyat. Usaha menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi, selesa dan termampu khususnya bagi menampung keperluan golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana akan diteruskan. Kerajaan Beta akan memberi keutamaan untuk meningkatkan persekitaran hidup yang selamat dan selesa. Penubuhan sebuah Suruhanjaya Kawals elia Air dan Sanitasi sedang dalam perancangan. Perhatian serius akan terus diberi kepada pemeliharaan alam sekitar.

Bagi mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, tumpuan akan terus diberi terhadap aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sains dan teknologi khasnya bioteknologi di samping meningkatkan usaha-usaha memasarkan penemuan-penemuan tersebut. Beta berasa bangga di atas kejayaan negara menceburi industri aeroangkasa dan teknologi satelit melalui pelancaran satelit kecil Tiung S at-1 pada 26 September 2000.

Kerajaan Beta akan memperkukuhkan sistem perkhidmatan kesihatan asas manakala perkhidmatan pakar akan diperluaskan lagi supaya lebih ramai rakyat Malaysia akan menikmati kemudahan rawatan khusus. Satu tabung kebajikan kesihatan telah ditubuhkan untuk mengurangkan beban pesakit dan keluarga mereka membiayai kos rawatan perubatan.

Beta bangga dengan komitmen yang ditunjukkan oleh Kerajaan Beta dalam usaha membanteras jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan sehingga ke akar umbi. Ini adalah selaras dengan azam Kerajaan Beta untuk menjadikan keluhuran undang-undang sebagai pegangan hidup rakyat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Beta sedar bahawa belia adalah satu aset yang penting yang mempunyai potensi besar untuk menyumbang kepada pembangunan negara. Oleh itu, usaha-usaha untuk memerangi dadah dan gejala sosial yang lain akan terus dipertingkatkan melalui Program Pembangunan Belia yang mengutamakan pembinaan jati diri, bersemangat sukarela dan patriotik. Bidang sukan dan rekreasi akan terus diberi penekanan bagi meningkatkan tahap kecergasan fizikal dan mental.

Keharmonian perhubungan perusahaan perlu dikekalkan demi menjamin pertumbuhan ekonomi negara. Sikap toleransi perlu diamalkan dan sebarang masalah hendaklah diselesaikan di meja perundingan. Kerjasama yang erat di antara kerajaan, majikan dan pekerja sebagai rakan perkongsian bistari akan dapat mengekalkan perhubungan perusahaan yang harmoni di negara ini.

Kerajaan Beta akan terus melaksanakan program untuk meningkatkan perlindungan pengguna melalui kesedaran terhadap hak dan tanggungjawab mereka. Dasar Pengguna Negara yang merupakan komitmen kerajaan terhadap pengguna sedang diusahakan dan satu pelan induk pengguna telah mula disediakan pada awal tahun ini.

Kerajaan Beta akan sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan pengangkutan jalan termasuk pengangkutan rel untuk kemudahan rakyat. Banyak kemajuan telah dicapai termasuk pembinaan lebuh raya moden bertaraf antarabangsa, sistem transit aliran ringan dan sistem komuter. Sebuah Suruhanjaya Kawalselia yang merangkumi rel dan jalan bertol sedang dalam perancangan untuk diwujudkan. Beta berasa sedih kerana kadar kematian di jalan raya semakin meningkat. Beta berharap semua pengguna sentiasa berhati-hati di jalan raya.

Beta merasa sukacita dengan penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga bagi melaksanakan strategi dan tindakan untuk memastikan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita dilaksanakan sepenuhnya dan halangan-halangan gender dikurangkan. Usaha-usaha akan terus diambil untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh, menambahkan peluang pendidikan dan latihan, meningkatkan status kesihatan, mengkaji semula undang-undang dan peraturan yang mendiskriminasikan wanita dan menangani pelbagai masalah sosial yang dihadapi oleh wanita. Usaha juga akan dipusatkan untuk mewujudkan keluarga yang bahagia dan progresif.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Beta menyeru kepada semua rakyat supaya bersyukur di atas kenikmatan dan kemakmuran yang kita kecapai sekarang. Bersyukur adalah satu cara kita melahirkan ucapan penghargaan dan pujian kepada Allah dan terima kasih kita sesama manusia di atas nikmat yang kita perolehi. Firman Allah yang bermaksud: "Demi sesungguhnya, jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmatku kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabku amatlah keras."

Beta juga ingin mengingatkan kepada semua rakyat yang beragama Islam supaya sentiasa menjaga kesucian masjid. Kekalkan fungsi masjid sebagai tempat beribadat kepada Allah dan tempat mengeratkan perhubungan sesama Islam. Janganlah disalahgunakan masjid yang suci sehingga menjadikannya sebagai tempat menimbulkan perpecahan dan mencetuskan perasaan benci membenci serta mencaci pihak lain. Beta juga menyeru orang Melayu dan beragama Islam supaya sentiasa bersatu padu dan janganlah berpecah belah. Allah Subhanahu Wata'ala telah berfirman yang maksudnya, "Dan taatlah kamu kepada Allah

dan RasulNya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang sabar". Kerajaan Beta akan terus berusaha untuk menyatukan orang Melayu dan menghindar perpecahan.

Beta juga ingin mengingatkan semua rakyat supaya bersama-sama mengeratkan perpaduan demi menjaga keselamatan tanah air kita dari ancaman musuh. Elakkanlah perkara-perkara yang boleh merenggangkan hubungan antara kaum kerana ini boleh menjejaskan kemakmuran dan kestabilan politik. Sehubungan itu, Kerajaan Beta sedang menggubal Dasar Sosial Negara yang bertujuan untuk membentuk dan membangunkan suatu masyarakat Malaysia yang sihat, teguh dan utuh moral, kerohanian, emosi, mental dan fizikal demi kesejahteraan insan, agama, bangsa dan negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Beta akan terus mengamalkan dasar luar yang proaktif sebagai lanjutan kepada perkembangan dasar dalam negara. Keutamaan akan diberikan bagi memperkukuhkan hubungan dua hala dengan semua negara sahabat, terutamanya Negara-negara ASEAN, Pertubuhan Negara-negara Islam dan Negara-negara Selatan. Penglibatan di peringkat antarabangsa akan terus dipertingkatkan.

Beta berbangga dengan Perkhidmatan Awam yang sentiasa berusaha meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatannya. Anggota-anggota Perkhidmatan Awam, Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia hendaklah terus berpegang teguh kepada etika dan sentiasa memberi taat setia yang tidak berbelah-bagi kepada Kerajaan dan negara. Kerajaan Beta juga akan terus memberi perhatian kepada kebajikan Anggota-anggota Perkhidmatan Awam dan Keselamatan. Beta ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada Anggota Perkhidmatan Awam, Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia dalam dan luar negara di atas perkhidmatan cemerlang dan peranan yang dimainkan untuk memelihara keselamatan dan kedaulatan negara.

Beta menyeru Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian supaya menjalankan tugas, kewajipan dan tanggungjawab dengan penuh hemah dan amanah demi kepentingan rakyat dan negara.

Akhirnya Beta menyeru semua rakyat supaya menumpukan taat setia yang tidak berbelah-bagi kepada negara yang tercinta ini untuk menjamin keamanan dan kemakmuran yang berkekalan.

Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

9 Mei 2001

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.
(Dilantik)

" Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)

" Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)

" Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin
(Dilantik)

" Timbalan Menteri Pendidikan,
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
(Dilantik)

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)

" Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan
Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)

" Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

" Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)

" Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

" Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)

" Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

" Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun
(Dilantik)

" Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)

" Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)

" Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)

" Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)

" Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)

- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
Yang Berhormat Dato’ Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- ” Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)
- ” Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P.
(Selangor)
- “ Dato’ Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae,
(Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ Haji Mohamed bin Ya’acob, P.S.M., P.M.K.,
S.P.M.K., Dato’ Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.
(Dilantik)
- “ Dato’ Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)

- " Dato' Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- " Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan M. Ratnam (Dilantik)

- " Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- " Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- " Tuan R. Sinniah (Dilantik)
- " Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- " Puan See Too Mee (Johor)
- " Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- " Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- " To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- " Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- " Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
- " Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- " Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAIPEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara

Abdullah Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Mazidah binti Mohamed

Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Marzila binti Muslim

Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman

Sulaiman bin Sirad

Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA

Jilid III	Bil. 1	Selasa	8 Mei 2001
------------------	---------------	---------------	-------------------

K A N D U N G A N

PEMILIHAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA	(Halaman 1)
PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA:	
- Mengalukan Pemilihan Timbalan Yang di-Pertua	(Halaman 1)
- Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong	(Halaman 2)
- Memperkenalkan Akta-akta	(Halaman 2)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 3)
- Urusan Mesyuarat	(Halaman 3)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 4)
USUL-USUL:	
- Jalan-jalan Masuk Ke Parlimen	(Halaman 26)
- Perlantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih	(Halaman 27)
- Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong - <i>Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman</i>	(Halaman 27)